

[Dokumen ini belum disemak]

## **PARLIMEN KESEBELAS**

**PENGGAL PERTAMA**

**MESYUARAT KETIGA**

---

**Bil. 22**

**Isnin**

**20 Disember 2004**

---

### **K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 2)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 2005 (Halaman 28)

Rang Undang-undang Kewangan 2004 (Halaman 98)

Rang Undang-undang Agensi Antidadah Kebangsaan 2004 (Halaman 118)

**MALAYSIA****DEWAN NEGARA****Isnin, 20 Disember 2004****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Yaakob bin Haji Mohammad** minta Perdana Menteri menyatakan sehingga bulan Ogos 2004, berapa ramaikah kakitangan perkhidmatan awam mengikut semua perkhidmatan yang telah menduduki ujian Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) dan jumlah yang telah lulus ujian PTK mengikut skim-skim perkhidmatan yang sedia ada serta strategi yang perlu diambil oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam dan kakitangan awam bagi mengatasi masalah ujian tersebut.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd Johari bin Baharum]:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, sehingga bulan Ogos 2004, bilangan anggota perkhidmatan awam yang telah menduduki Penilaian Tahap Kecemerlangan (PTK) adalah seramai 508,423 orang calon. Dari jumlah tersebut, seramai 432,140 orang telah menduduki peperiksaan PTK pada tahun 2003 dan calon yang telah lulus bagi tahun tersebut ialah seramai 65,515 orang atau 15.2%. Bagi tahun 2004, keputusan PTK hanya akan diketahui selepas semua PTK bagi tahun semasa dilaksanakan.

Berdasar maklum balas pelaksanaan PTK pada tahun 2003, usaha-usaha memantapkan pelaksanaan dan pemantauan keputusan sedang dibuat bagi memastikan PTK mencapai matlamatnya. Usaha-usaha JPA tersebut termasuklah mengadakan sesi-sesi penerangan bagi memberi penjelasan yang lebih menyeluruh kepada semua peringkat pegawai kerajaan di samping mengeluarkan *booklet* dan risalah sebagai panduan. Semua kementerian, jabatan dan agensi kerajaan juga diminta untuk menyediakan dan mengedarkan sukatan peperiksaan dan kokurikulum khusus serta senarai bahan rujukan asas dan menentukan bahan-bahan bacaan yang disenaraikan yang mudah diperolehi. Kementerian, jabatan dan agensi kerajaan juga digalakkan menyediakan program atau sesi bimbingan kepada semua pegawai di

samping kakitangan awam sendiri, mengambil inisiatif membuat persiapan sewajarnya sebelum menduduki PTK.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di atas jawapan yang agak komprehensif. Soalan tambahan saya, apa pandangan Yang Berhormat Dato' mengenai pandangan sebahagian besar daripada *staff* semua perkhidmatan awam yang menganggap pendekatan yang bercorak *exam oriented* ini dengan izin, tidak begitu sesuai. Apatah lagi, dengan *percentagenya* yang lulus hanya 15% daripada hampir 432,000 yang mengambil peperiksaan dan di samping itu, yang mengambil peperiksaan ini juga terdiri daripada mereka yang 45 tahun, 50 tahun ke atas. Jadi, tidakkah ini merupakan satu bebanan ataupun tekanan kepada pegawai-pegawai perkhidmatan awam? Terima kasih.

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya PTK ini dilaksanakan selepas kita dapat banyak kompelinlah dan juga bantahan daripada pegawai-pegawai kerajaan sendiri berhubung dengan pelaksanaan SSB dahulu. Jadi, SSB dahulu kita bergantung semata-mata kepada prestasi. Maknanya, terpulanglah kepada ketua-ketua jabatan untuk menentukan sama ada pegawai berkenaan itu layak atau tidak. Ini, banyak berlaku perkara-perkara yang tidak diingini dan ada yang teraniaya dan sebagainya. So, maka itu kerajaan telah mengubah pendekatan baru ialah dengan melaksanakan PTK pada tahun pertama November 2003.

Peperiksaan PTK ini kita sebenarnya tahap kita memilih kecemerlangan. Sebenarnya, pegawai yang lulus ini ramai. Tetapi, markahnya untuk tahap itu ialah 80. Maknanya, ramai yang lulus sebenarnya, bukan kata tidak lulus. Tetapi, kita hendak kepada kecemerlangan dan selain daripada itu, kriteria untuk kenaikan pangkat pun bukan berdasarkan kepada PTK. Walaupun dia lulus pada ujian PTK, mereka ini bergantung juga kepada prestasi lain yang dinilai oleh ketua jabatan dari segi kerja mereka dan juga kalau tidak ada terlibat dengan tatatertib, barulah *diconsider* untuk kenaikan pangkat.

Jadi, setakat hari ini saya ingat tidak ada masalahlah kerana pada peringkat mula, apa pun memanglah ia mempunyai masalah. Tetapi, alhamdulillahlah sampai sekarang ini, saya rasa tidak ada masalah yang timbul walaupun ada sedikit-sedikit lagi yang sedang kita perbaiki daripada semasa ke semasa. Terima kasih.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, kecekapan seorang pegawai bukan sahaja dilihat dari segi sudut merit sahaja ataupun lulus daripada ujian PTK. Adakah diberi pertimbangan kenaikan pangkat kepada pegawai yang tidak lulus PTK tetapi mempunyai kemahiran yang tinggi dalam profesion kerjayanya?

**Dato' Mohd Johari bin Baharum:** Seperti mana yang saya beritahu Yang Berhormat tadi, PTK ini sebahagian daripadanya, asas. Jadi, kriteria-kriteria lain diambil kira sebagaimana yang saya katakan tadi dari segi cara dia membuat kerja, komited kepada pekerjaan dan sebagainya. Tetapi, biasanya kita pertimbangkan kepada pegawai-pegawai yang lulus.

2. **Dato' Seri Empiang Jabu** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diperkenalkan untuk menggalakkan lebih ramai lagi pelajar mengikuti kursus-kursus pertanian bagi melahirkan lebih ramai lagi petani moden yang berkecayaan tinggi terutama sekali dalam bidang pertanian.

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Fu Ah Kiow]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengajian Tinggi melalui Universiti Putra Malaysia (UPM) dan kerjasama agensi-agensi pertanian yang lain telah memperkenalkan beberapa langkah tertentu untuk menggalakkan lebih ramai pelajar mengikuti kursus-kursus pertanian. Di antara langkah-langkah yang diambil oleh kementerian ialah dengan memperkenalkan semula Program Ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian dan Ijazah Sarjana Muda Sains *Horticulture* di UPM serta menstrukturkan semula taman pertanian di universiti yang bertanggungjawab membangunkan prasarana ladang dengan penggunaan teknologi terkini agar dapat memberi khidmat ke arah kecemerlangan pendidikan dan penyelidikan pertanian mulai tahun 2002.

Selain daripada itu, kementerian melalui UPM juga telah membangunkan Ladang Puchong sebagai kompleks penyelidikan pertanian dengan kemudahan fizikal untuk pengajaran dan penyelidikan dan menubuhkan Akademi Hutan Hujan Malaysia untuk mengeksploitasikan kepelbagaian sumber flora dan fauna hutan hujan tropika mulai 2003. Dengan kemudahan enam fakulti yang berteraskan pertanian dan enam fakulti lain, serta sebuah sekolah yang menyokong program pertanian di UPM dan kemudahan-kemudahan lain yang telah disenaraikan, kementerian sebenarnya telah menyediakan prasarana dan persekitaran yang cukup kondusif untuk menggalakkan

lebih ramai pelajar mengikuti kursus-kursus pertanian dan melahirkan ramai petani moden yang berkelayakan tinggi.

Kementerian juga telah membuka semula UPM Kampus Bintulu pada Oktober tahun 2001. Kementerian ini juga bekerjasama rapat dengan kementerian kita, Kementerian Pelajaran Malaysia bagi memberi pendedahan yang positif kepada pelajar-pelajar sekolah terutama berkaitan masa hadapan dan hala tuju bidang pertanian negara. Terima kasih.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan rombakan semula kursus-kursus yang ada di UPM, termasuk apa yang telah diberitahu tadi, adakah kementerian juga telah mengambil kira pendapat-pendapat daripada sektor pertanian di Malaysia dan juga sektor-sektor yang ada kaitan supaya input mereka juga boleh dimasukkan ke dalam rombakan semula kursus-kursus di UPM ini? Terima kasih.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, pihak IPTA memang sentiasa mengadakan dialog dan sesi perjumpaan dengan pihak swasta dan lain-lain agensi yang ada kaitan dengan pertanian dan juga ada kaitan dengan kursus pengajian yang ditawarkan oleh sesebuah universiti untuk mendapatkan input tentang *relevancy* atau kerelevanan sesuatu kursus pengajian dan juga pembangunan terkini yang ada kaitan dengan sesuatu industri supaya kursus yang ditawarkan adalah yang memenuhi keperluan semasa. Terima kasih.

**Datuk M. Ratnam:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Nampaknya Datuk M. Ratnam memang minat dalam bidang pertanian. Sila.

**Datuk M. Ratnam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang saya berminat dengan pertanian kerana bapa saya pun seorang petani.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila kemukakan soalan tambahan.

**Datuk M. Ratnam:** Jadi Tuan Yang di-Pertua, kerajaan ingin menggalakkan lebih ramai pelajar mengikuti kursus pertanian bagi melahirkan lebih ramai petani moden yang berkelayakan tinggi. Apabila tamat kursus menanam, dia tidak dapat mengusahakan pertanian kerana adalah susah untuk mendapat tanah. Apakah tindakan kementerian untuk mengatasi masalah tanah ini supaya pelajar-pelajar dapat guna pakai apa yang dia belajar di universiti itu. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk, saya ingat soalan tambahan Datuk ini lebih sesuai ditujukan kepada Kementerian Pertanian dan Asas Tani. Walau bagaimanapun, terpulang kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada memilih untuk menjawab ataupun tidak.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Soal tanah adalah di bawah jagaan kerajaan negeri. Jadi, ini adalah keluar daripada soalan asal.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, bagaimana pula kursus-kursus dalam bidang perikanan sebenarnya sebab ia juga melibatkan bidang pertanian. Terima kasih.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Kursus perikanan memang terkandung di dalam kursus-kursus yang ditawarkan oleh UPM. Selain daripada itu USM juga menjadi sebuah universiti yang ada *niche area*, dengan izin, dalam kursus perikanan. Sekian, terima kasih.

**3. Puan Wan Ubaidah binti Omar** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan memandangkan bilangan ibu-ibu yang bekerja begitu meningkat pada hari ini, sejauh manakah kementerian memberi galakan dan sumbangan bagi memastikan wujudnya pusat asuhan di tempat kerja. Berapa peratuskah pusat-pusat itu wujud sehingga kini sama ada di sektor kerajaan mahupun swasta.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' G. Palanivel]:** Tuan Yang di-Pertua, antara insentif yang disediakan bagi menggalakkan majikan menyediakan kemudahan taska di sektor kerajaan dan swasta adalah geran pelancaran tidak melebihi RM50,000 untuk tujuan penubuhan taska di tempat kerja bagi sektor kerajaan.

taska yang diwujudkan di bangunan kerajaan juga diberi pengecualian daripada memohon untuk menukar syarat penggunaan ruang. Bagi sektor swasta, majikan diberi pengecualian cukai 10% ke atas kos keseluruhannya bangunan untuk taska bagi tempoh selama 10 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga ini terdapat sejumlah 86 taska di tempat kerja iaitu di kementerian-kementerian, jabatan Persekutuan serta badan-badan jabatan berkanun, sementara 26 lagi terdapat di sektor swasta.

Penyediaan taska di tempat kerja adalah merupakan tanggungjawab sosial semua majikan sama ada daripada sektor kerajaan mahupun sektor swasta.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jawapan cukup jelas, tidak ada soalan tambahan.

**4. Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan setakat mana harga air mineral dan air yang dibotolkan (*bottled water*) dikawal memandangkan pemborong mengenakan harga yang jauh lebih tinggi kepada pekedai dan menyusahkan pembeli/pengguna. Apakah langkah susulan yang akan diambil oleh kementerian untuk mengawal harga tinggi yang ditetapkan sewenang-wenangnya oleh pemborong atau pekedai yang meraih untung berganda.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]:** Tuan Yang di-Pertua, air mineral semula jadi dan air minuman yang dibotolkan tidak tersenarai sebagai barang kawalan di bawah Akta Barang Kawalan 1961 ataupun di bawah Akta Kawalan Harga 1946.

Justeru itu kerajaan tidak mengawal harga jualan runcit air mineral semula jadi dan air minuman yang dibotolkan. Walau bagaimanapun, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dari semasa ke semasa mengadakan perjumpaan dengan pihak *hypermarket*, hotel, persatuan pengusaha stesen minyak dan pengeluar air mineral bagi membincangkan isu harga air mineral semula jadi dan air minuman dan menyeru semua pihak supaya menjual air mineral semula jadi dan air minuman yang dibotolkan itu pada harga yang munasabah.

Susulan daripada perbincangan yang telah diadakan di atas, kementerian pada 1 Oktober 2004 telah mengisytiharkan harga runcit yang disyorkan ataupun *recommended retail price* (RRP) ke atas air semula jadi dan air minuman yang dibotolkan khususnya oleh pengusaha tempatan seperti berikut:

- (i) air mineral semula jadi:
  - 500 mililiter - RM0.85
  - 1.5 liter - RM1.20
- (ii) air minuman:
  - 500 mililiter - RM0.55
  - 1.5 liter - RM1.00

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana harga runcit air mineral semula jadi dan air minuman yang dibotolkan hanya merupakan harga yang disyorkan maka ia tidak diwajibkan ke atas pihak pengeluar, pemborong atau peruncit untuk menjual pada harga yang dicadangkan. Tetapi dalam hubungan ini pengguna perlulah menggunakan kebijaksanaan dan hak mereka dalam membeli produk yang disebutkan kerana kementerian ini mendapati bahawa terdapat jenama-jenama tertentu air mineral semula jadi dan air minuman yang dibotolkan dijual pada harga yang lebih rendah daripada harga yang disyorkan oleh kementerian khususnya di *hypermarket* dan pasar raya-pasar raya besar.

Sekian, terima kasih.

**Datuk Haji Karim bin Ghani:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah perbezaan dari segi mineralnya di antara air mineral yang dijual pada ketika ini dan air minuman yang boleh menyebabkan perbezaan harga itu sangat jauh perbedaannya. Terima kasih.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Air minuman biasanya dari paip air melalui satu sistem penapisan. Tetapi air mineral ada menggunakan bahan-bahan mineral yang lain untuk mengadakan air mineral. Ini bermakna air mineral mungkin menyebabkan kos yang lebih tinggi. Itu sebab kalau kita lihat dari harga yang dicadangkan, air mineral semula jadi harga lebih tinggi daripada air minuman yang biasa. Sekian, terima kasih.

**Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah kerajaan bercadang untuk mengawal air mineral botol ini kerana kita dapat tahu ada antara hotel-hotel di Kuala Lumpur yang menjual dengan harga di antara RM4.00 hingga RM8.00 sebotol. Terima kasih.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang telah saya katakan tadi, buat masa sekarang, air mineral semula jadi dan air minuman cuma dianggap sebagai harga runcit yang disyorkan. Bererti buat sementara ini kita tidak mengawal harga yang tertentu dan saya telah menjawab tadi dari semasa ke semasa kita telah berbincang dengan banyak pihak termasuk pihak hotel.

Kementerian memang sedar penjualan air mineral dan air minuman di hotel-hotel yang harganya agak begitu tinggi dan pihak hotel telah pun memaklumkan kepada kementerian di mana kos dalam pengendalian hotel ini ada beza dengan



tempat-tempat awam. Walau bagaimanapun, kementerian masih meminta kepada pihak hotel supaya menjual air mineral dan air minuman dengan harga yang munasabah supaya pengguna dapat menikmati semasa mereka berada di hotel. Sekian, terima kasih.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah adakah apa-apa usaha daripada pihak kerajaan bagi memaklumkan kepada pengguna tentang perbezaan di antara air minuman dan air mineral kerana ini akan menyebabkan penjual-penjual akan mengeksploitasi harga, kadang-kadang air minuman pun dijual sama dengan harga air mineral. Terima kasih.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Untuk membezakan air mineral semula jadi dan air minuman, apabila kita lihat dari segi botolnya memang kalau tidak berapa teliti memang tidak berapa jelas. Maka kementerian bercadang kepada pengeluar air mineral dan air minuman supaya cover ataupun tudung untuk air mineral semula jadi kita nasihatkan supaya menggunakan warna biru. Bagi air minuman kita cadangkan supaya tudungnya menggunakan warna putih. Dengan demikian dapat kita membezakannya.

Dari segi bahan-bahan untuk mengeluarkan air mineral semula jadi dan sebagainya, ini adalah di bawah bidang kuasa kementerian yang lain. Sekian, terima kasih.

**5. Tuan Tan Bon You** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah kes rayuan yang diterima bagi biasiswa ke luar negeri tajaan JPA dan berapakah kes rayuan yang berjaya mulai tahun 2001 hingga 2004.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, jumlah rayuan yang diterima bagi biasiswa JPA ke luar negara dan bilangan yang berjaya adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah rayuan</b>	<b>Rayuan Yang Berjaya</b>
2001	tiada	
2002	600	155
2003	1,200	445
2004	970	203

Sekian, terima kasih.

**Tuan Tan Bon You:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan saya, apakah kriteria-kriteria spesifik dalam pemilihan yang ditetapkan untuk mengelakkan kekeliruan para pemohon sebab setiap kali ramai yang terkilan memandangkan permohonan yang begitu banyak yang diterima dan kursus yang begitu *competitive* itu, apakah kursus yang spesifik yang diutamakan untuk ditawarkan. Terima kasih.

**Dato' Mohd. Johari bin Baharum:** Sebenarnya berkenaan dengan kekeliruan saya rasa tidak timbul kerana benda ini telah diiklankan dengan begitu jelas dalam akhbar-akhbar dan sekarang ini kursus-kursus yang ditawarkan hanya kursus-kursus yang kritikal seperti doktor, farmasi, pergigian, kejuruteraan, *architecture* dan IT yang kita beri perhatian sekarang ini.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat juga, tahun ini biasanya kita hanya mempunyai 1,300 tempat sahaja tetapi yang memohon sebanyak 13,000; yang dipanggil temu duga seramai 4,000. Tetapi walau bagaimanapun, kita bergantung kepada rayuan dan selepas rayuan dibuat, JPA akan memohon kepada Perdana Menteri untuk mendapat peruntukan tambahan. Sekiranya peruntukan tambahan itu dapat, barulah kita luluskan seberapa banyak yang boleh. Terima kasih.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, dalam tawaran biasiswa JPA apakah kriteria-kriteria yang diambil kira dan apakah *weightage* pertimbangan sesuatu kriteria itu? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kriteria-kriteria dan *weightage* asas-asas pertimbangan.

**Dato' Mohd. Johari bin Baharum:** Berkenaan dengan kriteria-kriteria seperti mana yang diberi maklum, memang sudah dijelaskan dalam borang dan biasanya kursus-kursus yang diterima ialah kita akan memilih yang terbaik. Daripada doktor maknanya sesiapa yang ingin menjadi doktor mereka mestilah mempunyai kelulusan-kelulusan yang dikehendaki ke tahap yang paling tinggi kerana kita tahu permohonan sekarang ini terlampau banyak.

Kriteria-kriteria yang kita pilih pun bergantung kepada keputusan yang diperolehi dan kecemerlangan di dalam bidang-bidang yang dipohon dan selain daripada itu pula kursus-kursus yang dipohon. Kalau sekiranya mereka memohon

kursus-kursus yang kita tidak perlu sekarang ini maka permohonan itu tidak dapat dilayan. Terima kasih

**6. Tuan Saravanan a/l Murugan** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sejauh manakah kejayaan kementerian di dalam rancangan untuk menghapuskan masalah setinggan sebelum 2005 berjaya dilaksanakan. Berapakah perangkaan jumlah setinggan di Wilayah Persekutuan di atas tanah persendirian dan di atas tanah rizab kerajaan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan**

**[Dr. S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi mencapai matlamat setinggan sifar menjelang tahun 2005, kerajaan telah melaksanakan program perumahan rakyat iaitu PPR Bersepadu dan program perumahan rakyat PPR Disewa (Dasar Baru). Sehingga tahun 2004, kementerian telah mengenal pasti dan melaksanakan sejumlah 52 projek untuk 54,679 unit PPR Bersepadu di seluruh negara dan daripada jumlah tersebut, 24 projek iaitu 34,106 unit dibina di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur manakala bakinya sebanyak 28 projek mengandungi 20,573 unit dibina di negeri-negeri lain di seluruh negara.

Manakala di bawah PPR Disewa iaitu Dasar Baru, sehingga bulan November tahun lalu, sebanyak lapan projek mengandungi 8,352 buah unit daripada sejumlah 50,000 unit yang telah disasarkan sedang dilaksanakan. Yang bakinya akan dilaksanakan apabila permohonan untuk peruntukan dari kerajaan telah diluluskan.

Sehingga tahun 2004, bilangan keluarga setinggan yang terdapat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ialah berjumlah 19,180 keluarga dan daripada jumlah itu sebanyak 60.9% tinggal di atas tanah kerajaan; 21.3% di atas tanah rizab kerajaan; 4.6% di atas tanah agensi kerajaan; 8.1% di atas tanah persendirian; dan 1% di atas tanah komuniti dan 4.1% di lain-lain kategori.

Sebagai kesimpulan, apabila semua program perumahan yang telah dirancang oleh kementerian disiapkan dengan penuh, masalah menempatkan setinggan dengan sepenuhnya akan dicapai. Terima kasih.

**Tuan Saravanan a/l Murugan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan yang begitu jelas oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Soalan tambahan saya,ingin saya tahu apakah status atau apakah kedudukan tempat-tempat ibadat dan sekolah-sekolah Tamil yang berada di sekitar kawasan setinggan ini yang terlibat dalam proses penempatan semula? Bolehkah pihak kementerian

memastikan untuk menggazetkan tempat khas untuk kuil dan sekolah-sekolah Tamil di kawasan perumahan yang baru ini? Terima kasih.

**Dr. S. Subramaniam:** Dasar kerajaan berkenaan dengan rumah-rumah ibadat dan sekolah-sekolah Tamil dan sekolah-sekolah lain selepas pemindahan telah dilakukan untuk setinggan-setinggan daripada kawasan setinggan kepada lain-lain tempat adalah kekal, bahawa di mana-mana tempat ada sekumpulan penduduk dengan jumlah yang tinggi daripada satu-satu agama, memang kerajaan telah memastikan di dalam dasar bahawa kawasan untuk pembinaan rumah ibadat telah ditetapkan. Begitulah juga dengan sekolah-sekolah yang mengandungi ramai murid yang menjalankan pendidikan mereka di dalam bahasa ibunda, maka mereka akan dipindahkan ke satu tempat lain. Tempat lain akan dicari untuk pindahan sekolah-sekolah tersebut. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dato' Dr. Chin Fook Weng

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Satu daripada halangan untuk menghapuskan masalah setinggan ialah kerana tidak ada mekanisme untuk memberi pampasan atau ganti rugi kepada pihak-pihak setinggan. Sungguhpun mungkin dari segi undang-undang itu mereka tidak ada hak, tetapi adakah kerajaan bercadang akan mengadakan satu mekanisme, mungkin sebagai pihak pertengahan bagi merundingkan dengan pihak setinggan supaya mereka tidak membuat tuntutan yang terlampau itu sehingga tidak dapat menyelesaikan masalah pemindahan mereka. Terima kasih.

**Dr. S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, semasa memindahkan golongan setinggan daripada satu kawasan kepada rumah-rumah yang telah ditetapkan untuk mereka, pelbagai jenis rundingan dijalankan. Kadang-kadang pihak setinggan sendiri menubuhkan jawatankuasa mereka yang menjalankan rundingan dengan pihak majlis dan kerajaan untuk mendapat pelbagai jenis faedah. Kalau kita tengok kepada keadaan yang ada sekarang, rumah di Kuala Lumpur disewakan kepada setinggan untuk RM124 sahaja sebulan bagi satu rumah *flat* yang mengandungi tiga bilik, kadang-kadang di kawasan yang sama ada orang yang menyewakan *flat* yang seumpama itu untuk RM500 hingga RM600. Daripada kadar itu memang mereka telah mendapat keuntungan.

Selain daripada itu, ada rumah yang dijual kepada orang lain dengan kosnya sebanyak RM42,000 tetapi dijual kepada setinggan itu dengan kos RM35,000 sahaja –

ada kurang sebanyak RM7,000 sebagai diskaun. Ini ialah pelbagai jenis keuntungan yang telah diberi kepada pihak setinggan. Terima kasih.

**7. Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pengiran Haji Ahmad Raffae** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan berapakah jumlah subsidi yang telah diberikan oleh kerajaan kepada pengguna untuk menampung harga minyak setiap kali, pada sepanjang bajet tahunan (fizikal) berikutan kenaikan harga minyak di pasaran antarabangsa dan pada paras harga mana pula nilai minyak di pasaran yang dianggap boleh melegakan bantuan kerajaan dalam pemberian subsidi ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, dari bulan Januari 2004 hingga November 2004, kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM13 bilion dalam usaha menstabilkan harga runcit produk-produk petroleum di Malaysia. Ini bermakna setiap bulan secara purata kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM1.2 bilion sebulan untuk tujuan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, apabila kita membincangkan isu harga runcit barangan petroleum di negara kita ini selain daripada faktor harga runcit, barangan petroleum ataupun harga minyak mentah di pasaran dunia, produk petroleum yang dijual di negara ini sebenarnya adalah produk yang telah pun diproses. Produk petroleum yang telah diproses di Malaysia memang tidak mencukupi dan kadang-kadang kita harus mengimport.

Saya bagi contoh, loji penapisan minyak yang diusahakan oleh Petronas, Shell dan ExxonMobil di Malaysia hanya mampu mengeluarkan 451,000 tong sehari, sementara jumlah keperluan dalam negara adalah sebanyak 600,000 tong sehari. Bagi syarikat-syarikat, misalnya Caltex dan BP pula, mereka tidak mempunyai loji penapisan di Malaysia, justeru itu mereka terpaksa mengimport daripada Singapura tetapi kalau kita tanya sama ada ia menjadi satu beban atau tidak kepada kerajaan, sebenarnya pada keseluruhannya memang ia menjadi satu beban kepada kerajaan. Tetapi sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, Kerajaan Barisan Nasional sentiasa mengambil kira tentang kepentingan negara dan juga kepentingan dan kesejahteraan rakyat.

Pada setiap minggu Kabinet membincangkan mengenai isu minyak ini dan segala keputusan yang dibuat, kadang-kadang perlu kita naikkan sedikit harga minyak

ini, itu pun adalah untuk kepentingan negara kita sendiri. Saya berharap segala keputusan yang dibuat oleh pihak Kabinet, rakyat harus memahami keadaan sebenar dan juga beban yang dipikul oleh pihak kerajaan. Sekian, terima kasih.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pengiran Haji Ahmad Raffae:**

Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pengiran Haji Ahmad Raffae:

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pengiran Haji Ahmad Raffae:**

Terima kasih atas jawapan yang diberi. Soalan tambahan saya ialah, berapakah jumlah subsidi yang dibayar oleh kerajaan bagi setiap liter diesel yang dijual di negara ini, dan berapakah perbezaan subsidi di antara penggunaan industri dan penggunaan awam.

Yang kedua ialah apakah tindakan dan langkah-langkah yang diambil untuk membanteras penyeludupan diesel di kawasan-kawasan sempadan sama ada antara Thailand-Malaysia, Indonesia-Malaysia, Filipina-Malaysia dan Singapura-Malaysia; dan berapakah jumlah liter yang dianggarkan terlibat dalam kegiatan penyeludupan?

**Tuan Hoo Seong Chang:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Subsidi yang dibebani oleh kerajaan ialah, saya bagi contoh – sebelum 1 Oktober kerajaan mengesahkan supaya harga minyak petrol dan diesel dinaikkan sebanyak 5 sen seliter. Sebelum 1 Oktober iaitu pada 1 Mei tahun ini, apabila kerajaan mengisytiharkan kenaikan sebanyak 2 sen ini, saya berikan satu bandingan – kerajaan memberikan subsidi selain daripada subsidi sendiri ia juga melibatkan cukai jualan. Misalnya kalau pada 1 Mei apabila kerajaan mengisytiharkan harga petroleum ini, pada masa itu harga runcit petroleum yang sebenarnya ialah RM1.96 sen ataupun secara ringkasnya 196.66 sen, tetapi dijual di stesen cuma 137 sen. Ini bermakna 59.66 sen telah pun ditanggung oleh pihak kerajaan. Antara 59.66 sen ini, 1.04 sen merupakan subsidi dan 58.60 sen sebagai cukai jualan. Pendek kata kalau kerajaan memberi subsidi kepada produk petroleum ini ia melibatkan subsidi dan harga ataupun cukai jualan.

Ini sama juga dengan diesel, kalau pada masa itu harga pasaran ialah RM1.34 sen ataupun 134.92 sen, tetapi kita cuma menjual di stesen minyak pada harga 78.1 sen. Pada hari ini kita naik 5 sen menjadi 83.1 sen. Di antara 56.82 sen bezanya 19.64 sen sebagai cukai jualan dan 37.18 sen sebagai subsidi.

Tentang soalan kedua iaitu langkah-langkah kita hendak mencegah penyeludupan minyak ke negara asing ini, sebenarnya Yang Berhormat Menteri sendiri mengambil berat tentang perkara ini. Baru-baru ini kita telah pun membuat banyak kajian dan pemeriksaan di seluruh negara tentang stesen-stesen minyak ini supaya kita dapat mencari satu penyelesaian sama ada kita hendak mengehendkan kuota untuk menjual minyak atau diesel di stesen-stesen minyak ataupun ada cara yang lebih berkesan.

Kementerian ini telah pun mengadakan banyak perbincangan tentang perkara ini dan tidak lama lagi kita akan mengemukakan perkara ini kepada Kabinet, dan Kabinet akan membuat satu pengumuman cara bagaimana kita hendak mengurangkan masalah penyeludupan minyak khususnya di kawasan-kawasan yang dekat dengan negara asing. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Nampaknya perkara ini banyak menarik minat Ahli-ahli Yang Berhormat, saya benarkan satu lagi soalan tambahan. Silakan Yang Berhormat Datuk Haji Karim Ghani.

**Datuk Haji Karim Ghani:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Subsidi minyak yang dibayar pada ketika ini nampaknya semacam membebankan, tetapi berapa banyakkah subsidi minyak ini untuk orang berpendapatan rendah seperti motosikal dan kereta yang 1,000 cc ke bawah atau subsidi orang yang kaya yang mempunyai kereta yang 2,000 hingga 3,000 cc ke atas? Terima kasih.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya sebenarnya sama sependapat dengan Yang Berhormat. Buat sementara ini, memang kita tidak ada cara untuk membezakan kenderaan apa yang kita bagi subsidi dan kenderaan yang lebih kurang kuasanya menggunakan subsidi yang lain. Sesiapa yang pergi ke stesen minyak mendapat layanan yang sama. Tetapi kementerian ini memang faham dengan masalah yang dibebani oleh pihak kerajaan iaitu sama ada orang kaya juga mendapat subsidi. Ini memang dibincangkan dalam mesyuarat dalaman kementerian. Yang Berhormat Menteri sendiri pun telah membangkitkan perkara ini dan juga melalui pihak-pihak yang berkenaan. Kita melihat dari segi sektor pengangkutan, tetapi dalam masa yang sama kita harus memberi subsidi kepada orang yang dikatakan mampu untuk memiliki kereta yang besar. Tetapi buat masa ini memang tidak ada satu cara untuk membezakan kedua-dua jenis kenderaan ataupun sektor pengangkutan ini.

Walau bagaimanapun kementerian sentiasa, khususnya dalam peringkat yang terakhir ini, seperti yang saya sebutkan tadi, Yang Berhormat Menteri akan membentangkan satu kertas kepada Kabinet supaya cara untuk kita kurangkan penyeludupan dan juga cara bagaimana kita hendak mengehendkan jualan minyak khususnya diesel di stesen-stesen minyak ini supaya tidak disalahgunakan oleh pihak-pihak tertentu. Sekian, Terima kasih.

**8. Tuan Poh Mok Hua @ Poh Bak Hoe** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:-

- (a) adakah kementerian sedia memberi peruntukan untuk membina landasan kereta api ke negeri Melaka; dan
- (b) bila agaknya kementerian akan memberi peruntukan ini.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini tidak ada peruntukan khusus yang diperuntukkan bagi tujuan pembinaan landasan kereta api ke negeri Melaka. Walau bagaimanapun, di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Kelapan, kerajaan akan melaksanakan kajian peningkatan infrastruktur kereta api yang sedia ada, yang akan bermula pada tahun 2005. Kajian peningkatan infrastruktur tersebut turut merangkumi cadangan sambungan rel Tampin-Melaka.

Bagi soalan (b) iaitu jangkaan bila peruntukan bagi projek tersebut akan diberikan, sukar untuk ditentukan buat masa ini kerana ia bergantung pada hasil kajian seperti di atas.

*[Soalan No.(9) - Y.B. Dato' Dr. S. Vijayarajam tidak hadir]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bagi soalan nombor (9) Majlis telah pun meluluskan cuti rehat kepada Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayarajam dan saya minta Yang Berhormat Puan Ooi Siew Kim mengemukakan soalan seterusnya.

10. **Puan Ooi Siew Kim** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah kerajaan bercadang menubuhkan SJK (C) di kawasan bandar atau taman yang sememangnya memerlukan sekolah ini. Apakah sebab-sebabnya ibu bapa bukan Melayu tidak berminat menghantar anak mereka ke sekolah kebangsaan.



**Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]:** Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar Kementerian Pelajaran bahawa segala perancangan pembinaan sekolah baru adalah tertumpu pada sekolah kebangsaan (SK) yang berupaya memberi kemudahan persekolahan kepada kanak-kanak daripada pelbagai kaum. Kementerian Pelajaran telah menyediakan sekolah kebangsaan yang diharap dapat memupuk perpaduan dan integrasi antara kaum di peringkat awal. Walau bagaimanapun, timbul pelbagai tanggapan terhadap SK oleh segelintir ibu bapa yang menyebabkan mereka tidak berminat menghantar anak mereka ke SK.

Antara tanggapan tersebut ialah mereka menganggap sekolah kebangsaan hanya untuk murid-murid Melayu sahaja dan terlalu memberi penekanan terhadap Islam. Bagi mengatasi masalah ini, kerajaan sedang berusaha untuk memperkasa sekolah kebangsaan dan mengembalikan peranan SK sebagai sekolah arus perdana yang menjadi pilihan ibu bapa dan seterusnya mudah untuk memupuk integrasi nasional. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Datin Chong Set Mui.

**Datin Chong Set Mui:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah adakah kementerian memberi peruntukan kepada SJK untuk memperbaiki bangunan dan infrastruktur sekolah-sekolah tersebut. Terima kasih.

**Puan Komala Devi:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran sentiasa prihatin kepada semua sekolah tidak mengira aliran sekolah dan sekolah-sekolah SJK(T) dan SJK(C) pada umum sekolah bantuan modal di mana kebanyakan sekolah itu tanah bukan dimiliki oleh kerajaan atau Kementerian Pelajaran. Walau bagaimanapun, peruntukan bantuan modal diberikan kepada sekolah SJK(T) dan SJK(C) juga sekolah *mission* dan segelintir Sekolah Agama Rakyat. Keutamaan diberikan kepada tambahan bilik darjah, bilik makmal, bilik bengkel, pusat sumber, pendawaian semula, asrama, pembina tandas, kerja-kerja pembaikan kecil dan juga pembelian peralatan. Saya juga ingin menegaskan bahawa lain-lain kemudahan yang diterima oleh Sekolah Kebangsaan juga dihulurkan kepada Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan umpamanya bantuan geran per kapita, skim baucar tuisyen, skim buku teks, rancangan makanan tambahan dan yang penting sekali semua gaji dan elaun guru-guru di semua sekolah ditanggung oleh Kementerian Pelajaran. Terima kasih.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah saya difahamkan bahawa kerajaan sedang membina Sekolah-

sekolah Wawasan untuk mengatasi kebimbangan kaum-kaum seperti Cina, Tamil dan sebagainya kerana bimbang anak-anak mereka tidak dapat diajar bahasa-bahasa ibunda. Saya ingin tahu, berapa buah Sekolah Wawasan sekarang ini dan bagaimanakah sambutan-sambutan kaum Cina dan kaum India terhadap sekolah-sekolah tersebut. Terima kasih.

**Puan Komala Devi:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Sekolah Wawasan adalah di luar tajuk soalan ini dan saya perlukan notis.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, dalam Akta Pendidikan 1996 yang diluluskan oleh Dewan ini di mana ada satu peruntukan bahawa Menteri Pelajaran adalah bertanggungjawab untuk mewujudkan Sekolah Rendah Kebangsaan, SJK(C) dan SJK(T). Bagaimana tanggungjawab itu dapat dilaksanakan? Terima kasih.

**Puan Komala Devi:** Sila ulang soalan tersebut.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah dalam Akta Pendidikan 1996 yang diluluskan oleh Dewan ini, ada satu peruntukan bahawa Menteri Pendidikan bertanggungjawab untuk mewujudkan Sekolah Rendah Kebangsaan, SJK(C) dan SJK(T). Bagaimana Menteri Pelajaran itu dapat melaksanakan tanggungjawab ini? Terima kasih.

**Puan Komala Devi:** Seperti yang saya nyatakan tadi, tumpuan khusus Kementerian Pelajaran adalah untuk memupuk perpaduan dan yang keduanya untuk menyediakan prasarana pendidikan yang cukup cemerlang di sekolah-sekolah kebangsaan. Beberapa langkah telah pun diambil untuk menarik minat dari pelbagai kaum. Walau bagaimanapun, seperti saya katakan tadi kerajaan tidak pernah mengabaikan sekolah aliran lain dan kami terus akan memberi perhatian mengikut kemampuan kementerian untuk berbuat demikian dan sekiranya ada permohonan silalah kemukakan kepada kementerian dan kami akan memberi pertimbangan yang sewajarnya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Layanan ke atas semua aliran dan sekolah adalah sama. Terima kasih.

**11. Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam** minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah permohonan permit teksi yang telah diterima dan berapakah permohonan yang berjaya; dan
- (b) apakah sebab-sebab permohonan yang ditolak dan berikan jumlah mengikut pecahan kaum dan umur.

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Khamsiyah binti Yeop]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi telah menerima sebanyak 4,768 permohonan teksi individu pada tahun 2002 sedangkan kuota yang ditetapkan untuk tahun 2002 adalah sebanyak 1,200 unit. Pada tahun 2004 pula permohonan yang diterima adalah sebanyak 3,371 permohonan dan pada tahun 2003 permohonan lesen teksi individu tidak dibuka. Bagi pemohon tahun 2002 bilangan yang berjaya adalah sebanyak 1,202. Bagi permohonan tahun 2004 masih belum ada keputusan dan ia dalam proses.

Untuk menjawab bahagian (b), untuk makluman Ahli Yang Berhormat permohonan yang ditolak adalah kerana sama ada melebihi kuota yang ditetapkan atau pemohon yang tidak mengikut kriteria syarat lesen teksi individu. Bilangan permohonan yang ditolak adalah sebanyak 3,566.

**Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam:** Soalan tambahan saya, adakah kerajaan sedang memantau aktiviti penyewaan permit teksi oleh individu yang menyewakan permit tersebut kepada orang lain sambil mengambil untung di atas angin. Apakah tindakan kerajaan terhadap mereka ini? Kedua, ada ramai pemohon permit teksi yang membuat permohonan masih menunggu dari 6 bulan sehingga satu tahun untuk mendapat jawapan dari kementerian sama ada mereka layak ataupun ditolak permohonan mereka. Terima kasih.

**Dato' Khamsiyah binti Yeop:** Berkaitan dengan soalan Yang Berhormat tadi, sebenarnya kita sedar apa yang berlaku. Maaf saya, soalan bahagian pertama tadi apa? Tidak..... oh ya, kita sedar sebab itulah pada tahun 2003 apabila kita luluskan kepada syarikat kita mengharapakan sememangnya syarikat itu mengendali atau melihat kebajikan pemandu-pemandu yang memandu kereta sewa mereka kerana terdapat banyak masalah yang timbul akibat dari ketidakupayaan syarikat itu mengendali, mendisiplinkan pemandu dan melaksanakan tanggungjawab yang baiklah maka pada tahun 2004 ini kementerian telah pun mencari satu jalan yang baik iaitu tidak lagi meluluskan teksi kepada syarikat tetapi kita meluluskan kepada individu. Terima kasih.

**Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, daripada jumlah permit teksi yang dikeluarkan, berapakah jumlah yang telah diberikan kepada kaum wanita dan adakah kerajaan bercadang mengadakan satu kuota khas kepada ibu tunggal? Terima kasih.

**Dato' Khamsiyah binti Yeop:** Saya tidak ada angka yang tepat kelulusan teksi kepada wanita tetapi namun begitu memang ada teksi yang diluluskan kepada pemandu-pemandu teksi wanita yang berupaya melaksanakannya dan saya sendiri mengambil peranan penting untuk menentukan bahawa lesen-lesen teksi ini banyak diluluskan kepada wanita. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang lelaki ada dan yang wanita pun ada. Terima kasih. *[Beberapa Ahli Yang Berhormat bangun]*. Sila duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat, sukacita saya memaklumkan bahawa pada hari ini kita menerima kunjungan delegasi dari Dewan Undangan Negeri Sarawak yang diketuai oleh Yang Berhormat Dato' Seri Mohd. Aspia bin Awang Nasar, Speaker Dewan Undangan Negeri Sarawak. Majlis mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat serta ahli-ahli delegasi.

*[Soalan Nombor 12 - Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim – tidak hadir]*

**13. Datuk Benedict Bujang Tembak** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan adakah kerajaan sedar bahawa kereta-kereta yang dicuri di negeri Sarawak telah dijual dengan bebas di beberapa bandar di Kalimantan berdekatan dengan sempadan negeri Sarawak dan Kalimantan. Setakat ini jelaskan tindakan dan kejayaan pihak berkenaan bagi mengatasi masalah ini memandangkan masalah kecurian kereta yang masih kerap berlaku di negeri Sarawak.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Wira Abu Seman Yusop]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat yang bertanya. Bagi menjawab soalan ini kerajaan sememangnya sedar bahawa terdapat kegiatan menjual kereta yang dicuri di Negeri Sarawak di beberapa bandar di Kalimantan, Indonesia. Bagi tempoh Januari hingga November 2004, Polis Diraja Malaysia telah berjaya membuat rampasan dan tangkapan di sempadan seperti berikut:

Januari - November 2004		
Jenis kenderaan	Kenderaan dirampas	Tangkapan
Motosikal	50	17

Motokar	9	1
Lori & van	24	28

PDRM juga telah mengambil langkah pencegahan seperti berikut:

- (i) mengadakan mesyuarat kerjasama dengan pihak polis Indonesia dalam membanteras kegiatan individu atau sindiket menyeludup kenderaan ke negara jiran iaitu Indonesia.;
- (ii) mengaturkan perancangan yang rapi dan kerjasama dengan pegawai perhubungan polis Malaysia di Indonesia untuk mendapatkan maklumat risikan berhubung kecurian kenderaan;
- (iii) mengadakan kerjasama erat dan persefahaman di antara empat jabatan kerajaan itu PDRM, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia serta Kementerian Pertahanan di jalan sah masuk dan keluar Tebedu;
- (iv) meningkatkan kualiti cara kerja di sempadan Tebedu bagi menyukarkan kemasukan kenderaan ke negara jiran iaitu keluar masuk kenderaan akan didaftarkan di pondok Polis bagi tujuan pengesanan kenderaan dan sistem ini akan dilaksanakan secara berkomputer;
- (v) mengadakan sekatan jalan raya dan *snap check* di kawasan yang selalu dilalui seperti di Lubok Antu, Pau, Tebedu dan Lundu.
- (vi) memusnahkan jalan tikus yang dapat dikesan; dan
- (vii) mengadakan *task force* bagi mencari maklumat dan menangkap penjenayah yang terlibat dengan kegiatan mencuri kenderaan.

Terima kasih.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Saya ingin tahu, penjenayah-penjenayah yang telah ditahan adakah mereka itu daripada rakyat Malaysia ataupun rakyat Indonesia. Jika sekiranya rakyat Malaysia yang ditangkap di Indonesia, adakah mereka itu akan dihadapkan dan dibicarakan di mahkamah Indonesia atau Malaysia? Terima kasih.

**Datuk Wira Abu Seman Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengikut data yang ada dengan saya di ketika ini, bahawa kebanyakan penjenayah adalah di kalangan rakyat Malaysia dan sedikit bilangan daripada rakyat Indonesia. Berkaitan dengan mahkamah ataupun *jurisdiction* di mana penjenayah ini akan dibicarakan, ini

tertakluk kepada tempat atau kejadian berlakunya kecurian. Sekiranya berlaku di Malaysia iaitu dalam usaha untuk cuba menyeludup keluar bahawa tangkapan akan dibuat dalam kawasan Malaysia dan *jurisdiction* mahkamahannya adalah di dalam Malaysia. Jika ditangkap di Indonesia, bahawa *jurisdiction* mahkamahannya terpulang kepada pihak berkuasa Indonesia.

**Datuk Benedict Bujang Tembak:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak tahu setakat ini adakah keadaan kecurian ini bertambah, *more getting more serious*, dengan izin.

**Datuk Wira Abu Seman Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau mengikut daripada segi data yang ada bahawa kalau dibandingkan di antara tahun 2003 dan tahun 2004 bahawa angka kecurian sama ada motosikal, motokar, van dan lori bagi tahun 2004 lebih banyak daripada kejadian dalam tahun 2003. Jadi ada peningkatan sedikit.

**14. Tuan Lee Sing Chooi** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan bilangan Taman Teknologi yang telah ditubuhkan dan bagi setiap Taman Teknologi, apakah prestasi kewangan dan setakat manakah pencapaian objektif-objektif yang ditujukan.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Dato' Kong Cho Ha]:** Tuan Yang di-Pertua, di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi hanya terdapat satu sahaja *Technology Park* ataupun *Park Technology* iaitu *Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd.* *Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd.* ialah sebuah syarikat kerajaan milik penuh Menteri Kewangan diperbadankan dan beroperasi di Bukit Jalil, Kuala Lumpur. Walaupun *Technology Park* yang lain mungkin di miliki oleh pihak swasta atau kerajaan tetapi bukan di bawah bidang kuasa kementerian ini.

Jadi, berkenaan dengan prestasi kewangan *Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd.*, prestasi kewangannya adalah *stable* dan kukuh, semenjak beroperasi pada tahun 1996. Sebagai contoh, pada tahun 2003 ia berjaya menjana *revenue* sebanyak RM53 juta dan keuntungan lebih kurang RM6 juta dan untuk 10 bulan pertama tahun 2004 ini, ia berjaya menjana *revenue* sebanyak RM60 juta dan keuntungan RM6.7 juta.

*Technology Park* Malaysia telah berjaya mencapai objektif-objektif penubuhannya dengan menyediakan infrastruktur dan perkhidmatan yang baik dan terkini. Ini telah menggalakkan penumbuhan syarikat-syarikat kecil dan sederhana telah berkembang dan berjaya dalam bidang perniagaan masing-masing melalui objektif *Technology Park* Malaysia .

Sebagai contoh sehingga sekarang *Technology Park* berjaya menjana 12 syarikat *incubator*, 18 syarikat *enterprise* dan 28 syarikat telah berjaya berkembang ke tapak yang lebih besar di *Technology Park* Malaysia dan di Cyberjaya. Dan terdapat juga 12 syarikat di bawah jagaan *Technology Park* Malaysia dan telah berjaya di senarai namakan di Bursa Saham Kuala Lumpur. Sekian, terima kasih.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Syabas kepada *Technology Park* Malaysia yang dianggap berjaya. Soalan tambahan saya *Technology Park* di bawah kawalan negeri adalah lemah, macam mana pengalaman *Technology Park* Malaysia yang berjaya itu dapat di *share* atau diberitahu kepada *Technology Park* di peringkat negeri supaya mereka boleh dapat juga dapat faedahnya. Terima kasih.

**Dato' Kong Cho Ha:** Tuan Yang di-Pertua, *Technology Park* Malaysia sentiasa bersedia untuk membantu dan memberi maklumat yang dapat membantu pembangunan *Technology Park* yang lain di negeri-negeri di seluruh negara kita melalui objektif-objektif *Technology Park* seperti membantu penyelidikan dan pembangunan dan inovasi untuk sektor swasta, menyertai *commercialization* R&D dan juga dari segi menyediakan prasarana pemasaran, pengurusan dan bidang teknikal kalau diperlukan oleh *Technology Park* yang bukan di bawah bidang kuasa *Technology Park* Malaysia ataupun yang bukan di bawah kuasa Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

**15. Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya** minta Perdana Menteri menyatakan apakah kriteria yang digunakan untuk melantik ahli-ahli mesyuarat ke jawatankuasa pemikir pembangunan Integrasi dan Perpaduan dan apakah aspek-aspek penting yang ingin dibangunkan di dalam generasi rakyat Malaysia di masa hadapan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan tidak ada menubuhkan jawatankuasa

pemikir pembangunan integrasi dan perpaduan. Walau bagaimanapun, terdapat sebuah jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Panel Penasihat Perpaduan Negara (PANEL) yang telah ditubuhkan sejak tahun 1983 bagi membincangkan hal-hal isu berkaitan perpaduan dan bidang tugas PANEL adalah seperti berikut:

- (i) membincangkan isu dan masalah yang berkaitan dengan perpaduan serta iklim perpaduan;
- (ii) membuat perakuan kepada kerajaan tentang langkah-langkah yang patut dan perlu diambil bagi menyelesaikan sesuatu isu dan masalah yang timbul serta untuk memupuk keharmonian dan perpaduan negara supaya menjadi lebih mantap; dan
- (iii) membantu Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional dalam merancang dan melaksanakan program-program, menggalakkan, pencegahan serta penyelesaian konflik; dan
- (iv) membincangkan isu atau masalah yang dihadapi dalam program-program integrasi anjuran jabatan.

Tuan Yang di-Pertua, keanggotaan PANEL adalah terdiri daripada beberapa tokoh individu yang berpengalaman luas dalam bidang-bidang tertentu yang dapat menyumbang usaha-usaha untuk mempertingkatkan perpaduan dan memantapkan integrasi nasional. Selain daripada itu, keahlian juga adalah terdiri daripada Ketua Setiausaha, Ketua Jabatan, Setiausaha Kerajaan Negeri, Ketua Pentadbir Wilayah Persekutuan, ahli politik, golongan intelek, Badan Bukan Kerajaan, ahli korporat dan swasta, bekas ahli politik, bekas pegawai kerajaan, golongan pelajar, belia dan wanita.

Kerajaan menyedari akan pentingnya perpaduan pada masa kini dan akan datang. Sehubungan itu antara aspek-aspek penting yang ingin dibangunkan di dalam membentuk generasi rakyat Malaysia ialah:

- (i) memupuk perpaduan rakyat antara kaum dan sesama kaum ke arah pembentukan satu bangsa Malaysia serta integrasi nasional;
- (ii) memperkasakan komuniti melalui konsep pembangunan komuniti;
- (iii) merapatkan hubungan pemimpin dan rakyat dengan Rukun Tetangga sebagai *platform* perdampingan sosial atau *social outrage*, dengan izin;



- (iv) meningkatkan hubungan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain badan bukan kerajaan (NGO), sektor korporat agensi-agensi di peringkat antarabangsa serta melalui aktiviti penyelidikan; dan
- (v) meningkat dan memperkukuhkan penghayatan dan amalan nilai-nilai murni di kalangan masyarakat. Terima kasih.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. PANAE yang disebutkan itu telah ditubuhkan lebih daripada 10 tahun. Bolehkah kita diberitahu berapa banyak perakuan dari daripada PANEL ini telah diterima dan telah dilaksanakan oleh kerajaan dan kalau boleh, bolehkah kita juga diberi contoh-contoh tersebut. Terima kasih.

**Datuk M. Kayveas:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan ini berkaitan dengan apa yang telah diberikan kepada PANEL, ini mungkin saya perlu buat sedikit *checking*, dengan izin, tetapi saya ingin memberitahu kepada Yang Berhormat mesyuarat PANEL ini telah ada satu mesyuarat perpaduan negara ataupun PANEL yang bagi sesi 2004 dan 2006. Mesyuarat ini biasanya telah ada empat kali dalam satu tahun dan mesyuarat yang akhir telah diadakan pada 5 Oktober 2004, tahanan ini yang bertempat di Kuala Lumpur Putrajaya dan mesyuarat tersebut telah dirasmikan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dan juga selepas itu mesyuarat juga telah dianggotai oleh seramai 51 orang ahli yang merangkumi yang telah saya sebutkan tadi Ketua Setiausaha Kementerian, Setiausaha Kerajaan Negeri, golongan intelek dan sebagainya.

Dan mesyuarat ini hasil daripada keputusan yang dicapai semasa mesyuarat berkenaan lapan buah jawatankuasa kerja PANEL Penasihat Perpaduan Negara telah di bentuk untuk memainkan peranan mereka di peringkat Kebangsaan. Selain daripada itu PANEL turut memainkan peranan di peringkat negeri juga, dan untuk tujuan ini satu jawatankuasa PANEL Perpaduan Negeri (JKPPN) telah ditubuhkan di setiap negeri.

Untuk makluman Yang Berhormat, penubuhan Jawatankuasa Panel Kecil, lapan buah jawatankuasa kerja panel yang dibentuk adalah lebih kurang seperti berikut:

- (i) Jawatankuasa Keagamaan;
- (ii) Jawatankuasa Integrasi;
- (iii) Jawatankuasa Penyelidikan dan Kajian;

- (iv) Jawatankuasa Hal Ehwal Suku Kaum Minoriti;
- (v) Jawatankuasa Rukun Tetangga;
- (vi) Jawatankuasa Promosi dan Perhubungan;
- (vii) Jawatankuasa Pendidikan atau Program Belia; dan
- (viii) Jawatankuasa Dasar Pelaksanaan.

Kesemua jawatankuasa ini akan dipengerusikan oleh seorang ahli panel yang dipilih dan dilantik di kalangan Ahli-ahli dalam jawatankuasa tersebut. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan terakhir, silakan Datuk Yaakob bin Haji Mohammad.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya menyentuh berkaitan dengan perpaduan dan integrasi nasional yang melibatkan Sabah, Sarawak dan Semenanjung. Apakah pihak jabatan berpuas hati berkaitan dengan perancangan ataupun strategi yang sedia ada bagi mengakrabkan hubungan ketiga-tiga wilayah tersebut kerana masih ada lagi halangan-halangan dari segi imigresennya, dari segi pengamal perundangannya dan juga dari segi komunikasinya. Apakah pihak jabatan berpuas hati dan kalau tidak berpuas hati, apakah strategi baru? Terima kasih.

**Datuk M. Kayveas:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Yaakob kerana bangkitkan soalan ini. Soalan ini telah dibangkitkan di Dewan Rakyat tetapi ada sedikit, dengan izin, *different from the actual question*. Terima kasih kepada Yang Berhormat kerana ini adalah satu soalan yang mustahak dan juga saya ambil kesempatan untuk beritahu kepada kawan-kawan kita di ketiga-tiga wilayah ini.

Negeri Sabah dan Sarawak ini wujud daripada *Malaysia Act*, dengan izin. Daripada *Malaysia Act* kita ada banyak peruntukan di mana semua undang-undang yang dilaksanakan di sini iaitu di Peninsular, dengan izin, atau Semenanjung, walaupun kita ataupun kedua-dua wilayah Sarawak dan Sabah ingin mematuhi atau mengikut undang-undang ini, kita ada masalah sedikit kerana daripada *Malaysia Act* kita dapati kerajaan negeri masing-masing perlu duduk dalam dewan mereka sendiri, Dewan Negeri untuk melaksanakan undang-undang ini. Itu satu masalah.

Daripada perjanjian ini, kita masih dalam perkataan "terikat", *we are still tied up*, dengan izin, dengan 20 *points* daripada *Malaysia Act*. Oleh sebab itu kita masih dapati

bahawa kalau ada rakyat kita daripada Semenanjung hendak pergi ke Sarawak dan Sabah, kita ada masalah seperti imigresen. Itu satu. Lagi satu kalau kita kerja di sana, kita perlu ambil *permit* sebagai pekerja asing. Tetapi apabila rakyat kita daripada Sabah dan Sarawak datang ke Semenanjung tidak ada masalah, mereka tidak perlu bawa pasport, tidak perlu dapat *permit* untuk kerja di sini.

Kita dapati undang-undang di kedua-dua wilayah ini, Sabah dan Sarawak, mereka perlu bawa isu ini ke Dewan masing-masing dan buat pindaan untuk merapatkan integrasi kaum dan kita dapat satu hubungan di mana macam di Eropah, sekarang ini dari UK hendak pergi ke Europe atau dari dalam Europe hendak pergi ke mana-mana negeri dalam Europe, Germany, Spain, Switzerland atau Austria, mereka ini tidak perlu bawa pasport. Tetapi kita masih terikat dengan 20 *points* ini dan juga *Malaysia Act*.

Gambaran yang daripada soalan yang ditanya diberi di Dewan Rakyat adalah macam Semenanjung dan undang-undang di Semenanjung yang beri satu gambaran di mana Semenanjung yang tidak hendak beri peluang kepada Sabah dan Sarawak, tetapi sebenarnya ini terserah kepada kedua-dua negeri dan kedua-dua kerajaan negeri untuk ambil tindakan dan sewajarnya dan juga secepat mungkin kaji semula *Malaysia Act* dan 20 *points* ini, maka kita punya perpaduan akan boleh dipercepatkan lagi. Tetapi kita sekarang ini, perpaduan dan integrasi daripada ketiga-tiga wilayah ini selama ini adalah sangat baik. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Haji Karim Ghani:** Boleh saya tambah sedikit, Tuan Yang di-Pertua? Apa yang dikatakan oleh Timbalan Menteri itu adalah perkara-perkara dan syarat-syarat yang kita persetujui waktu masuk Malaysia dahulu. Kalau syarat-syarat ini hendak diubah, mesti diperbincangkan semula dengan persetujuan Sabah dan Sarawak.

Dan banyak syarat yang kita persetujui dahulu, sekarang pun kami tidak senang hati. Umpamanya 5% royalti minyak dan TYT kami tidak berhak menjadi Agong. Itu syarat sewaktu kita masuk Malaysia dahulu. Jadi kalau syarat-syarat ini mahu diubah, mesti orang Sabah dan Sarawak diminta pandangannya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat.

**Datuk M. Kayveas:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya jawab soalan yang kedua tentang TYT tidak boleh jadi Agong. Kalau

kita nampak raja-raja ini, TYT di mana-mana tempat pun tidak boleh jadi Agong. Di sini kita ada Penang dan Melaka. Di sana pun TYT tidak boleh jadi Agong. So, samalah. Itu bukan masalah. Perkara itu adalah di bawah bidang kuasa raja-raja.

Selain daripada itu, syarat-syarat yang ada dalam *Malaysia Act* dan *20 points* ini adalah yang telah dipersetujui oleh ketiga-tiga wilayah ini pada masa itu, dan betullah Yang Berhormat kata sekarang ini syarat-syarat perlu dilihat semula. *We have to relook*, dengan izin. Kalau kita hendak *relook* syarat-syarat ini, kita perlu persetujuan daripada ketiga-tiga wilayah ini dan daripada apa yang kita tahu sekarang ini, wilayah Sabah dan Sarawak berpegang sangat kuat kepada dia punya ordinan-ordinan yang sedia ada, banyak ordinan.

Sebagai contoh, saya sebagai peguam, saya tidak boleh pergi Sabah atau Sarawak dan buat kes di sana. Ini masalah. Tetapi seorang rakyat dari Sabah dan Sarawak boleh datang ke Semenanjung, dia boleh mengendalikan mana-mana satu kes di mana-mana mahkamah dari mahkamah majistret sehingga ke mahkamah Persekutuan dan juga mereka boleh ada firma guaman di sini. Tetapi kalau saya hendak pergi, saya tidak boleh pergi. Nampaknya syarat-syarat itu untuk *protect*, dengan izin, Sabah dan Sarawak, tetapi sekarang kalau kita dapat satu persefahaman di mana kita fikir syarat-syarat perlu diubah kerana sekarang ini untuk *contemporary period*, dengan izin, tidak sesuai, maka bolehlah daripada AG, ada AG sendiri di Sabah, ada AG sendiri di Sarawak, boleh menghubungi AG di Semenanjung dan kita boleh duduk lagi sekali dan ambil keluar syarat-syarat ini, *Malaysia Act* dan *20 points* dan kaji semula untuk cari satu persefahaman dan syarat-syarat yang sesuai untuk mencapai Wawasan 2020 bersama semua rakyat di semua wilayah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Okay, terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan telah cukup.

***[Masa bagi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]***

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2005****Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguh atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." **[16 Disember 2004]**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekarang saya minta Kementerian Wilayah Persekutuan untuk menjawab.

**11.19 pagi.**

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Zulhasnan bin Rafique]:** Bismillahir Rahmanir Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Wilayah Persekutuan semasa perbahasan Bajet 2005. Bagi pihak Kementerian Wilayah Persekutuan, saya akan menjawab dan berusaha menjelaskan perkara-perkara yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu soalan sahaja dan pandangan yang ditujukan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan. Sebagai menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat Datuk Haji Kamarudin bin Haji Ambok berkaitan gangguan kelancaran lalu-lintas akibat kerja-kerja penyelenggaraan dan pengorekan jalan raya menyumbang terus kepada kesesakan lalu-lintas di Kuala Lumpur.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerja-kerja penyelenggaraan dan pengorekan atau penggalian jalan raya di sekitar Kuala Lumpur adalah diperlukan untuk membolehkan kemudahan infrastruktur yang lebih baik dapat diberikan kepada warga Kuala Lumpur seperti bekalan air, bekalan elektrik, pembedungan, sistem telekomunikasi dan sebagainya. Isu ini berlainan daripada lubang-lubang (*potholes*) yang disebabkan oleh takungan air selepas penurapan jalan ataupun kejadian semula jadi atau bencana alam. Kerja-kerja menurap semula selepas korekan jalan-jalan

kadang-kadang oleh pihak swasta dijalankan dan tidak dilaksanakan dengan baik, tidak sama-rata menyebabkan lubang-lubang ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini semua permohonan, galian oleh mana-mana agensi kerajaan ataupun swasta mesti dikemukakan kepada Jabatan Kerja Awam, Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur dan semua permohonan ini selalunya diluluskan dalam masa tujuh hari. Dalam permohonan-permohonan yang melibatkan agensi-agensi yang lain di dalam jabatan dan juga agensi di bawah kementerian kerajaan yang lain akan mengambil masa sekurang-kurangnya 30 hari. Permohonan-permohonan ini dikemukakan kepada Jabatan Kerja Awam untuk dipertimbangkan dan selaraskan mengikut lokasi, tempat dan sebagainya. Selepas siap semua penggalian kerja-kerja menurap semula jalan mesti dilaksanakan. Sekiranya pihak kontraktor swasta yang terlibat tidak menurap ataupun membaiki jalan itu semula dengan baik maka Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur akan mengambil tanggungjawab membaiki menggunakan wang deposit setelah dikenakan oleh Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur sentiasa memandang berat rancangan pengurusan jalan raya dan bagi mengelakkan kesesakan lalu-lintas kerja-kerja berkenaan sentiasa diselaraskan dan dikehendaki dilaksanakan pada waktu lewat malam yang mana bilangan lalu-lintas adalah di tahap minimum. Walau bagaimanapun, terdapat kes-kes luar jangkaan umpamanya jalan raya mendap dan pecah seperti yang terjadi tempoh hari di jalan Parlimen, susur keluar ke jalan Mahameru yang mana tindakan pembaikan perlu dilaksanakan sepanjang hari bagi mempercepatkan setiap kerja, namun begitu kes-kes begini jarang berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada maklumat-maklumat untuk Yang Berhormat-Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Sebagai satu langkah untuk mengurangkan pengaliran jalan raya berulang-kali, Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur sedang dan akan mewajibkan pihak-pihak yang ingin menanam kabel atau paip menggunakan kaedah *trenchless technology* seperti *horizontal directional drilling (HDD)* ataupun *pipe jacking* di mana sesuai. *Trenchless technology* ini diguna pakai untuk pemasangan utiliti bawah tanah sepanjang lebuh raya, jalan-jalan lingkaran, jalan-jalan utama dan persimpangan jalan yang mana kedalamannya sekurang-kurangnya 1.5 meter. Sebagai contoh gas Malaysia dan juga Tenaga Nasional, menggunakan teknologi ini untuk pekerja-pekerja mereka di jalan-jalan utama di Kuala Lumpur ini. Dan kaedah

*pipe jacking* yang diguna pakai untuk pemasangan paip pembedungan dan paip air yang mana kedalamannya adalah kurang-kurang 2.4 meter dan ini sedikit sebanyak dan juga Yang Berhormat Dato' Kamarudin Ambok telah sentuh sedikit tentang masalah lalu-lintas dan saya pun hendak sentuh sedikit Tuan Yang di-Pertua.

Langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan melalui Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur dan melalui agensi yang lain untuk menangani masalah kesesakan lalu-lintas. Beberapa pelan tindakan jangka masa pendek seperti berkenaan rangkaian jalan raya terutama, dengan izin, *missing links* bagi tujuan menyuraikan trafik, kemudahan-kemudahan yang menggalakkan penggunaan perkhidmatan-perkhidmatan awam seperti rangkaian pejalan kaki, berteduh di stesen rel, kemudahan-kemudahan perhentian bas-taksi yang selesa dan juga, dengan izin, *park and ride* telah dilaksanakan. Kerajaan telah pun menubuh jawatankuasa pemandu integrasi dan penyusunan semula sistem pengangkutan awam. Ini di bawah Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri di Lembah Kelang iaitu *inspect* yang telah merancang berapa langkah boleh meningkatkan kualiti perkhidmatan rel ringan dan bas sedia ada.

Melalui Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur kerajaan sedang melaksanakan satu projek yang dinamakan *Integrated Transport Information System (ITIS)* bagi tujuan mempertingkatkan keberkesanan pengurusan kemudahan dan rangkaian jalan raya dan juga membantu pengguna jalan raya dalam perjalanan mereka supaya mereka dapat memilih jalan alternatif mengelakkan kesesakan lalu-lintas.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya...

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Zulhasnan bin Rafique]:**  
Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja.....

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya minta laluan?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Penjelasan?

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Minta laluan tentang ITIS yang telah disebutkan itu kerana di Kuala Lumpur sekarang kita selalu nampak ada maklumat yang kata ITIS sedang diuji dan sudah ditunjuk beberapa hari yang lalu dan semalam pun ada. Bolehkah kita dapat penjelasan yang lebih lanjut tentang ini berapa kosnya, bagaimana dia dapat mengatasi dan sebagainya kerana ini nampaknya adalah satu idea yang baru dan baru sahaja dilaksanakan, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat.

**Dato' Zulhasnan bin Rafique:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya ada maklumat-maklumat di sini dan jawapan saya sistem maklumat pengangkutan bersepadu iaitu *Integrated Transport Information System (ITIS)* ialah untuk mewujudkan satu sistem efektif untuk menguruskan dan mentadbirkan sistem infrastruktur perkhidmatan Lembah Klang. Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur dalam siasatannya telah pun mengenal pasti bahawa punca utama masalah kesesakan lalu-lintas kepada pengguna jalan raya dan perkhidmatan rel Kuala Lumpur adalah kerana kekurangan maklumat terperinci dan terkini. Keperluan untuk mengumpul, berkongsi dan mendapatkan maklumat terkini tentang keadaan jalan raya.

Oleh yang demikian, satu keputusan telah dibuat untuk penyelesaian yang berinovatif dan berwawasan untuk membangunkan menghadapi sebarang kemungkinan yang bakal berlaku kepada situasi lalu-lintas yang tidak menentu bagi menangani peningkatan di dalam kesesakan lalu-lintas yang melanda pusat bandar raya Kuala Lumpur. Inilah lahirnya sistem maklumat pengangkutan bersepadu, dengan izin *Integrated Transport Information System (ITIS)*, dan menerusi sistem ini ITIS merangkumi sistem pengurusan trafik maju (*advance traffic management system*) dan sistem maklumat perjalanan maju (*advance traveller information system*, dengan izin dan akan berdaya untuk melapur, mengendali dan menguruskan aliran trafik dan perjalanan di Kuala Lumpur. Projek ini sekarang ini di bawah fasa pengujian, *testing period*. Oleh sebab itu, kita nampak ada panel-panel di seluruh Bandaraya Kuala Lumpur yang pemasangan panel ini dijalankan telah pun selesai di Bandaraya Kuala Lumpur di atas jalan-jalan pihak-pihak konsesi belum dilaksanakan lagi, insyaAllah pada tahun yang akan datang kita akan laksanakan.

Tujuannya ialah kita pun telah dan sedang membangun, satu pusat ITIS di bawah kawasan di Taman Teknologi Malaysia (TTM) yang akan mempunyai sebuah bangunan dengan keluasan 60, 000 kaki persegi yang selamat yang boleh jaga dan beroperasi sebagai pusat perancangan trafik dan pusat pengendalian kecemasan.

Dengan itu Yang Berhormat-Yang Berhormat, menerusi sistem ini atau pusat pengurusan trafik ini atau *traffic management center*, dengan izin, akan beroperasi sebagai penjaga atau pengendalian semula semua perkakasan, perisian dan sistem yang berkaitan di bawah projek ITIS Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur. Ia juga bertanggungjawab terhadap pengawasan lalu-lintas, pengurusan kesesakan, laporan kejadian serta pengurusan dan edaran data. Projek ini juga akan berfungsi sebagai



pusat penyelidikan dan pembangunan iaitu R&D bagi perancangan pengangkutan, pengurusan *traffic on demand*, dengan izin dan inkubasi bagi perkhidmatan sistem pengangkutan pintar.

Projek ini akan menjadi *multijurisdiction*, dengan izin, atau pelbagai kuasa berupaya menyediakan hubungan biasa dan pusat maklumat lalu-lintas akan datang. Pusat operasi lalu-lintas yang boleh dipasang oleh pihak-pihak berkuasa tempatan yang berbeza, atau untuk perhubungan sistem kawalan dan pengawasan lalu-lintas di bawah pelbagai konsesi lebuhraya dan sistem ini juga dilengkapi dengan kemudahan kamera ataupun CCTV yang berupaya untuk mengenal pasti dan mengesan aliran kenderaan dan dimaklumkan kepada umum sekiranya berlaku gangguan kepada aliran kenderaan.

Soalan tentang kos yang ditunjukkan tadi kos kontrak yang telah diberikan kepada syarikat ialah berjumlah RM380 juta ringgit untuk projek ini. Insya-Allah, pada tahun yang akan datang harap bersabar, Insya-Allah apabila siap operasi sepenuhnya nanti, projek ini berupaya untuk membantu warga Kuala Lumpur sampai ke tempat yang ditunjukkan dengan teratur dalam masa yang lebih singkat tanpa banyak kerenah dan masalah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sudah habis menjawab tadi ataupun sudah habis?

**Dato' Zulhasnan bin Rafique:** Saya sudah. Kalau hendak tanya, sila.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, sudah habis? Beri satu laluan lagi?

**Dato' Zulhasnan bin Rafique:** Ya, sila.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila, Dato' Yaacob.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin mendapat penjelasan, soal kesesakan lalu lintas juga relevan dengan apabila berlakunya hujan lebat. Kita akan berhadapan dengan banjir mengejut dan perkara ini sudah berlanjutan sekitar dua puluh tahun yang lalu. Apakah pada pandangan kementerian, bilakah agaknya masalah soal perparitan boleh mengelakkan banjir mengejut berlaku di *Klang Valley*? Terima kasih

**Dato' Zulhasnan bin Rafique:** Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, masalah banjir kilat dan banjir yang berlaku akibat hujan lebat adalah suatu masalah yang lama berlaku di Kuala Lumpur dan Lembah Klang. Sehubungan itu,

kerajaan melalui Kementerian Kewangan dan juga ada kontrak-kontrak melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah melaksanakan projek-projek yang tertentu untuk menentukan kita dapatlah menyelesaikan masalah banjir kilat dan juga masalah daripada hujan lebat. So, dengan itu saya perlu dua, tiga minit untuk menerangkan kepada Yang Berhormat tentang konsep tebatan banjir yang kita dah laksanakan melalui kerajaan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di Kuala Lumpur.

Yang Berhormat-Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat tengok daripada segi pelan Lembah Kelang, kita ada empangan-empangan di sebelah utara. Empangan di sebelah utara itu kita ada sungai-sungai yang mengalir. Tiga batang sungai yang mengalir kepada Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan, ya. So, dengan sungai-sungai ini, kita ada tiga batang sungai, satu di sebelah timur, satu daripada utara dan satu di sebelah barat utara. So, ketiga-tiga sungai ini mengalir kepada bandar Kuala Lumpur dan selepas itu mengalir kepada Selat Melaka. So, dengan itu kalau kita hendak menyelesaikan masalah banjir kilat dan banjir oleh sebab hujan lebat, kita perlu mengalihkan air yang akan mengalir kepada bandar Kuala Lumpur.

Sehubungan itu, satu projek yang dinamakan *Smart Tunner* telah pun dilaksanakan dan telah diberi kepada satu konsesi untuk membangunkan satu *Smart Tunner* yang mengaitkan Sungai Ampang dengan sebelah utara timur kepada yang akan kurangnya, bermakna tidak akan masuk ke Bandaraya Kuala Lumpur, dengan ini kita dapatlah mengalihkan air yang mungkin akan penuh di sungai-sungai berikut dan tidak melalui Kuala Lumpur. Dan ada juga projek oleh JPS untuk membangunkan terusan iaitu *canal*. Pembangunan terusan ini juga akan dapat mengurangkan banjir-banjir kilat sebabnya ialah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mengenal pasti 28 takungan-takungan air dan daripada 28 ini, enam telah pun diwartakan dan yang lain itu dalam proses untuk diwartakan dan terusan-terusan ini iaitu *canal* dapatlah mengalir air daripada sungai-sungai utama ini kepada kolam-kolam takungan.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Dengan ini, apabila hujan lebat kita akan mengalirkan air ini kepada kolam-kolam takungan dan juga untuk menentukan air ini tidak mengalir ke bandar raya Kuala Lumpur. Projek-projek ini, kalau kita tengok daripada kontrak yang telah diberikan oleh Kementerian Kewangan, bermaksud untuk selesaikan pada tahun 2006 atau awal

2007. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur melalui kontrak JPS Wilayah Persekutuan telah pun memberi kontrak sebanyak RM28 juta kepada kontraktor-kontraktor untuk membangunkan dan telah pun selesai tiga kolam takungan air di bandar Kuala Lumpur dan kalau kita tengok jika ada hujan yang lebat, tidak dapati lagi banjir-banjir kilat yang berlaku di Jalan Tun Razak. Tiga takungan air ini adalah bertujuan untuk menentukan tidak ada banjir-banjir kilat di Jalan Tun Razak.

Daripada situ, kita nampak usaha kerajaan untuk mengeluarkan, saya ingat jumlahnya lebih dari RM2 bilion ringgit untuk menentukan rakyat di Kuala Lumpur ini diberi keselesaan dan diberi manfaat daripada kedudukan Kuala Lumpur. Bandar Kuala Lumpur ini kalau kita tengok, kita tanyalah pada mendiang Yap Ah Loy kenapa beliau hendak buat satu bandar ini di dalam *valley*lah atau kita boleh kata daripada *tributary* dengan itu kita perlu menentukan air yang mengalir bukan sahaja daripada empangan di sebelah utara tetapi juga daripada sungai-sungai utama yang mengalir kepada bandar Kuala Lumpur dapat dialih supaya tidak mengalir ke bandar Kuala Lumpur. Terima kasih

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat

**Datuk Dr. Haji Fuad bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya mengenai *parking system* di Kuala Lumpur, tidakkah Dewan Bandaraya dapat menimbang cara sistem *parking system* dapat di '*upgrade*' kan supaya memudahkan pengguna-pengguna. Sekian, terima kasih

**Dato' Zulhasnan bin Rafique:** Terima kasih Yang Berhormat, kita ada satu cadangan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, yang tidak di bawah kawalan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, cadangan untuk penubuhan Lembaga Pengangkutan Bandar Malaysia dan draf Akta Lembaga Pengangkutan Bandar Malaysia ini akan dibentangkan di Parlimen pada tahun yang akan datang.

Sehubungan itu, isu bukan sahaja *parking system* tetapi isu-isu pengangkutan awam yang perlu diatasi sebelum kita boleh menggunakan kaedah-kaedah yang lain untuk menentukan kesesakan lalu lintas dapat diatasi, insya-Allah akan di bawah cadangan Penubuhan Lembaga Pengangkutan Bandar Malaysia ini dan pada tahun yang akan datang, saya ingat kalau tidak silap pada bulan Mac kita akan lihatlah ia dibentangkan di Parlimen ini. Terima kasih

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, saya inginkan penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu adakah kerajaan sedar

tentang usaha-usaha untuk mendalamkan Sungai Gombak dan membuat satu parit untuk menghindarkan banjir di Kuala Lumpur itu tetapi persoalan yang hendak saya timbulkan di sini ialah kerana projek itu sudah sekian lama dan saya lihat sekarang ini projek itu mungkin belanjanya banyak, sudah disebutkan, kerana pengorekan semula jalan konkrit yang telah dibuat di tepi sungai itu telah dikorek semula sekarang ini.

Saya difahamkan bahawa untuk percubaan mengalirkan sungai itu baru dalam dua tiga bulan sahaja. Sungai Gombak itu dialirkan ke Sungai Batu dan ada satu tasik di sana, hanya baru dalam dua tiga bulan ini. Tetapi sebelum itu Sungai Gombak itu tidak pernah dialirkan ke kawasan yang tersebut.

Jadi apakah pandangan Yang Berhormat tentang kelewatan dan juga pembaziran yang begitu ketara dan saya difahamkan sekarang ini ada usaha-usaha pengambilan tanah semula sedang dahulu penduduk di situ telah pun memberikan tanah mereka kepada pihak yang berkenaan, pihak yang bertanggungjawab tetapi sekarang ada lagi hendak dibesarkan yang memaksakan benteng ataupun jalan yang telah dibina, konkrit tadi telah dirobuhkan semula kemudian dibangunkan semula, dibesarkan semula sungai itu. Bagaimana pandangan Yang Berhormat terhadap persoalan ini?

**Dato' Zulhasnan bin Rafique:** Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, isu penebatan Sungai Gombak dan juga soalan Yang Berhormat yang dikemukakan dalam perbahasan akan dijelaskan oleh Kementerian Sumber Asli sebab JPS nya di bawah Kementerian Sumber Asli tapi daripada tanggungjawab Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kita akan memberi tawaran kepada lapan keluarga setinggan dan mereka dalam proses pemindahan dan tanah itu, mereka tinggal di atas rizab sungai dan pada masa ini mereka oleh sebab mereka diberi tawaran untuk masuk rumah PPR, mereka hendaklah masuk pada rumah PPR yang terdekat sekali.

Pada masa ini rumah dan kompleks PPR yang terdekat ialah jauh sikit daripada tempat yang mereka tinggal situ, tapi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dalam proses dan juga tadi dalam soalan lisan telah pun jelaskan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ialah agensi pelaksanaan untuk membantu kementerian dalam pembinaan semua sekali setinggan dan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur hingga 35 ribu setinggan dan insya-Allah dan jika tidak ada masalah-masalah kewangan dan juga masalah-masalah seperti ini dan kita harap untuk memindahkan setinggan-setinggan ini.

Saya akan kemukakan kalau Yang Berhormat dapat kemukakan soalan ini kepada kementerian yang belum lagi menjawab pada hari ini dan beliau sudah bersedia untuk menjawab soalan Yang Berhormat, terima kasih.

Dengan itu Yang Berhormat, bagi pihak Kementerian Wilayah Persekutuan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan juga Perbandaran Putrajaya, saya dengan rasminya hendak menjemput Yang Berhormat-Yang Berhormat mungkin ada yang telah lama di Dewan ini dan juga yang baru masuk untuk mengadakan lawatan dan taklimat kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tentang isu-isu yang mungkin Yang Berhormat tidak begitu jelas dan kita bersedia untuk memberi taklimat dan saya mintalah Setiausaha Dewan Negara untuk menetapkan satu tarikh dan kita akan jelaskan semua sekali bukan sahaja soalan yang kita kemukakan pada hari ini tetapi juga soalan-soalan yang lain yang kita dapat beritahu secara mendalam supaya kefahaman semua sekali dapat dilaksanakan. Apabila semua sekali faham, rakyat pun lebih faham sebab Yang Berhormat-Yang Berhormat akan turun padang untuk beritahu semua sekali rakyat.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Pelancongan.

**11.41 pagi.**

**Timbalan Menteri Pelancongan [Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bagi pihak Kementerian Pelancongan ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan Bajet 2005 yang berhubung dengan Kementerian Pelancongan dan seterusnya memberikan pandangan dan cadangan-cadangan yang berguna kepada usaha-usaha kerajaan untuk memartabatkan industri pelancongan negara.

Berkat sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat serta usaha-usaha yang dibuat oleh pihak yang terlibat dalam industri pelancongan maka sektor pelancongan yang terjejas akibat wabak SARS dan perang Iraq kini telah kembali cergas. Jumlah kedatangan pelancong ke Malaysia bagi tempoh Januari sehingga Oktober tahun ini dicatatkan seramai 13.1 juta pelancong iaitu melebihi dari jumlah 10.6 juta pelancong sepanjang tahun 2003 yang lalu. Namun demikian, pihak Kementerian Pelancongan akan

melipatgandakan usaha-usaha bagi meningkatkan pencapaian industri negara lebih-lebih lagi dengan adanya saingan dengan negara-negara jiran yang telah turut berusaha meningkatkan industri pelancongan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Yaakob Haji Mohammad telah meminta penjelasan dari LPKP (Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan) tetapi ada yang bersangkutan dengan Kementerian Pelancongan mengenai jumlah lesen bas persiaran dan teksi yang telah dikeluarkan sehingga kini khususnya di Lembah Klang. Beliau juga meminta penjelasan mengenai cara mana pemandu-pemandu bas, bas persiaran dan teksi ini dikawal.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bas persiaran adalah dilesenkan oleh Kementerian Pelancongan, maka izinkan saya memberikan penjelasan mengenai bas persiaran dalam pertanyaan ini. Jumlah lesen bas persiaran yang telah dikeluarkan sehingga kini adalah sebanyak 3,140 permit. Dari jumlah ini 178 permit telah dikeluarkan di Selangor dan 1,190 permit dikeluarkan untuk Kuala Lumpur.

Mengenai kawalan ke atas pemandu bas persiaran, Kementerian Pelancongan memberikan syarat-syarat kepada syarikat-syarikat yang diberikan permit mengikut seperti mana yang terdapat dalam Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999. Melalui syarat-syarat ini syarikat-syarikat yang bertanggungjawab mestilah memastikan pemandu yang berhempah sahaja dilantik untuk memandu bas-bas persiaran ini.

Di samping itu kementerian juga menganjurkan kursus pemandu bas persiaran dari masa ke semasa untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dari segi keselamatan dan pengetahuan dalam pengurusan pelancong-pelancong. Dari segi kawalan juga, permit-permit bas persiaran hanya diberikan kepada syarikat-syarikat pengusaha pelancongan yang telah dilesenkan oleh Kementerian Pelancongan sahaja dan tidak kepada individu bagi memastikan tanggungjawab ini dipenuhi.

**Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok:** Yang Berhormat, minta laluan.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Sila.

**Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok:** Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, mengapakah bas ekspres lebih cantik daripada bas persiaran?

Yang kedua, apakah Yang Berhormat sedar ketika ini kereta limousin di negara kita tidak sama tarafnya dengan limousin di luar negara di mana setahu saya di luar negara kereta limousin itu panjang dan mewah dan jikalau Yang Berhormat sedar, apakah tindakan akan diambil? Terima kasih.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, memang apa yang dibangkitkan oleh Dato' Haji Kamarudin Haji Ambok tadi cukup relevan dengan situasi sekarang ini. Memang rata-rata bas ekspres lebih canggih bentuknya, lebih terkini jenisnya, lebih menarik skema warnanya berbanding dengan bas persiaran. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat mahu membezakan di antara bas ekspres dengan bas persiaran, bas persiaran ini di bawah badan itu catnya hijau, bukan hijau PAS tetapi hijau muda warnanya. Itu bas persiaran.

Itu sebab Yang Berhormat Dato' Haji Kamarudin lihat bahawa bas-bas persiaran ini kurang canggih berbanding dengan bas ekspres sebab pengusaha-pengusaha bas ekspres tertakluk kepada Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan. Manakala bas-bas persiaran tertakluk kepada Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 dan hanya pengusaha-pengusaha syarikat pelancongan sahaja yang dibenarkan untuk memohon lesen-lesen bas persiaran ini. Mungkin dari segi modal yang mereka ada kurang daripada modal oleh syarikat bas ekspres. Tetapi saya fikir apa yang disarankan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Kamarudin tadi cukup relevan dengan keadaan sekarang ini kerana kalau kita lihat di negara-negara lain bas persiaran lebih canggih berbanding dengan bas ekspres.

Saya fikir tiba masanya pihak pengusaha-pengusaha bas persiaran ini untuk memikirkan supaya bukan sahaja bas-bas yang mempunyai model terkini dengan kuasa kuda yang lebih besar, skema warna yang lebih cantik tetapi dari segi kerusi-kerusi yang jadi tempat duduk untuk pelancong-pelancong itu juga mesti lebih dicanggihkan mengikut spesifikasi yang ditentukan oleh pihak Kementerian Pelancongan. Kalau tidak pelancong tempatan (*Domestic Tourist*).....

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Minta laluan.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Yang Berhormat, bagi saya habis sedikit lagi Yang Berhormat. Kalau tidak pelancong tempatan mesti lebih selesa dalam bas. Pelancong luar negeri kerusinya lebih nipis, sakit apabila duduk. Jadi kita harap pengusaha-pengusaha pelancongan dapat memikirkan hal ini. Dari segi modal, insya-Allah, kita akan minta kerjasama dari pihak pembangunan dan infrastruktur yang wangnya didatangkan daripada Kementerian Pelancongan untuk membiayai. Sila Yang Berhormat.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin bertanyakan mengenai dengan *airport bus* ataupun *airport coach*. Adakah ia di dalam

pemantauan Kementerian pelancongan kerana dalam pengalaman saya pada beberapa bulan yang lalu saya telah menaiki *airport bus* dan keadaannya amatlah menyedihkan. Kita tahu bahawa kebanyakan yang menaiki *airport bus* selain daripada penumpang-penumpang dalaman adalah juga merupakan pelancong-pelancong. Semasa saya menaikinya adalah ramai juga di kalangan pelancong-pelancong dan apa yang terjadi adalah nasib baiklah sampai sahaja di *airport* memang mati. Tetapi sepanjang perjalanan cara bas itu berjalan bergegar tidak tahulah hendak kata naik apa, naik buldozer agaknya.

Jadi perkara ini adalah penting dan saya tidak tahu sama ada dalam bidang Kementerian Pelancongan tetapi ini adalah menjadi satu imej....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masih ingat kereta lembu?

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Belum lagilah. *[Ketawa]* Belum pernah lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dalam hayat Yang Berhormat tidak pernah bertemu dengan kereta lembu?

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Rasanya kereta lembu lagi selesa daripada *airport coach* ini, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Jadi persoalan saya adakah kementerian memantau bas-bas ataupun kenderaan yang dinaiki oleh para pelancong? Terima kasih.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang cukup prihatin membuat perbandingan di antara kereta lembu dengan *airport bus*. Saya fikir bas-bas berkenaan di bawah tanggungjawab Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan. Kalau Yang Berhormat dapat beritahu saya apa warna bas di bawahnya. Kalau hijau itu di bawah tanggungjawab saya. Beritahu nombor, beritahu syarikat kita ambil tindakan.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Hijau, Yang Berhormat.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Pasti ya? Ada nombornya atau tidak?

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Tidak ingatlah nombor itu.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Ikut peraturan Dewan ini tidak boleh.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Tetapi saya boleh cari tarikhnya sebab dalam perjalanan pulang daripada persidangan pada sesi yang lepas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Demi kesempurnaan saya benarkan.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Terima kasih, kalau dapat Yang Berhormat berikan butir-butir terperinci, saya akan mengambil tindakan pada syarikat berkenaan.



Untuk menjaga imej pelancong-pelancong dan menjaga imej negara kita, itu sebab apa yang dibangkitkan oleh Dato' Haji Kamarudin tadi memang jelas bahawa keadaan cara relatif perbandingannya memang bas ekspres lebih canggih berbanding dengan bas persiaran.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya bukan hendak kaitkan pasal warna hijau, saya hendak tahu, adakah pihak kementerian pernah mengadakan perbincangan-perbincangan, kerana sepanjang jawatan ini pihak kementerian macam tahu keadaan keuzuran bas itu, tetapi adakah pernah diadakan pertemuan, perbincangan secara yang baik dengan pihak pengendali-pengendali bas pelancongan ini, supaya mereka diberikan kesedaran, kefahaman bahawa mereka adalah membawa pelancong-pelancong dan ianya mengakibatkan kepada nama baik negara. Saya ingin tahu. Terima kasih.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri memang prihatin, mungkin Yang Berhormat sendiri biasa menaiki bas berkenaan, bukan kerana warna, warna itu kita tidak boleh ubah, yang pekat itu kita tidak mahu pakai, yang kurang pekat itu kita pakai, warna hijaunya. Perbincangan telah diadakan..

**Tuan Yang di-Pertua:** Warna itu Yang Berhormat hak parti politik atau hak tuhan?

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, itu Allah Taala sebenarnya yang menentukan, tetapi saya ingat lebih baik warna itu diubahlah, tidak hijau lagi akan datang, takut dikaitkan dengan parti politik. Tuan Yang di-Pertua, perbincangan memang kita adakan dengan pengusaha-pengusaha bas persiaran ini dan kita telah juga meminta bukan sekadar reka bentuk bas itu *horse power*, dengan izin atau kuasa kudanya, dia punya *colour scheme*, dengan izin ataupun skema warnanya tetapi kita telah berbincang dengan mereka kerusi itu, *leg roomnya*, ruang kakinya mesti secukupnya, sebab kalau bas persiaran ini kebanyakannya dinaiki oleh pelancong asing.

Kalau pelancong asing dari China atau India kakinya hampir sama dengan kaki kita ketinggian mereka, tetapi kalau orang Eropah dengan Mat Saleh dia memang tidak munasabah, lututnya kadang-kadang kena kerusi hadapan, bila dia tergesel orang depan yang hendak tidur pun tidak jadi tidur. Perkara ini pun kita fikirkan secara

terperinci supaya keselesaan penumpang-penumpang bas persiaran terutamanya untuk pelancong-pelancong asing itu kita fikirkan.

Mengenai pertanyaan Yang Berhormat Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok tentang *limousine* ini, apakah takrifan *limousine*. Bagi kita, minda kita, apabila disebut *limousine* mesti kereta yang panjang *stretch*. Saya pernah diketawakan oleh seorang pelancong asing, bila dia turun ke *Airport* dia *booking limousine*, dia tengok kereta kecil sahaja, tetapi kerana namanya *Limousine* Lapangan Terbang Antarabangsa lesennya begitu dikeluarkan, jadi saya pun mengatakan ini *standard* Malaysia, tetapi *expectationnya*, jangkaan mereka apabila *limousine* itu mesti panjang, lihatlah *limousine* yang pernah dinaiki oleh Yang Berhormat oleh Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok sewaktu di Amerika, bagaimana panjangnya kereta *limousine* itu Chevrolet atau jenis-jenis Amerika, itu *limousine*.

Jadi, saya fikir kalau ianya di bawah Kementerian Pelancongan kita akan mentakrifkan semula *limousine* itu mesti panjangnya kereta, kedudukan kerusinya mesti begitu begini, kalau *limousine* di luar negara itu mesti ada kerusi berhadap, yang belakang menghadap ke depan, kemudian yang hadapan itu menghadap ke belakang, itu namanya *limousine* berbanding dengan kita.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Mohon laluan.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Sila.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya mendengar Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa bukan di bidang kuasa kementerian, tetapi kita tahu bahawa kementerian Yang Berhormat menjanakan ekonomi, saya ingat yang kedua di Malaysia ini. Tidakkah boleh Yang Berhormat sendiri memberi pandangan kepada kementerian yang bertanggungjawab supaya perubahan-perubahan yang ada sekarang baik *limousine* atau bas dapat dibuat perubahan supaya pelancong-pelancong dapat datang dan tidak menjatuhkan imej Malaysia sendiri dari pandangan pelancongan. Begitu juga dengan teksi-teksi, kita lihat ada teksi-teksi yang ada masa-masa teksi tidak mahu mengambil penumpang, begitu juga ada teksi yang tidak mahu menggunakan meter. Jadi, bukankah ini juga akan menjatuhkan imej dari segi pelancongan. Terima kasih.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang dilontarkan oleh Yang Berhormat Dato' Musa itu memang satu kenyataan yang harus kita tangani. *Limousine* yang dikendalikan oleh Kementerian Pelancongan kebanyakannya

berpangkalan di hotel-hotel. *Limousine* yang dikendalikan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi berpangkalan di Airport dan juga di beberapa tempat lain yang ditentukan oleh LPKP.

Tuan Yang di-Pertua, penyelarasan memang telah dilakukan antara Kementerian Pelancongan dengan kementerian berkenaan dan insya-Allah dalam waktu yang terdekat Kementerian Pelancongan sendiri akan mengizinkan supaya *coach* ataupun *coaster* yang mempunyai tempat duduk yang selesa ertinya selain daripada kerusi depan pemandu, kemudian di hadapan itu ada penumpang yang boleh menghadap ke belakang dan yang di belakang itu menghadap ke hadapan, itu akan mendapat kerjasama dengan sebuah syarikat pengeluar kenderaan di Malaysia supaya kenderaan itu diadakan bagi menjaga imej yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Musa.

Begitu juga untuk pelancong-pelancong dari Timur Tengah, biasanya setiap seorang pelancong itu datang ke Malaysia dengan satu beg, balik sekurang-kurangnya dua beg. Jadi, kalau ahli keluarganya berjumlah tiga orang jadi beg pulangnya enam orang. Jadi, kalau teksi biasa memang tidak muat untuk membawa beg yang berkenaan. Apa yang telah dirancang akan dibincangkan dengan LPKP supaya ada *luggage compartment* yang disambungkan kepada kenderaan berkenaan, kalau kita biasa keluar negeri ada satu *compartment* di belakang untuk meletakkan beg dan di hadapan kenderaan itu adalah untuk penumpang-penumpang sahaja.

Ini sedang difikirkan supaya keselesaan penumpang itu dapat dibuat. Mengenai teksi yang disebutkan oleh Dato Musa, terdapat kompelin pada cuti yang lalu, kompelin mengenai teksi oleh pelancong-pelancong luar. Ada empat kompelin mengenai pemandu-pemandu teksi. Kebanyakannya adalah kerana tidak mahu mengambil penumpang ketika kesesakan jalan waktu hujan atau waktu *pick period*, dengan izin dan menaikkan harga mengikut nilai US Dolar Umpamanya di satu tempat RM10 tetapi dia *charge* USD10. Jadi, ini banyak kompelin, dalam perkara ini Bahagian Unit Siasatan, Bahagian Pelesenan Kementerian Pelancongan sentiasa memantau perkara-perkara ini. Sila Yang Berhormat.

**Datuk Mohamed Jin bin Samsudin:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat saya minta laluan. Tidakkah kerajaan bercadang, khususnya Kementerian Pelancongan bercadang supaya pemandu-pemandu teksi ini dikenakan syarat sama ada memakai uniform atau satu pakaian yang lebih sesuai. Kerana kalau kita lihat di

luar negara, baru-baru ini saya ke Fukuoka Japan, semua pemandu teksi ini cukup kemas, bersih dengan tienya, dengan berbaju putih. Kalau musim *winter* mereka memakai semacam ini *coat and tie* [Menunjukkan *coat and tie* yang dipakainya] jadi kita masuk teksi itu kita tengok selesa, bersih dan kalau kita tengok, bukanlah hendak memperkecilkan pemandu-pemandu teksi kadang-kadang tidak memakai pakaian yang sepatutnya dipakai kerana kita menarik perhatian pelancong. Tidakkah kerajaan bercadang untuk mengenakan syarat supaya pemandu teksi mempunyai satu uniform yang khas yakni baju putih dan sebagainya. Terima kasih.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang dilontarkan oleh Datuk Mohamed Jin bin Samsudin tadi memang relevan dengan keadaan sekarang. Saya akan berbincang dengan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi mengenai perkara ini. Itu sebabnya kementerian berkenaan memberikan lesen berdasarkan syarikat-syarikat kenderaan yang tertentu supaya lebih diseragamkan pakaiannya. Individu biasanya agak sukar untuk diberikan uniform, tetapi saya fikir ini kerjasama antara kementerian dan juga persatuan pemandu tuan-tuan punya teksi akan diadakan.

Lihat sahaja di dalam musim cuti panas yang sudah, koordinasi telah dilakukan oleh Kementerian Pelancongan dengan persatuan-persatuan, dengan NGO, Dewan Bandaraya dan pihak-pihak yang lain untuk menentukan agar piawaian tertentu dikenakan kepada pemandu-pemandu teksi ini

Manusia memang boleh diajak dan diatur tetapi kadang-kadang mereka mempunyai keadaan yang agak berbeza. Umpamanya kalau kita fikirkan tentang apakah jawatan atau jenis pekerjaan yang paling akhir yang orang cari, dia kata sudah tidak dapat kerja lain, jadi pemandu teksi pun jadilah. Ertinya, jawatan pemandu teksi ini adalah pilihan terakhir, itulah menyebabkan kadang-kadang, saya tidak menjawab bagi pihak Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, tetapi saya fikir itulah masalah mereka, untuk menentukan bahawa pemandu-pemandu teksi ini mematuhi piawaian yang disebut, sebagaimana di Fukuoka dan di tempat-tempat lain.

Usaha-usaha ini akan dijalankan lebih giat lagi dan pada hemat saya, cadangan itu adalah satu cadangan yang baik dan saya fikir keseragaman pakaian itu bukan hanya berdasarkan kepada syarikat yang diberikan permit, tetapi diseragamkan kepada semua pemandu-pemandu teksi. Kita juga akan mengusahakan agar

pemandu-pemandu teksi ini diberikan kursus khas untuk menjadi pemandu pelancong pada waktu yang sama, kerana ada di kalangan pemandu teksi, bukan semua, apabila ditanya sesuatu tempat, mereka sendiri tidak dapat menyebut sejarah tempat itu, ataupun lokasi sebenarnya.

Jadi, kita akan mengadakan kursus itu dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan juga persatuan tuan punya teksi dan persatuan pemandu teksi agar *upgrading of knowledge*, dengan izin, ataupun peningkatan ilmu dan pengetahuan mengenai pelancongan dan tempat-tempat yang tertentu itu diberikan.

Berbalik kepada soalan Yang Berhormat Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok mengenai limousin ini tadi, saya fikir takrifan semula itu harus dilakukan terhadap limousin itu mesti mempunyai spesifikasi, badan teksi dan kapasiti tempat duduk yang tertentu yang mesti mempunyai beberapa kategori yang tertentu dan saya fikir dengan mengkategorikan semula kereta biasa dengan limousin akan dapat meningkatkan lagi imej negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak:** Minta laluan.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Sila.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, tentang saiz yang saya tertarik tadi, agaknya bagi saya saiz itu jadi mustahak juga kerana saya juga bertanya tentang takrifan teksi mewah ini. Bila ada teksi mewah dan memandangkan sekarang ini ramai juga pelancong yang datang daripada negara-negara Timur Tengah dan *habit* dia orang ini, dengan izin, datang berkeluarga, terlalu ramai dan saiz badan pun berbeza. Boleh atau tidak kementerian memandang serius tentang perkara saiz kereta ini dan juga takrifan kereta mewah.

Juga kalau cakap saiz tentang piawaian, kalau boleh saya kaitkan dengan saiz *T-shirt* untuk dibeli apabila kalau di Malaysia ini XXL bagi saya pun tidak muat. Tidak tahulah sampai berapa 'X', yang boleh saya muat tetapi memandangkan ramai pelancong mungkin daripada negara-negara yang badan-badan juga agak besar, saya tidak tahulah sama ada mereka ini boleh membeli atau tidak barang-barang yang dijual.

Ketiga, saya juga hendak bertanya tentang *first impression*, dengan izin, maknanya adakah kementerian, unit-unit tertentu di pintu-pintu masuk ke negara di mana, mungkin perkara *first impression*, dengan izin, diambil kira, maknanya dari keseluruhan pelancong-pelancong ini masuk. Saya baru-baru ini ke Pulau Pinang, agak terkejut apabila saya tengok rumput yang tidak dipotong, lalang dan sebagainya di *airport* Pulau Pinang. Jadi, kalau saya jadi pelancong di Pulau Pinang, masa itu agaknya rasa-rasa macam tidak terurus landskap di Pulau Pinang.

Juga dari segi saiz teksi menjadi satu perkara, tetapi juga untuk pemandu. Dari segi *training*, dari segi latihan untuk mereka ini supaya cara mereka berurusan dengan pelancong ini juga diambil kira. Terima kasih.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan saiz pelancong-pelancong daripada Eropah dan Amerika ini sama dengan saiz Yang Berhormat Dato' Ikhwan Salim, [*Ketawa*] jadi kita telah memikirkan juga, itu sebabnya limousin bentuk baru tadi, yang saya panggil *coaster* tadi, memikirkan tentang saiz macam Yang Berhormat Dato' Ikhwan Salim sendiri. Harap-harap juga tidak kurang daripada saiz itu.

Tentang teksi mewah ini, teksi mewah ini kategorinya juga sama. Sama ada ia limousin ataupun teksi-teksi biasa. Saya fikir tentang teksi itu di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, tetapi kalau limousin daripada hotel yang dikendalikan oleh syarikat pelancongan itu di bawah kementerian saya. Kita akan mengambil kira segala pandangan Yang Berhormat berikan tadi, untuk kita membuat spesifikasi yang lebih baik.

Tentang cenderahati, dari segi saiz *t-shirt* tadi, pagi tadi saya telah melancarkan *shuttle bus*, bas yang membawa pelancong-pelancong daripada hotel ke KL Tower (Menara Kuala Lumpur) dengan percuma. Saya telah meminta kepada Ketua Pegawai Eksekutif Menara Kuala Lumpur agar kedai *souvenir*, kedai cenderahati yang menjual barang-barang termasuk *t-shirt* itu mesti mengambil kira saiz pelancong-pelancong berkenaan.

Tengok musim, kalau musim panas, pelancong Arab, musim sejuk, yang sekarang ini, hotel sudah penuh. Tuan Yang di-Pertua, kawan-kawan saya daripada Sabah, Sarawak hendak duduk dua, tiga malam, dapat semalam sahaja, sebab promosi kita dibuat untuk negara-negara sejuk. Musim sejuk ini, mereka datang

sekarang ini ya. Di Langkawi bukan *fully booked*, sudah *over-booked*, dengan izin, di Kuala Lumpur pun begitu itu juga, kerana negara-negara sejuk ini, termasuk daripada Rusia dan negara-negara CIS, negara Mediterranean dan Eropah Barat serta Eropah Timur, sekarang mula datang, sebab mereka mahu merayakan Krismas dan tahun barunya di negara kita sekarang ini.

Kita mengambil kira kalau Katolik, dia merayakan Krismas pada 25 Disember tetapi untuk Orthodox, mereka merayakan Krismasnya pada 7 Januari. Kita ambil kira ini semua, *the flow* ataupun aliran pelancong-pelancong ini datang daripada negara sejuk waktu bila, di kawasan mana, di hotel mana yang mereka sesuai. Jadi, dalam perkara-perkara ini, untuk *t-shirt*, itu pun kita fikirkan. Arab daripada Yaman, saiznya kecil sedikit, Arab daripada UAE, besar sedikit, pelancong daripada Arab Saudi, besar sedikit badan mereka. Itu pun kita ambil kira dari segi *t-shirt*, but *t-shirt* XXXL, sama dengan Yang Berhormat Dato' Ikhwan Salim ini memang kita ambil kira, itu sebab Menara KL mengambil kira perkara-perkara berkenaan.

Dari segi tanggapan awal atau *first impression* terhadap *landscaping* di Pulau Pinang, kita berterima kasih kepada sebuah syarikat akhbar yang telah mengimejkan semula Pulau Pinang sebagai bandar pelancongan, saya harap wakil akhbar ada di sini untuk mencatatkan rasa terima kasih kami kepada akhbar berkenaan, bukan untuk menuding jari kepada mana-mana pihak, tetapi saya fikir Pulau Pinang, negeri asal Tuan Yang di-Pertua, dapat diimejkan semula agar pelancong-pelancong ini lebih ramai datang ke Pulau Pinang sekarang ini, kerana pelancong-pelancong agak kurang ke Pulau Pinang sebab apabila mereka pergi ke laut, laut penuh dengan *jellyfish*, dengan izin, dengan rumpai-rumpai, pergi ke hotel, sebagaimana yang digambarkan oleh akhbar berkenaan dan saya tidak mahu menuduh sesiapa, itulah keadaannya. Oleh itu, pengimejan semula ini dapat dibuat semula dan kita .....

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Mohon laluan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat pembetulan sedikit. Memang saya dari Pulau Pinang, jadi kita tidak boleh salahkan semua Kerajaan Negeri Pulau Pinang, sebab ia kena *double standard*. Ada yang terpaksa kita rujuk kepada Kerajaan Persekutuan. Banyak perkara yang kita tahu bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak boleh laksanakan, kerana lambat daripada Kerajaan Pusat sendiri. Jadi, ini yang kadang-kadang itu imej Pulau Pinang itu, orang kata, Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Kita lihat beberapa

perkara, baru-baru ini najis pembetulan, berpuluh tahun sudah kita minta, baru tiga hari lepas baru ditandatangani. Inilah masalah Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kadang-kadang Yang Berhormat hendak cari kebaikan ini kena ada provokasi sedikit.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Saya setuju sangat. Tuan Yang di-Pertua, dan saya harap *landscaping* ataupun pengindahan landskap ini dapat dibuat dan kementerian-kementerian yang bertanggungjawab mengenainya dan juga pihak kerajaan Negeri dan pihak berkuasa tempatan dapat bekerjasama membantu agar Pulau Pinang dapat dinaikkan semula imejnya sebagai destinasi pelancongan yang menarik kepada pelancong-pelancong asing.

Yang Berhormat Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri telah meminta Kementerian Luar Negeri, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Kementerian Pelancongan untuk membawa penasihat syariah Bank Negara rangka kerja ke negara-negara Arab untuk menarik pelancong-atau pelabur ke Malaysia. Saya mengucapkan terima kasih di atas cadangan Yang Berhormat dan Kementerian Pelancongan *insya-Allah* bersedia untuk mempertimbangkan penglibatan penasihat-penasihat syariah bukan sahaja dari Bank Negara tetapi penasihat-penasihat syariah dari institusi-institusi lain ke dalam misi menggalakkan pelancongan kementerian sekiranya kehadiran mereka ini dapat menggalakkan lagi jumlah kehadiran pelancong-pelancong negara berkenaan ke Malaysia.

Saya berharap juga pihak Dewan Negara dapat mengizinkan Ahli-ahli Yang Berhormat agar dapat mengizinkan mengikuti rombongan Menteri Pelancongan atau saya sendiri supaya dapat membantu kami untuk mendedahkan dan menarik pelancong-pelancong untuk datang ke Malaysia. Atas izin Tuan Yang di-Pertua, saya fikir mereka juga mahu dan harus memberi peluang untuk bersama-sama mempromosikan Malaysia di luar negara...

**Tuan Yang di-Pertua:** Untuk mengambil hati Yang Berhormat, saya katakan kalau ada jemputan, saya izin.

**Ahli Lain:** *[Ketawa]*

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Saya ucapkan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.



Yang Berhormat Dato Musa bin Haji Sheikh Fadzir telah meminta Kementerian Pelancongan meningkatkan penglibatan pengusaha-pengusaha industri kecil dan sederhana IKS dalam industri pelancongan seperti pembinaan *chalet*, dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sememangnya sedang berusaha menggalakkan lebih ramai pengusaha-pengusaha Bumiputera terutamanya IKS untuk berkecimpung dalam industri pelancongan. Bagi tujuan ini, kerajaan telah menyediakan pelbagai insentif, bantuan kewangan, latihan serta khidmat nasihat.

- (i) Pengusaha-pengusaha IKS boleh melibatkan diri dalam perniagaan-perniagaan pelancongan seperti berikut: pengendalian khidmat pelancongan dan agensi pengembaraan;
- (ii) perkhidmatan pengangkutan yang berkaitan dengan pelancongan seperti Batu Siaran, kereta sewa pandu sendiri, feri, dan bot;
- (iii) institusi latihan pelancongan untuk pemandu-pemandu pelancong;
- (iv) premis penginapan pelancongan seperti hotel, motel, chalet, *lodge* dan rumah rehat;
- (v) pengendalian restoran yang mengadakan persembahan kebudayaan;
- (vi) pusat cenderamata dan kraf tangan;
- (vii) kedai bebas cukai;
- (viii) peralatan rekreasi di kawasan pelancongan seperti peralatan marina, basikal, bot dan sebagainya; dan
- (ix) pembangunan tempat peranginan pelancongan seperti taman rekreasi, taman bertema seperti taman rama-rama, taman bunga, taman safari, kompleks pelancongan bersepadu dan sebagainya.

Bagi tujuan tersebut, kerajaan telah menubuhkan tabung khas pelancongan yang bernilai RM400 juta untuk membolehkan pengusaha-pengusaha IKS mendapatkan kemudahan pinjaman pada kadar faedah yang rendah, iaitu 3.75% setahun bagi meningkatkan daya maju dan daya saing pengusaha-pengusaha Bumiputera.

Akhir sekali, izinkan saya merakamkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini yang telah memberikan pandangan dan teguran serta unjuran-unjuran dalam perbahasan-perbahasan yang berkaitan dengan Kementerian Pelancongan.

Segala teguran, pandangan, cadangan, saranan yang dikemukakan itu akan diberikan perhatian oleh Kementerian ini bagi memastikan industri pelancongan negara tumbuh serta berterusan sebagai penyumbang utama kepada pembangunan sosioekonomi negara. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi.

**12.15 tgh.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi**

**[Tuan Ng Lip Yong]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Hajah Dayang Mahani bt Tun Pg. Ahmad Rafae yang telah mencadangkan supaya aktiviti penyelidikan dan pembangunan ke atas minyak sawit untuk menggantikan minyak mentah diteruskan memandangkan ianya dapat membawa keuntungan kepada negara di masa-masa hadapan.

Untuk maklumat Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat sekalian, kementerian saya melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia atau (MPOB) telah pun membuat penyelidikan untuk menggunakan minyak sawit sebagai bahan bakar atau sumber tenaga yang dikenali sebagai *bio-fuel*.

Hasil daripada penyelidikan tersebut, didapati minyak sawit boleh digunakan sebagai *bio-fuel* sama ada secara terus untuk menggantikan *diesel petroleum* untuk membentuk *vita esters* atau dicampurkan (*blended*), dengan izin, dengan minyak *diesel petroleum* untuk kegunaan enjin diesel, khususnya untuk enjin kenderaan. Pengguna *bio-fuel* sawit secara meluas boleh memberi faedah-faedah berikut:

- (i) mengurangkan kebergantungan terhadap sumber tenaga *fossil* yang makin berkurangan;
- (ii) ia merupakan sumber tenaga yang boleh diperbaharui dan mesra alam; dan
- (iii) boleh mewujudkan permintaan dan penggunaan baru bagi minyak sawit dan ini memungkinan pengukuhan harga minyak

sawit di pasaran seterusnya boleh meningkatkan pendapatan kerajaan.

Walau bagaimanapun, pada masa-masa sekarang penggunaan minyak *bio-fuel* sawit tidak *economic* berbanding dengan minyak diesel petroleum kerana harganya lebih tinggi iaitu lebih kurang RM1.50 seliter sedangkan harga *diesel petroleum* dipasaran sekarang ialah RM1.40 se liter harga subsidi. Memandangkan harga minyak mentah yang kian meningkat semenjak akhir-akhir ini, kemungkinan penggunaan *bio-fuel* sebagai sumber tenaga menjadi lebih menarik. Oleh itu, Kementerian saya sedang aktif mengambil inisiatif untuk menggubal kaedah atau mekanisme bagi membolehkan *bio-fuel* daripada minyak sawit dapat digunakan secara meluas di negara kita.

Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

**12.18 tgh.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat khususnya Yang Berhormat Senator Datuk Yaakob bin Haji Mohammad...dan juga Senator Datuk Mohamed Jin bin Samsuddin yang telah membangkitkan isu berkaitan dengan bidang tugas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad telah membangkitkan isu tidak puas hati pengusaha stesen-stesen minyak milik Shell, ESSO dan BP mengenai kadar komisen yang mereka terima adalah terlalu kecil berbanding kutipan bulanan oleh syarikat minyak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga runcit barangan petroleum adalah dikawal serta ditetapkan oleh pihak kerajaan melalui mekanisme harga barangan petroleum (*automatic price mechanism* – APM). APM ini dilaksanakan sejak 2 April 1983 dengan objektif untuk menstabilkan harga runcit barangan petroleum dalam jangka masa panjang supaya pertumbuhan ekonomi tidak terjejas. Ini turut membolehkan kerajaan untuk membendung dan mengawal inflasi. Di

samping itu, dalam menetapkan harga jualan runcit produk petrol dan diesel di stesen-stesen minyak, kerajaan telah mengambil kira semua aspek kos dalam mengusaha dan membangunkan stesen-stesen minyak. Ini untuk memastikan semua pihak yang terlibat tidak mengalami kerugian.

Seterusnya dalam beberapa siri perjumpaan dengan syarikat minyak serta wakil-wakil persatuan pengusaha stesen-stesen minyak di seluruh Malaysia berpendapat harga serta komisen yang ditetapkan oleh kerajaan buat masa ini adalah memadai. Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad juga turut membangkitkan soalan tentang jumlah pengusaha stesen minyak bumiputera sehingga Jun 2004 yang terpaksa menutup perniagaan disebabkan bayaran komisen yang tidak setimpal. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga hari ini Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna belum pernah menerima kes pengusaha stesen minyak bumiputera yang berhenti berniaga disebabkan oleh isu komisen, malahan semua pengusaha stesen minyak yang ditutup adalah disebabkan oleh kegagalan pengusaha itu sendiri untuk mengendalikan perniagaan dengan cara yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya adalah berkaitan dengan cadangan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Mohamed Jin bin Samsudin supaya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menempatkan syarikat-syarikat pengeluar CD dan VCD dalam satu kawasan (*bonded area*). Kementerian ini dimaklumkan bahawa cadangan ini bertujuan untuk mengawal dan memantau aktiviti keluar masuk CD dan VCD demi untuk membanteras jenayah cetak rompak. Walau bagaimana pun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini telah membuat keputusan untuk tidak menempatkan syarikat-syarikat dan kilang-kilang pengeluar CD dan VCD dalam *bonded area*. Buat masa ini pengawalan dan pemantauan dilaksanakan di peringkat kilang di bawah Akta Cakra Optik Tahun 2000. Usaha ini telah pun berjaya mengeluarkan Malaysia dari senarai, dengan izin *priority watch list*, pada tahun 2000 dan 2001. Walau bagaimanapun, kementerian ini akan terus meningkatkan usaha untuk membanteras jenayah cetak rompak dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, itulah beberapa berapa yang dapat saya ...

**Datuk Mohamed Jin bin Samsudin:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat minta laluan. Saya difahamkan Malaysia mempunyai 41 buah syarikat mencetak.

Adakah itu terlalu besar jika dibandingkan dengan 24 juta penduduk sedangkan ada negara lain yang lebih besar penduduknya tetapi tidak sebesar itu atau sebanyak syarikat sedemikian. Apakah ini benar dan apa pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Hoo Seong Chang:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya untuk kilang yang...- ataupun kita bagi lesen kepada pengilang cakera optik ini di bawah Akta Cakera Optik Tahun 2000 sebenarnya bukan 41, ia 44. Jadi ia ada tiga kategori di mana 32 kilang yang mengeluarkan bahan cakera optik yang ada kandungan (*prerecorded*) dan lapan kilang mengeluarkan bahan cakera optik yang boleh dirakam (*rerecorded*) dan empat untuk membuat salinan (*stamper*) untuk buat CD/VCD ini, bererti jumlah adalah 44. Dari segi sama ada 44 ini terlalu banyak, buat sementara ini memang lesen ini dibekukan oleh kementerian dan dari semasa ke semasa kita memantau pengeluaran CD/VCD ini dan kita harap dengan adanya kerjasama daripada semua pihak bukan sahaja setakat pengguna tetapi pengilang pun mendapat keuntungan untuk kebaikan industri tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Bajet 2005 dan memberi pandangan ke atas perkara yang melibatkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Bagi perkara yang telah disentuh secara tidak langsung oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan ada kaitan dengan kementerian ini, tindakan akan diambil dengan sewajarnya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Pengajian Tinggi.

**12.25 tgh**

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Fu Ah Kiow]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Bajet 2005 di Dewan yang mulia ini, terutamanya kepada mereka yang telah membangkit isu dan cadangan yang menyentuh Kementerian Pengajian Tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Datuk Mohamed Jin bin Samsudin telah mencadangkan agar kerajaan menubuhkan sebuah institut pengajian tinggi yang menawarkan pengajian khusus dalam bidang perfileman. Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini Kementerian Pengajian Tinggi tiada cadangan untuk mewujudkan institusi pengajian tinggi yang menawarkan pengajian khusus dalam

bidang perfileman. Penubuhan sesebuah universiti memerlukan kajian yang mendalam terutama dari segi implikasi kewangan, pemilihan lokasi yang sesuai, jumlah tenaga pengajar yang berkelayakan dan berwibawa, kualiti kursus-kursus yang akan ditawarkan dan juga berbagai-bagai faktor lain yang perlu dipertimbangkan.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa IPTA yang menawarkan program-program berkaitan seni, antaranya kursus seni tari, kursus muzik tradisional di Universiti Malaysia dan Program Ijazah Sarjana Muda Seni Muzik yang merangkumi subjek seperti vokal, tarian dan seni persembahan di UiTM.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Rashid bin Ngah mencadangkan supaya Kementerian Pengajian Tinggi mengkaji semula kursus-kursus yang ditawarkan di IPT yang menyebabkan ramai siswazah menganggur ataupun kursus-kursus tersebut tidak ditawarkan kepada pelajar. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sedia maklum, pengangguran siswazah bukanlah hanya disebabkan kursus yang diambil semata-mata tetapi graduan juga perlu meningkatkan kemahiran dan mempunyai nilai tambah (*value added*) dengan izin, bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi juga dalam bidang-bidang lain seperti komunikasi, keterampilan diri dan pembangunan watak serta meningkatkan keupayaan penggunaan bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga telah mengambil beberapa langkah untuk melahirkan graduan yang kompetitif dan *marketable*, dengan izin. Antara usaha-usaha yang dijalankan oleh kementerian ialah:

- (a) mengkaji penawaran kursus-kursus baru di IPT agar ianya bersesuaian dan memenuhi keperluan pasaran guna tenaga;
- (b) meminta IPT memasukkan elemen-elemen seperti teknologi maklumat, keusahawanan dan etika dalam kursus-kursus;
- (c) mempertingkatkan kerjasama antara kementerian dengan pihak industri IPT dan agensi kerajaan yang berkaitan dari semasa ke semasa bagi mendapatkan maklum balas mengenai keperluan tenaga kerja di sektor berkenaan;
- (d) menggesa IPT meningkatkan penggunaan bahasa Inggeris dan lain-lain bahasa yang penting serta meningkatkan kemahiran berkomunikasi bagi memberi nilai tambah kepada siswazah;

- (e) cadangan kursus pengajian secara *double major*, dengan izin, melalui gabungan kursus-kursus pengajian seperti gabungan kursus Pengajian Islam dan Ekonomi, Pengurusan dan Teknologi Maklumat;
- (f) penilaian semula kurikulum pengajian setiap lima tahun dengan mengambil kira ulasan dan maklum balas oleh penasihat akademik, penilai luar, input daripada industri bagi memastikan kurikulum program pengajian mempunyai kualiti dan sesuai dengan perkembangan dan pasaran kerja terkini;
- (g) mengadakan program latihan industri pelajar semasa tahun akhir pengajian di syarikat industri awam dan swasta;
- (h) mahasiswa diberi pendedahan dalam aspek-aspek kepimpinan, pengurusan dan budaya kerja di industri;
- (i) mengadakan khidmat sokongan di peringkat IPT untuk membantu mahasiswa mengetahui bentuk pekerjaan yang relevan dan sedia menunggu di pasaran;
- (j) menyokong usaha JPA yang mengadakan skim sangkutan dan latihan dan Kementerian Sumber Manusia yang mengadakan skim latihan graduan dengan menggalakkan pelajar untuk mengikuti program ini selepas mereka menamatkan pengajian sekiranya masih belum mendapat pekerjaan.

Dengan langkah-langkah ini, pihak IPT mampu melahirkan graduan yang bukan sahaja dapat menguasai ilmu pengetahuan yang cemerlang malah mereka juga mempunyai keterampilan serta budaya berfikir secara kritikal dalam menyelesaikan masalah dan membuat keputusan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dr. Haji ....

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Tuan Yang di-Pertua, laluan.

**Dato' Datuk Fu Ah Kiow:** Sila.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Terima kasih atas cadangan-cadangan untuk menjadikan siswazah kita lebih *marketable* bila mereka keluar dari pusat-pusat pengajian tinggi. Secara khusus, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengetahui dalam bidang penambahan penggunaan bahasa Inggeris, apakah program-program kursus yang dicadangkan untuk diberikan kepada mereka di universiti-universiti kita sekarang.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, dalam menggalakkan pembelajaran dan penguasaan bahasa Inggeris, kini kementerian telah mensyaratkan supaya kursus dalam bidang Sains dan Teknologi akan diajar dengan menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi telah mencadangkan supaya kerajaan membina satu kolej komuniti di setiap kawasan Parlimen dengan menggunakan bangunan yang sedia ada ataupun menyewa untuk mengurangkan kos pembinaan. Kementerian mengucapkan terima kasih di atas saranan Yang Berhormat. Adalah menjadi hasrat kerajaan untuk menubuhkan dan memperkembangkan kolej komuniti di seluruh negara. Buat masa ini, terdapat 34 buah kolej komuniti yang sedang beroperasi di seluruh negara. Kerajaan telah memutuskan penubuhan kolej komuniti seterusnya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dibina mengikut keperluan di sesebuah kawasan. Kerajaan juga bersetuju supaya rumah-rumah kedai yang tidak terjual dijadikan premis kolej komuniti.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kriteria yang harus dipertimbangkan sebelum sesebuah kolej komuniti ditubuhkan di sesebuah kawasan. Di antara kriteria-kriteria tersebut ialah jumlah dan kepadatan penduduk setempat serta keperluan latihan kemahiran yang boleh menjana ekonomi masyarakat setempat dan ketiadaan lain-lain institusi latihan seperti Pusat Giat MARA, Institut Kemahiran MARA, Institut Latihan Perindustrian Politeknik dan sebagainya juga diambil kira dalam penubuhan kolej komuniti.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi juga mencadangkan supaya kementerian memikirkan tentang teknologi dalam menjadikan Proton sebagai sebuah Universiti Automobil Malaysia. Kementerian berterima kasih atas cadangan tersebut. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kini telah terdapat beberapa IPTA dan IPTS yang menawarkan kursus dalam kejuruteraan automobil. Maka, kementerian belum ada perancangan untuk menjadikan Proton sebagai Universiti Automobil Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya telah mencadangkan agar ditubuhkan sebuah universiti di negeri Kelantan. Penubuhan sesebuah universiti baru memerlukan perancangan yang teliti kerana ia melibatkan peruntukan kewangan yang besar, keupayaan tenaga pengajar, bidang pengajian yang akan ditawarkan dan sebagainya.



Setakat ini, Kelantan mempunyai tiga kampus cawangan universiti awam iaitu Kampus Cawangan Universiti Malaya di Nilam Puri, Kampus Sains Kesihatan Universiti Sains Malaysia di Kubang Kerian dan Kampus Cawangan UiTM di Machang. Pihak kementerian sedang meneliti dan mengkaji kesesuaian serta keperluan bagi penubuhan IPT lain di Kelantan, di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad telah menyarankan supaya peranan MSD atau Bahagian Kebajikan Penuntut Luar Negara dirombak untuk memantau pelajar di luar negara dengan lebih berkesan. Peranan Jabatan Penuntut Malaysia di luar negara telah pun dirombak semula berikutan penyusunan struktur organisasi jabatan-jabatan berkenaan pada tahun 2000 dengan memberikan fokus yang utama kepada urusan-urusan kebajikan pelajar. Dalam hal yang berkaitan, aktiviti-aktiviti pendampingan dengan pelajar telah diperkemas dan dipertingkatkan melalui program-program berikut:

- (a) mengadakan program orientasi untuk pelajar-pelajar baru;
- (b) melipatgandakan usaha-usaha pendaftaran pelajar-pelajar Malaysia di luar negara dengan Jabatan Penuntut Malaysia;
- (c) mengadakan aktiviti agama, sukan dan majlis-majlis kebesaran negara dan agama. Contohnya menyambut Hari Kebangsaan dan Hari Raya;
- (d) menyusun program-program lawatan pembesar negara bersama pelajar;
- (e) memantau prestasi pencapaian akademik pelajar-pelajar melalui sesi kaunseling, bimbingan cara dan perjumpaan dengan *International Student Office*, dengan izin, di universiti-universiti yang mempunyai pelajar-pelajar Malaysia;
- (f) bekerjasama dengan agensi-agensi penaja dalam memastikan kecemerlangan akademik pelajar-pelajar; dan
- (g) mengadakan program-program *outreach*; dengan izin, dan program-program *magnet-driven*, dengan izin, untuk menyampaikan berita-berita dan perkembangan terkini yang berlaku di dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja yang dapat saya jelaskan mengenai perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Pengajian Tinggi yang ditimbulkan oleh

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Segala saranan akan diberi pertimbangan sewajarnya. Perkara-perkara yang tidak sempat dijelaskan akan tetap diambil perhatian dan tindakan sewajarnya. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

**12.35 tgh.**

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Dr. Tiki anak Lafe]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membincangkan isu-isu dan juga perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah semasa perbahasan Bajet 2005 di peringkat dasar Dewan ini.

Di sini saya ingin memberi jawapan kepada isu-isu dan pandangan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian secara serentak kerana kebanyakan perkara yang dibangkitkan hampir sama dan boleh dibahagikan kepada beberapa spesifikasi iaitu isu-isu perancangan strategik, pembasmian kemiskinan, Prasarana Utiliti dan Ameniti Sosial (PUAS), ekonomi desa, pembangunan masyarakat Orang Asli dan pembangunan sumber manusia dan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Seri Empiang Jabu telah membangkitkan tentang isu mengenai pembangunan luar bandar yang masih rendah dan perlu diperkukuhkan. Beliau juga memohon supaya perhatian khas diberikan kepada peruntukan yang lebih dan masih banyak lagi kawasan luar bandar yang belum mendapat kemudahan elektrik, bekalan air, jalan dan tadika. Beliau juga telah menyebut tentang program dan juga projek luar bandar supaya dilaksanakan dengan segera kerana rakyat di kawasan luar bandar begitu berharap akan projek berkenaan. Seterusnya, beliau juga telah membawa tentang masalah pelaksanaan projek di luar bandar yang perlu dipantau supaya tidak mengalami kelewatan dan golongan sasar menerima faedahnya.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Seri Empiang Jabu, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah akan terus memberikan keutamaan kepada pembangunan infrastruktur dan kemudahan asas di luar bandar dalam tahun 2005 dan juga dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Pelaksanaan program pembangunan infrastruktur di kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak akan diberi keutamaan, khususnya dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan.

Dalam tempoh yang sama, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah juga akan mempergiatkan lagi program pembangunan manusia ataupun *human development*, dengan izin, untuk memperkasakan masyarakat luar bandar supaya mereka menjadi masyarakat yang berpengetahuan, berjati diri, berdaya tahan, berdaya saing, mengamalkan nilai-nilai hidup positif dan bekerjasama.

Di antara program pembangunan yang akan diberi tumpuan adalah usaha melahirkan kepimpinan berwibawa di kalangan masyarakat meliputi pemimpin-pemimpin Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), persatuan belia, pertubuhan-pertubuhan institusi keagamaan dan lain-lain.

Seterusnya, untuk mewujudkan institusi sosial ataupun *social institution*, dengan izin, yang berdaya maju dan bergerak aktif sebagai penggerak masyarakat seperti persatuan pertubuhan institusi keagamaan dan gerakan koperasi. Institusi sosial berkenaan boleh digunakan oleh penduduk luar bandar untuk menjayakan pelbagai aktiviti sosial ekonomi seperti pertanian, perniagaan, industri luar bandar, pemasaran dan lain-lain.

Yang Berhormat Dato' Omar bin Faudzar membangkitkan isu mengenai pembangunan masyarakat luar bandar yang rata-ratanya terdiri daripada petani, nelayan dan pesawah yang perlu melibatkan perubahan minda. Kerjasama antara agensi utama seperti KKNW dengan Kementerian Pertanian dan Asas Tani amat diperlukan. Kerajaan negeri perlu turut menyediakan kemudahan prasarana asas.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Omar bin Faudzar, Program Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) yang dikendalikan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah adalah meliputi program pembangunan minda insan dengan kumpulan sasarannya merangkumi golongan petani, penternak dan nelayan yang berpendapatan rendah.

Di samping itu, di bawah Program Peningkatan Pendapatan (PPP), melalui pakatan KKNW dengan MOA Incorporated, peruntukan yang disalurkan kepada

agensi-agensi Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani turut melibatkan elemen perubahan minda melalui kursus dan latihan persediaan praprojek ekonomi yang dijalankan.

Bagi tahun 2004, sejumlah RM28.46 juta telah disalurkan meliputi sebanyak RM3.42 juta ataupun 12% untuk latihan praprojek yang melibatkan aspek perubahan minda sejumlah hampir 3,164 orang petani, nelayan dan penternak yang terlibat. Selain daripada itu, program perubahan sikap di bawah KEMAS, melalui program Bina Insan yang juga merangkumi golongan petani, nelayan dan penternak dengan tumpuan kepada golongan kanak-kanak, remaja, belia, suri rumah dan juga ibu tunggal.

Seterusnya program bina insan KEMAS melibatkan dua aktiviti utama iaitu program pendidikan kerohanian dan program pembangunan keluarga. Aktiviti-aktiviti di bawah pendidikan kerohanian adalah seperti Ihtifal Kesenian Islam, khemah ibadat belia dan remaja, program sambutan hari-hari kebesaran Islam dan program akhir Ramadan. Objektif utama program pendidikan kerohanian adalah untuk meningkatkan kefahaman dan penghayatan masyarakat pelbagai peringkat umur terhadap agama, kepada pembinaan jati diri dan akhlak yang mulia, berilmu dan bersih daripada unsur-unsur negatif.

Manakala program pembangunan keluarga pula melibatkan aktiviti-aktiviti seperti program kesejahteraan keluarga, kemahiran keibubapaan, pembangunan wanita dan kerjaya, fardu kifayah dan kem kecemerlangan ataupun motivasi pelajar. Program ini lebih cenderung kepada pembentukan keluarga yang sempurna, bahagia dan harmoni kerana asas keluarga yang kukuh dapat melahirkan generasi yang cemerlang.

Yang Berhormat Datuk Haji Roslan bin Awang Chik membangkitkan isu mengenai strategi membasmi kemiskinan melalui program bantuan rumah, program peningkatan pendapatan, program tambahan makanan seimbang, program pembangunan minda insan, program latihan dan pendidikan adalah baik. Namun, kos baiki rumah PPRT sebanyak RM5,190 setelah ditolak RM1,000 keuntungan kepada kontraktor dan subkontraktor menyebabkan bantuan yang sampai kepada penerima bantuan hanyalah RM2,000 hingga RM3,000 sahaja. Kos bina baru rumah PPRT sebanyak RM10,370 dan kos tapak RM2,000 juga tidak cukup untuk memberi rumah yang sempurna kepada rakyat miskin dan kementerian perlu melihat perkara ini.

Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu membangkitkan isu mengenai kos bina rumah PPRT sama ada di kawasan bandar dan luar bandar tanpa mengambil kira kos bahan mentah dan lokasi di pedalaman. Dicadangkan satu badan diwujudkan di peringkat kementerian supaya projek ini benar-benar dilaksanakan dan rumah diberi tiga bilik dengan kos RM17,000.

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Haji Roslan bin Awang Chik dan Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu berhubung kadar bantuan baik pulih dan bina baru rumah bagi golongan miskin tegar di bawah program bantuan rumah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR), program bantuan ini adalah dikhususkan kepada golongan miskin tegar yang berpendapatan kurang daripada separuh pendapatan golongan miskin berasaskan penempatan garis kemiskinan semasa yang ditetapkan oleh kerajaan.

Sukalah dimaklumkan bahawa keadaan ini ditetapkan oleh kerajaan untuk diguna pakai di bawah tempoh Rancangan Malaysia Kelapan, berkuat kuasa pada tahun 2001 yang merupakan penambahan kepada kadar sebelumnya iaitu baik pulih RM3,000 bagi Semenanjung, RM3,450 bagi Sabah dan Sarawak, manakala bina baru RM6,000 bagi Semenanjung dan RM6,900 bagi Sabah dan Sarawak.

Walau bagaimanapun, bagi golongan miskin dan berpendapatan rendah, kerajaan ada menyediakan program berasingan iaitu Skim Perumahan Rakyat yang menjurus kepada kategori rumah kos rendah. Selari dengan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah pada masa ini sedang mengkaji semula keperluan kadar kos bantuan di bawah program ini mengambil kira perubahan yang berlaku termasuk kenaikan harga bahan mentah, lokasi di pedalaman, keperluan penambahan bilangan bilik daripada dua kepada tiga dan cara pelaksanaannya serta isu-isu lain, dan seterusnya akan mengemukakan kepada kerajaan untuk pertimbangan.

Yang Berhormat Tuan Udam @ George Adam Talek membangkitkan isu mengenai kadar kemiskinan di Sarawak adalah lebih tinggi hasil kajian penyelidikan sosial tempatan. Dicadangkan supaya satu kajian kemiskinan dijalankan di Belaga dan Kapit dengan tumpuan kepada kumpulan etnik di Sarawak.

Kajian kesan projek Bakun kepada suku kaum Orang Ulu melalui Unit Perancang Ekonomi boleh membantu menentukan projek-projek yang sesuai dilaksanakan untuk kaum tersebut.

Yang Berhormat Tuan Udam @ George Adam Talek mencadangkan supaya satu kajian kemiskinan dijalankan di Belaga dan Kapit dengan tumpuan kepada kumpulan etnik di Sarawak. Untuk makluman Yang Berhormat, bahawa perkara ini adalah di bawah bidang kuasa Unit Perancang Ekonomi ataupun UPE di Jabatan Perdana Menteri.

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah difahamkan bahawa UPE telah pun menjalankan kajian khusus mengenai isu kemiskinan yang menjurus kepada golongan minoriti berbagai-bagai kaum di Sabah dan Sarawak. Saya berpendapat pihak UPElah yang paling layak untuk menjelaskan keperluan pembangunan di kawasan Belaga dan Kapit memandangkan kajian ini, iaitu kajian kesan projek Bakun kepada suku kaum Orang Ulu telah dilaksanakan sendiri oleh pihak UPE.

Yang Berhormat Datuk Haji Roslan bin Awang Chik membangkitkan isu mengenai peruntukan untuk program bekalan elektrik, bekalan air luar bandar dan bekalan elektrik luar bandar dan program jalan kampung adalah kecil jumlahnya. Oleh itu spesifikasi dan ketebalan jalan di luar bandar lebih nipis dan mudah rosak ketika banjir dan memerlukan pembaikan dan ini merupakan suatu pembaziran. Dipohon kementerian mengkaji perkara ini supaya kerosakan tersebut dapat dikurangkan.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Mohon laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat. Adakah betul jalan-jalan kampung sekarang ini Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyerahkan kepada Kementerian Kerja Raya? Terima kasih.

**Datuk Dr. Tiki anak Lafe:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat dan juga Ahli-ahli Dewan, tidak benar yang menyatakan bahawa penyelenggaraan ataupun pelaksanaan projek jalan kampung diserahkan kepada JKR. Bukan diserahkan, JKR merupakan satu ataupun sebuah daripada agensi pelaksana sahaja dan mereka bertanggungjawab ke atas membuat pelan, skop dan sebagainya dan saya menasihatkan kementerian, bagaimana kita dapat melaksanakan projek ini supaya projek jalan kampung ini tidak akan menghadapi masalah seperti yang kita hadapi sebelum ini. Cara itu hanya dilakukan di Semenanjung. Di Sabah dan Sarawak kita menggunakan Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Sabah bagi Sabah dan Jabatan ataupun Pejabat Daerah di Sarawak. JKR ataupun Jabatan Kerja

Raya merupakan suatu agensi sahaja yang melaksanakan program jalan kampung ini dan tidak diserahkan kepada JKR.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Datuk Haji Roslan bin Awang Chik, peruntukan tahunan bagi program-program yang dilaksanakan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah adalah berasaskan kepada kemampuan kerajaan dalam menyediakan peruntukan, iaitu melalui belanjawan tahunan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan.

Bagi tahun 2004, peruntukan yang diluluskan untuk program bekalan air luar bandar ialah RM245.4 juta, program bekalan elektrik luar bandar sebanyak RM172 juta dan program jalan kampung pula sebanyak RM720 juta. Pada tahun 2004, peruntukan asal program jalan kampung ataupun PJK ialah sejumlah RM450 juta. Walau bagaimanapun, peruntukan ini telah ditambah dengan membuat pindah peruntukan ataupun *virement* daripada program .....

**Datuk Mohamed Jin bin Samsudin:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Yang Berhormat terima kasih. Saya dapati kebanyakan jalan-jalan kampung adalah terlalu sempit dan ini menyukarkan apabila di kampung-kampung ada kenduri kendera, ada kematian dan juga melewati Yang Berhormat wakil rakyat, selalunya boleh dapat tiga kawasan kampung dia boleh lawati, tetapi hanya dapat satu kalau kerja kahwin kerana jalan agak terlalu sempit, sukar untuk berselisih.

Ini memang berlaku. Itu sebab di kampung saya pun begitu dan saya percaya di kampung lain pun terlalu sempit. Tidakkah kerajaan merancang dan memikirkan supaya jalan-jalan kampung ini dapat berselisih kereta, kerana hari ini di kampung sudah tidak lagi pakai basikal, semuanya sudah berkereta. Kalau ada perancangan itu ia memudahkan wakil rakyat dapat pergi lebih banyak tempat untuk melawat ke kampung-kampung daripada satu atau dua tempat bila ada keramaian-keramaian. Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Tiki anak Lafe:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya saya akan sampai ke situ sekejap lagi. Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua. Pada tahun 2004 seperti mana yang saya telah sebutkan tadi, peruntukan asal program jalan kampung ialah sejumlah RM450 juta. Walau bagaimanapun, peruntukan ini telah ditambah dengan membuat pindahan ataupun pindah peruntukan ataupun *virement*, dengan izin daripada program-program lain daripada kementerian menjadikan peruntukan semasa program PJK bagi tahun 2004 berjumlah RM720 juta.

Sementara itu, pada tahun 2005 pula, peruntukan yang telah diluluskan oleh kerajaan untuk projek jalan kampung ataupun PJK adalah berjumlah RM174 juta. Dari segi spesifikasi sebagaimana yang berkaitan dengan soalan ataupun perkara yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi, program PJK adalah dilaksanakan mengikut spesifikasi yang telah ditentukan.

Untuk makluman Yang Berhormat, semenjak PJK dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya juga telah ditimbulkan tadi, *road base* ataupun *crusher-run* telah ditingkatkan dan 6 inci kepada 9 inci minimum dan ketebalan *premix* ditingkatkan daripada 2 inci kepada 9 inci. Ini bertujuan untuk memastikan kualiti PJK yang lebih baik demi keselesaan penduduk di kawasan luar bandar.

Namun demikian, sebagaimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, saya setuju bahawa jalan-jalan di kampung-kampung ini masih lagi sempit, tetapi saya suka mengingatkan bahawa program jalan kampung (PJK) ini adalah untuk kampung sahaja dan tujuan utama adalah untuk memberi *access*, dengan izin kepada orang kampung. Sekiranya kita ingin melebarkan jalan, sama seperti melebarkan jalan di bawah Majlis Kerajaan Tempatan ataupun di bawah JKR. Kalau begitu, jalan itu akan ditukar namanya bukan PJK lagi. Itu maknanya jalan di bawah JKR. Itu sudah lain spesifikasinya.

Inilah yang patut kita bezakan oleh kerana jalan kampung spesifikasinya lain, jalan luar bandar spesifikasinya lain dan juga jalan biasa, iaitu jalan besar ataupun jalan yang kita ketahui jalan *highway* dan sebagainya mempunyai spesifikasi yang lain. Bukan lagi di bawah spesifikasi jalan kampung. Izinkan saya teruskan Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, boleh.

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Saya rasa hendak mendapatkan keterangan yang lebih jelas lagi iaitu *premix* dinaikkan daripada 2 inci kepada 9 inci saya rasa salah, fahaman saya kalau 9 inci sudah menjadi terlalu tebal mungkin jadi runtuh pula. Terima kasih.

**Datuk Dr. Tiki anak Lafe:** Terima kasih Yang Berhormat. Dengan itu kita .... bagi di Semenanjung ini, kita telah memohon pertolongan daripada JKR kerana kita ketahui di Semenanjung walaupun di kawasan kampung, kita mendapati bahawa ramai penduduk yang tinggal di kawasan kampung sudah memiliki kereta dan



sebagainya. Spesifikasi jalan kampung yang lama itu mungkin sudah ketinggalan. Oleh kerana itulah kita mohon pertolongan JKR. Kita telah diberitahu oleh Ketua Pengarah JKR sendiri dalam suatu mesyuarat yang telah kita diadakan bahawa JKR akan mengkaji semula semua spesifikasi jalan-jalan kampung di Semenanjung ini dan kita akan menunggu jawapan dan juga syor daripada JKR supaya jalan-jalan kampung dapat dinaikkan spesifikasinya.

Izinkan saya teruskan Yang Berhormat.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae:** Minta laluan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan, tetapi saya masih keliru sebab Yang Berhormat Datuk Mohamed Jin tadi bertanya tentang kelebaran selain daripada spesifikasi ketebalan. Kelebaran ini menjadi masalah yang besar kalau kita kata apa yang telah dilakukan sekarang ini hanyalah untuk jalan kampung.

Jalan kampung saiz apa? Sebab ada di antara jalan-jalan kampung ini hanya 10 kaki. Untuk satu kereta memang mudah tetapi untuk berselisih, satu mesti terpaksa kelereng dan nasib baiklah kalau tidak ada longkang kalau tidak mungkin boleh terbalik. Yang ini kita tidak mahu. Kalau boleh biar dia selesa untuk sekurang-kurangnya dua buah kereta untuk berselisih. Maknanya memang ada spesifikasi tetapi spesifikasi ini biarlah berpatutan.

Umpamanya kalau dia cuma 12 kaki maka 12 kakilah. Tetapi jangan kurang daripada itu sehingga menyusahkan. Terima kasih.

**Datuk Dr. Tiki anak Lafe:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang tadi saya telah menjawab bahawa pihak kementerian sedang mengkaji perkara ini dan kita maklum bahawa ini merupakan satu masalah di semua kampung bukan sahaja di sini. Oleh kerana rakyat atau penduduk di kawasan luar bandar khususnya di kampung-kampung sekarang, hampir semua rakyat di kampung ataupun keluarga di kampung mempunyai sekurang-kurangnya sebuah kereta dan ini menjadi satu masalah. Kalau dahulu kebanyakan masyarakat di kawasan luar bandar hanya mempunyai mungkin motosikal sahaja ataupun basikal. Sekarang hampir semua sudah ada sekurang-kurangnya kereta jenis Kancil.

Kementerian sedar kerana masalah ini dan kita sedang mengkaji dan kita berharap tidak lama lagi kita akan mahu kenakan satu cadangan dari segi menaik taraf menukar spesifikasi ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat,...

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

**Datuk Dr. Tiki anak Lafe:** Boleh. Boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebentar Yang Berhormat. Adakah ini ada kaitan dengan hakikatnya jalan biasa adalah dibuat di atas tanah kerajaan kerana pengambilan balik tanah dibuat dan jalan kampung dibuat oleh kerajaan di atas tanah milik persendirian dan jika dia hendak dilebarkan, adakah tidak perlu kita mengambil balik tanah itu dan kos akan meningkat berlipat kali ganda.

**Datuk Dr. Tiki anak Lafe:** Itu adalah salah satu daripada alasan ataupun sebab kita tidak dapat sewenang-wenangnya melebarkan jalan. Itu satu daripadanya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tetapi kalau orang yang izinkan kita lalu 12 kaki, 12 kakilah jangan ambil tanah orang sampai 24 kaki.

**Datuk Dr. Tiki anak Lafe:** Ya, setuju. Betullah itu.

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Minta laluan Yang Berhormat. Soalan saya adakah yang dikatakan bahawa dahulunya motosikal dan sekarang ini kereta paling-paling kurangnya Kancil, penduduk-penduduk di Malaysia ini mempunyai kenderaan-kenderaan seperti ini merupakan satu kejayaan pemerintah Barisan Nasional sekarang ini ataupun di sebaliknya. Terima kasih.

**Datuk Dr. Tiki anak Lafe:** Ini saya setuju Yang Berhormat. Ini merupakan suatu bukti bahawa Kerajaan Barisan Nasional kita ini memang sudah berjaya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah Yang Berhormat bercadang hendak habiskan atau hendak sambung lagi waktu petang?

**Datuk Dr. Tiki anak Lafe:** Izinkan saya teruskan. Yang Berhormat Tuan Udam @ George Adam Talek membangkitkan isu mengenai jumlah peruntukan KKW untuk negeri Sarawak adalah besar, namun sebahagian besar tidak dapat dibelanjakan. Prestasi perbelanjaan program jalan kampung misalnya di tahap 70%, bekalan air luar bandar dan lampu jalan kampung lebih rendah, iaitu di bawah 50% dan ada projek-projek jalan luar bandar yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kelapan belum bermula.

Dicadangkan keupayaan agensi pelaksanaan ditingkatkan dan Pejabat Pembangunan Negeri menubuhkan Pasukan Memantau Projek, pelaksanaan projek wajar dirancang bagi awal tahun, bagi mengelakkan masalah cuaca pada akhir tahun.

Untuk makluman Yang Berhormat, .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh sambung.

**Datuk Dr. Tiki anak Lafe:** Okey, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang. Dewan bersidang semula pada pukul 2.30 petang.

***Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Okey, Yang Berhormat, boleh teruskan.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Dr. Tiki anak Lafe]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat tengah hari kepada semua Ahli Yang Berhormat di Dewan ini, izinkan saya meneruskan penggulungan.

Yang Berhormat Tuan Udam @ George Adam Talek membangkitkan isu mengenai jumlah peruntukan KKL BW untuk negeri Sarawak adalah besar. Namun sebahagian besar daripada perbelanjaan itu tidak dapat dibelanjakan. Prestasi perbelanjaan program jalan kampung iaitu PJK, misalnya, di tahap 70%, bekalan air di luar bandar dan lampu jalan kampung lebih rendah iaitu di bawah 50% dan ada projek-projek jalan luar bandar (JLB) yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kelapan belum bermula. Dicadangkan keupayaan agensi pelaksana ditingkatkan dan pejabat pembangunan negeri menubuhkan pasukan pemantauan projek. Pelaksanaan Projek Fajar dirancang pada awal tahun bagi mengelakkan masalah cuaca pada akhir tahun.

Untuk makluman Yang Berhormat Tuan George Adam Talek, pada tahun 2004, sejumlah RM100.559 juta ataupun 14% daripada jumlah keseluruhan peruntukan di bawah program projek jalan kampung disalurkan kepada negeri Sarawak. Sehingga 30 November 2004, prestasi perbelanjaan bagi negeri Sarawak hanya berjumlah RM62.107 juta ataupun 60.9% sahaja. Prestasi ini memang rendah jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain di seluruh negara kecuali negeri Terengganu dan Sabah yang masing-masing baru mencecah prestasi perbelanjaan sebanyak 40.7% dan 48.6%. Antara sebab-sebab kelewatan pelaksanaan adalah kerana access kepada lokasi projek yang jauh di pedalaman.

Yang Berhormat, dalam konteks negeri Sarawak, agensi pelaksana bagi program PJK ialah pejabat daerah dan bukannya pejabat perhubungan negeri. Berhubung dengan pasukan pemantauan projek, untuk makluman Yang Berhormat, negeri Sarawak memang telah mewujudkan beberapa peringkat jawatankuasa ataupun pasukan pemantauan projek-projek pembangunan. Peringkat bahagian, ianya diadakan sebulan sekali dengan dipengerusikan oleh residen bahagian masing-masing.

Di samping itu juga terdapat lagi satu jawatankuasa pemantauan di peringkat negeri yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Awang Tengah bin Awang Ali Hassan iaitu Menteri Perancangan Pengurusan Sumber dan Kemudahan Awam Sarawak.

Selain daripada itu di peringkat kementerian, kita juga telah menubuhkan satu jawatankuasa pemantauan projek pembangunan RMK-8 Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah bagi negeri Sabah dan Sarawak yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Datuk Dr. Tiki, Timbalan Menteri II, Kementerian Pengangkutan iaitu saya sendiri.

Yang Berhormat, memang benar masih banyak projek jalan luar bandar di Sarawak yang diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kelapan masih belum dilaksanakan secara fizikal. Walau bagaimanapun, tindakan-tindakan perancangan untuk melaksanakan semua projek ini sudah dan sedang diambil.

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Kelapan, sebanyak 52 projek jalan luar bandar (JALB) telah disenaraikan bagi negeri Sarawak. Anggaran kos untuk projek-projek berkenaan berjumlah RM279.7 juta manakala siling peruntukan yang diluluskan hanyalah berjumlah RM107.37 juta. Perbezaan ini menyebabkan tidak semua projek yang diluluskan dapat dilaksanakan secara fizikal. Bagi Bekalan Air di Luar Bandar (BALB) prestasi mengikut jadual adalah 96% manakala prestasi sebenar adalah 94%.

Yang Berhormat Dato' Omar bin Faudzar membangkitkan bahawa banyak produk pengusaha-pengusaha luar bandar yang boleh dimajukan tetapi malangnya kerana tiada rangkaian ataupun *networking*, dengan izin, pemasaran yang tersusun menyebabkan produk-produk tersebut terpinggir atau dipinggirkan oleh pasarraya-pasarraya besar. Kementerian dan agensi yang terlibat perlu membantu dalam perkara ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Omar bin Faudzar, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah melaksanakan program untuk membantu usahawan luar bandar mengusahakan pelbagai aktiviti ekonomi di luar bandar bagi meningkatkan lagi pendapatan mereka. Bagi memasarkan produk-produk luar bandar, KKLBW juga memberi bantuan dan galakan melalui:

- (i) memberi peluang kepada usahawan luar bandar untuk mempromosikan produk-produk mereka melalui ekspo ataupun pameran yang dianjurkan oleh KKLBW dan juga pihak swasta di dalam dan luar negara;
- (ii) ekspo dan juga pameran ini menjadi asas kepada usahawan untuk cuba memasarkan produk-produk mereka ke pasaran dan mendapat maklum balas daripada pengunjung mengenai kualiti, pembungkusan dan juga pelabelan produk mereka.

Melalui program bimbingan dan khidmat nasihat pula, usahawan dibantu untuk meningkatkan kualiti produk mereka. Program ini dilaksanakan melalui kursus-kursus yang dikendalikan dengan kerjasama agensi kerajaan dan pihak swasta, yang mempunyai kepakaran seperti SIRIM Bhd. dalam bidang peningkatan kualiti dan penambahbaikan produk-produk serta MEDEC, UiTM dalam bidang keusahawanan dan pementapan perniagaan.

KKLBW juga bekerjasama dengan FELCRA Berhad, ia dilantik sebagai agensi pemasaran kepada kementerian ini bagi memasarkan produk-produk luar bandar yang telah di tingkat nilai kualitinya dan mempunyai daya tarikan kepada pelancong asing serta badan korporat untuk dijadikan sebagai hadiah ataupun cenderamata.

KKLBW juga bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dalam memasarkan produk-produk luar bandar melalui aktiviti galeria usahawan di mana produk-produk tersebut dikumpulkan dan dipilih untuk dipasarkan melalui pasarraya-pasarraya besar. Melalui bantuan dan galakan tersebut telah dapat membantu promosi dan memasarkan produk-produk luar bandar.

Kementerian ini akan meningkatkan lagi usaha untuk memasarkan produk usahawan-usahawan luar bandar di pasar-pasar raya, mengadakan perbincangan dan perjanjian dengan pihak pengurusan pasar raya berkenaan.

Yang Berhormat tuan Osman bin Bungsu, membangkitkan isu pemilikan tanah Orang Asli yang mencadangkan supaya pihak kerajaan mewujudkan satu dasar

pemilikan tanah masyarakat Orang Asli untuk mengatasi masalah Orang Asli. Dasar ini perlu bagi mewujudkan rasa selamat kepada Orang Asli, pendapatan setempat, mengintegrasikan masyarakat Orang Asli dengan pembangunan, mewujudkan rasa tanggungjawab terhadap aset yang dimiliki, mengelakkan eksploitasi tanah Orang Asli, menunjukkan keprihatinan pihak kerajaan terhadap kebajikan Orang Asli, mengelakkan pindahan milik tanah Orang Asli secara tidak sah dan memantapkan lagi sistem sosial.

Yang Berhormat juga meminta supaya kementerian memberi tumpuan untuk meningkatkan kemudahan dan mutu air dan elektrik, jalan ke kampung Orang Asli, diperluaskan sistem *hybrid* solar untuk membekal elektrik 24 jam ke kampung-kampung Orang Asli. Beliau juga meminta supaya melonggarkan syarat projek perumahan PPRT untuk masyarakat Orang Asli dan mewujudkan Jawatankuasa Pemantauan bagi mengelakkan penyelewengan.

Seterusnya Yang Berhormat juga meminta diperluaskan skop program pembangunan minda bagi melanjutkan pelajaran Orang Asli ke peringkat universiti, diperluaskan KIPTS dan bukan IPTS sahaja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu, sebenarnya kaedah dan pendekatan bagi pelupusan tanah kepada Orang Asli telah pun diwujudkan melalui Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bil.6/1999. Pekeliling ini menggariskan tiga kaedah pelupusan tanah kepada masyarakat Orang Asli iaitu seperti berikut:

- (i) Pembangunan di bawah Akta Tanah atau kawasan penempatan kelompok 1960 dan di bawah kaedah ini pembangunan tanah akan dilaksanakan oleh FELDA atau FELCRA dan pemberimilikan dilaksanakan melalui sistem hak milik ataupun sistem koperasi atau sistem saham;
- (ii) Pemberimilikan secara individu: Kaedah ini membolehkan Orang Asli memiliki tanah secara individu tetapi kaedah ini memerlukan Kerajaan Negeri mengeluarkan kawasan rizab Orang Asli dan rizab Persekutuan dan seterusnya memberi milik kepada individu Orang Asli; dan
- (iii) Asli Kekal sebagai rizab Persekutuan: Di bawah kaedah ini tanah rizab Orang Asli akan kekal sebagai rizab Persekutuan dan pelupusan tanah secara hak milik tidak dibenarkan.

Walau bagaimanapun, Orang Asli dibenarkan untuk mendiami kawasan ini bagi menjalankan aktiviti harian mereka dan sekiranya tanah ini diambil untuk tujuan lain, maka bayaran pampasan yang akan dibayar kepada Orang Asli mengikut Akta Orang Asli.

Bagi memperjelaskan lagi kaedah pelupusan tanah kepada Orang Asli kementerian pada ketika ini sedang menyediakan kertas mengenai pemilikan tanah di kalangan masyarakat Orang Asli yang akan dibentangkan kepada kerajaan sebelum dilaksanakan. Kementerian melalui Jabatan Hal Ehwal Orang Asli sentiasa memberi perhatian mengenai pendekatan kemudahan infrastruktur di perkampungan Orang Asli terutama jalan raya, bekalan elektrik dan bekalan air.

Di samping itu, kementerian juga memberi perhatian kepada perumahan Orang Asli di bawah Program Perumahan PPRT. Melalui peruntukan yang diberikan, kerajaan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah khususnya di bawah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli akan dari tahun ke tahun membina lebih banyak rumah untuk masyarakat Orang Asli. Sungguhpun demikian, bilangan yang dapat dibina adalah secara berperingkat-peringkat kerana peruntukan yang diberikan juga terhad.

Dalam bidang pendidikan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli sentiasa memberi bantuan persekolahan daripada peringkat tadika hingga ke peringkat universiti dan ini dapat dilihat dengan peningkatan peruntukan dari tahun ke tahun. Di samping itu kerajaan juga telah mewujudkan Pelan Tindakan Pembangunan Masyarakat Orang Asli yang merupakan program khusus bagi membangunkan minda masyarakat Orang Asli. Program ini diberikan peruntukan sebanyak RM1.2 juta setahun bermula daripada tahun 2003.

Yang Berhormat Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain membangkitkan isu kakitangan kontrak KEMAS diberi kemudahan pinjaman kenderaan dan perumahan, diberi taraf tetap dan berpencen serta penyelia diperlengkap dengan ilmu pengetahuan yang terkini. Pendidikan pra-sekolah diberi penumpuan kepada pembangunan sivik dan 3M serta penyediaan bangunan dan peralatan yang sesuai.

Untuk makluman Hajah Syarifah Azizah bt Dato' Syed Zain, menurut Pekeliling Perkhidmatan Bil.2 Tahun 2004, Panduan Pelantikan Pegawai Kontrak Bahagian 4 Elaun dan Kemudahan Para 437 iaitu Kemudahan Pinjaman untuk membeli kereta

boleh dipertimbangkan mengikut keperluan perkhidmatan. Ketua Jabatan hendaklah memastikan pegawai mampu menyelesaikan bayaran balik pinjaman tersebut sebelum kontrak tamat. Oleh itu, KEMAS boleh mempertimbangkan apa-apa permohonan berdasarkan keupayaan pegawai membayar balik pinjaman selama dua tahun. Manakala bagi kemudahan pinjaman perumahan pula, pegawai kontrak tidak layak kerana tidak termaktub dalam mana-mana Pekeliling.

Pegawai kontrak tidak boleh diserapkan ke jawatan tetap kerana ini adalah dasar yang ditetapkan oleh agensi-agensi Pusat. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna seseorang pegawai kontrak KEMAS tidak boleh memohon bagi mengisi mana-mana jawatan tetap. Permohonan perlu dikemukakan kepada pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang mengiklankan sesuatu jawatan tetap. Kuasa melantik mana-mana pegawai ke dalam Perkhidmatan Awam adalah seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan Negara. Pada masa ini KEMAS mempunyai 15,182 orang kakitangan kontrak. KEMAS turut memperlengkapkan Penyelia KEMAS dengan pengetahuan dan ilmu-ilmu terkini dengan memberi kursus-kursus seperti berikut:

- (i) Kursus Pengurusan Sosial
- (ii) Kursus Pengurusan Berkesan Ke arah Kecemerlangan Organisasi
- (iii) Kursus Peningkatan Kemahiran dan Pemantauan Program Awam Pendidikan Awal Kanak-kanak
- (iv) Kursus Keterampilan Diri
- (v) Kursus Pemantapan Tugas Kakitangan KEMAS
- (vi) Kursus Asas Penyelia
- (vii) Kursus *Master Trainer* Bina Insan
- (viii) Kursus Peningkatan Profesionalisme Penyelia KEMAS

Kursus-kursus ini telah dilaksanakan oleh KEMAS pada tahun 2004. Pada tahun 2005, KEMAS juga membuat perancangan bagi meningkatkan lagi profesionalisme penyelia KEMAS dengan memberi kursus-kursus berikut

- (i) Kursus Pemantapan Penyeliaan
- (ii) Kursus Komputer
- (iii) Kursus Peningkatan Kemahiran Pemantauan dan Penyeliaan

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia telah menggubal satu kurikulum untuk pendidikan pra-sekolah kebangsaan iaitu semua pusat-pusat



pendidikan pra-sekolah telah diwajibkan untuk menggunakan kurikulum ini sebagai garis panduan. Penggunaan kurikulum ini telah berkuat kuasa mulai 1hb Januari 2003 di mana pendidikan pra-sekolah di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah iaitu di Tabika KEMAS telah menggunakan kurikulum pra-sekolah kebangsaan ini di dalam pengajaran dan pembelajaran di semua tadika KEMAS. Kurikulum Pendidikan Pra-sekolah ini memberi fokus kepada perkembangan kanak-kanak secara menyeluruh, seimbang dan bersepadu merangkumi pembangunan sivik dan juga 3M. Ini terkandung di dalam enam komponen yang telah digariskan iaitu komponen bahasa dan komunikasi, komponen pembangunan kognitif, komponen perkembangan sosial emosi, komponen kerohanian dan moral, komponen perkembangan fizikal dan komponen kreativiti dan estetika.

Selain itu, pembangunan sivik juga dilaksanakan di dalam program ko-kurikulum yang diadakan dua jam seminggu selepas waktu pembelajaran. Di dalam program ini kanak-kanak diajar mempelajari iqra', fardu ain, bahasa Inggeris, kemahiran bersilat, program lawatan dan lain-lain lagi. Selain dari menyediakan kandungan kurikulum yang mantap dan mencakupi pembangunan kanak-kanak secara menyeluruh, kementerian juga menyediakan bangunan dan peralatan yang sesuai agar kanak-kanak mendapat pendidikan yang sempurna.

Pada tahun 2004 Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah membelanjakan sebanyak RM27 juta untuk membina 162 buah bangunan Tabika yang baru dan sebanyak RM6 juta untuk bekalan peralatan. Di samping itu juga, kementerian telah juga menaik taraf peralatan yang sedia ada di sesebuah Tabika dengan membelanjakan sebanyak RM22,000 hingga RM25,000 bagi satu pakej peralatan yang lengkap seperti alat permainan luar, perabot, televisyen, video, alat muzik, alat pendidikan dan alat bantu mengajar.

Bagi baik pulih bangunan pula sebanyak RM20,000 telah diperuntukkan satu bangunan Tabika yang di baik pulih. Peralatan-peralatan yang dibekalkan di Tabika di pilih mengikut kesesuaian pendidikan awal kanak-kanak. Pembelian ini dibuat dengan melantik panel-panel penilai yang terdiri daripada mereka yang pakar di dalam pendidikan awal kanak-kanak.

Manakala bagi bangunan pula ia dibina mengikut piagam dan standard yang telah ditetapkan. Kriteria yang digariskan di dalam piagam ini ialah bangunan tersebut mestilah mempunyai ruang aktiviti kanak-kanak dan ibu bapa, bilik air dan tandas

yang sesuai dengan kanak-kanak, stor penyimpanan barang, padang permainan, kawasan berpagar, mempunyai dapur dan ukuran lantai haruslah 3.5 meter kaki persegi bagi seorang kanak-kanak.

Sekian sahaja jawapan saya terhadap usul-usul yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat menyentuh mengenai Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Bagi perkara-perkara lain yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tetapi tidak sempat di jawab di sini, kementerian saya akan mengambil perhatian dan tindakan sewajar. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Sekarang saya jemput Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

**2.51 ptg.**

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Khamsiyah binti Yeop]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2005 Dewan Negara. Saya mengucapkan juga ribuan terima kasih kepada semua ahli Yang Berhormat Senator yang telah memberi ulasan, pandangan bagi perkara-perkara di bawah pengawasan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

Berkenaan dengan isu teksi yang tidak menggunakan meter dan tidak mahu mengambil penumpang seperti dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Omar bin Faudzar, kementerian sememangnya menyedari atas masalah yang dibangkitkan. Saya ingin memaklumkan bahawa pihak kementerian melalui Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan telah pun mengambil tindakan terhadap pemandu-pemandu tersebut.

Di antara tindakan-tindakan yang telah diambil ialah mengenakan kompaun dan menggantung lesen mereka. Sehingga bulan September 2004 sebanyak 459 kes kompaun telah dikenakan kepada pemandu-pemandu teksi dengan jumlah kompaun sebanyak RM70,580.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Omar bin Faudzar juga ada membangkitkan isu berhubung dengan lot-lot perniagaan MARA yang dikatakan berada di kawasan yang tidak berpotensi dan tidak berdaya maju dan banyak lagi masih kosong. Kementerian amat bersetuju dengan saranan Yang Berhormat Senator

berkenaan kriteria pemilihan kawasan perniagaan. Saya ingin menjelaskan bahawa pihak MARA sentiasa berusaha menyediakan lot-lot perniagaan di tempat-tempat strategik untuk di sewakan pada kadar yang berpatutan, namun demikian terdapat kadang kala kawasan tersebut tidak membangun seperti yang dijangkakan oleh sebab faktor-faktor luar kawalan umpamanya kadang-kadang konsultan jalan baru ataupun pertumbuhan kampung baru ataupun kawasan baru.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga 30 September 2004 pihak MARA telah menyediakan sebanyak 5,536 lot ruang niaga, 79 merupakan bangunan Arked MARA, 110 bangun Bazaar, 19 bangunan Bengkel, 3 bangunan Gerai, 14 kawasan industri MARA, 27 bangunan kompleks dan 82 bangunan rumah kedai. Daripada jumlah tersebut sebanyak 4,696 telah disewakan dimanfaatkan oleh usahawan bumiputera, hanya 840 lot sahaja masih kosong dan yang merupakan 15.1% dari keseluruhan ruang niaga yang disediakan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Roslan bin Haji Awang Chik telah mencadangkan supaya diperketat syarat pengeluaran lesen kontraktor oleh PKK bagi mengelak wujudnya terlalu ramai kontraktor. Kementerian mengambil maklum cadangan ini, namun buat masa ini tidak mempunyai kuasa untuk menghalang serta mengehadkan bilangan usahawan yang berminat memasuki bidang pembinaan dan mendaftarkan perniagaan mereka. Kementerian sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti kontraktor-kontraktor berkenaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak kementerian telah pun mengemukakan cadangan kepada Perbendaharaan untuk mengkaji semula syarat pendaftaran kontraktor bertujuan untuk meningkatkan kualiti kontraktor yang lebih besar dengan PKK. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih atas cadangan yang dibuat Senator Dato' Musa bin Sheikh Fadzil, supaya kontraktor besar membantu kontraktor kecil di bawah sistem payung. Sukacita saya menjelaskan bahawa sistem payung ini telah pun dilaksanakan di mana kontraktor besar membantu kontraktor kecil dalam memperoleh kerja-kerja umpamanya pembinaan sekolah-sekolah dan pembinaan jalan-jalan raya.

**Senator Tuan Ismail bin Kasim:** Mohon laluan, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila, tuan Ismail bin Kasim.

**Senator tuan Ismail bin Kasim:** Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat berhubung dengan kontraktor induk yang tidak membuat pembayaran kepada

kontraktor payung sehingga ini kerana masih terdapat lagi walau pun projek telah disiapkan tetapi kontraktor-kontraktor payung ini masih belum mendapat bayaran daripada kontraktor induk. Apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak kementerian setakat ini dalam mengatasi masalah ini. Terima kasih.

**Dato' Khamsiyah binti Yeop:** Yang Berhormat, saya mohon supaya Yang Berhormat dapat beri nama kontraktor yang terlibat kepada kementerian saya supaya boleh kita ambil tindakan. Kami memang sedar terdapat juga pada suatu ketika apabila kita beri kepada kontraktor-kontraktor payung dengan harapan untuk membangun kontraktor-kontraktor kecil dengan memberi bantuan, sokongan ataupun insentif untuk membangun kontraktor kecil ternyata kami sememang sedar ternyata terdapat kegagalan di situ sebab. Sebab itulah kontraktor payung telah kita perlahan ataupun mungkin sekarang ini tidak nampak lagi diwujudkan diberi kepada kontraktor payung bagi menjamin kesejahteraan kontraktor-kontraktor kecil.

Untuk membantu kontraktor besar melantik kontraktor kecil yang berdaya maju dalam melaksanakan kerja-kerja di bawah skim seumpama ini PKK bersedia mengemukakan profil lengkap atau senarai nama kontraktor yang berdaftar.

Berhubung dengan pertanyaan dan saranan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Omar bin Faudzar, Yang Berhormat Senator Haji Hassan bin Shukri, Yang Berhormat Senator Dato' Musa bin Sheikh Fadzir berkaitan pemasaran produk luar bandar di maklumkan bahawa kementerian juga terlibat dalam program satu daerah satu industri yang dinamakan 'Odoi', di bawah program Odoi pengusaha-pengusaha akan dibantu memasarkan barangan keluaran mereka .

Pihak ICU telah dilantik sebagai penyelaras program ini dengan dibantu oleh kementerian-kementerian lain seperti Kementerian Kemajuan Wilayah dan Luar Bandar, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Selain daripada aktiviti pemasaran program ini juga memberi tumpuan kepada pengeluaran barangan. Barangan yang dihasilkan hendaklah memenuhi mutu keluaran yang dikehendaki oleh pasaran.

Daerah-daerah akan dipilih berdasarkan kepada kriteria-kriteria yang ditetapkan. Melalui kaedah ini produk-produk luar bandar akan dapat dimajukan. Ahli-ahli Yang Berhormat, pelbagai program telah disediakan oleh kementerian dalam usaha mewujudkan lebih ramai usahawan. Salah satu daripadanya ialah aspek pemasaran, marketable pelbagai aktiviti diwujudkan untuk membantu usahawan memasarkan

produk-produk keluaran mereka. Antaranya ialah pameran produk di *galleria* yang bertempat di M Cop Mall Petaling Jaya, pusat pameran ini menyediakan ruang bagi pengusaha-pengusaha mempamerkan produk-produk mereka dengan tujuan bagi membolehkan pihak pembeli melihat dan membuat pesanan. Adalah diharapkan melalui pameran ini pembeli-pembeli di *hypermarket* dan pasar raya dapat memilih produk yang disediakan di pasaran.

Pameran antarabangsa dengan kerjasama MATRADE, MACD memberi bantuan kepada pengeluar-pengeluar tempatan untuk menyertai pameran produk keluaran Malaysia di luar negeri. 50% kos untuk menyertai pameran tersebut dibiayai oleh kerajaan.

Kedua, kementerian bekerjasama rapat dengan *hypermarket* seperti *Tesco*, *Giant* dan *Carrefour* bagi membolehkan barangan keluaran usahawan dipasarkan melalui rangkaian *hypemarket* berkenaan.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae supaya usahawan bumiputera yang berjaya menjadi mentor kepada usahawan-usahawan kecil, saya ingin memaklumkan bahawa kementerian ini telah pun melancarkan program mentor pada 28 September 1995. Program ini mewujudkan kerjasama di mana syarikat besar membimbing usahawan-usahawan kecil dan sederhana bumiputera. Sehingga kini, sebanyak 37 buah syarikat besar telah pun menyertai program ini sebagai syarikat mentor yang mana 34 daripadanya adalah syarikat bumiputera. Sebanyak 1,510 syarikat mentee telah mendapat bimbingan di bawah program mentor ini.

Yang Berhormat Senator Haji Mohd Fuad bin Haji Ahmad mengesyorkan agar dijalankan satu penyelidikan bagi merangka *business plan* untuk mewujudkan lebih ramai lagi usahawan bumiputera.

Saya berterima kasih atas cadangan Yang Berhormat Senator dan sememangnya kementerian telah pun membuat kajian dan sentiasa merancang program-program pembangunan usahawan. Program-program tersebut dirangka berdasarkan keperluan semasa dan akan datang. Pihak kementerian juga mendapat maklum balas daripada usahawan-usahawan bumiputera melalui dialog-dialog dan perbincangan dengan usahawan-usahawan tersebut. Kementerian sentiasa mengalu-alukan cadangan dan pandangan daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat Senator.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Senator Haji Mohd. Fuad supaya dibuat penyelidikan untuk mewujudkan satu konsortium untuk semua koperasi, untuk maklumat Yang Berhormat, pada masa ini pihak kementerian telah pun mendaftar dan menubuhkan konsortium-konsortium koperasi di peringkat nasional dan di negeri di mana di antaranya ialah:

- (i) Konsortium Koperasi Pengguna Malaysia di peringkat nasional;
- (ii) Konsortium Koperasi Terengganu di peringkat negeri;
- (iii) Konsortium Koperasi Kelantan; dan
- (iv) Konsortium Koperasi Industri Malaysia di peringkat nasional.

Walau bagaimanapun, cadangan daripada Yang Berhormat Senator akan dipertimbangkan sewajarnya oleh pihak kementerian.

Bagi menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Rhina Bhar telah mengesyorkan agar satu konsortium pengangkutan bas awam yang diwujudkan bagi menjamin perkhidmatan yang lebih efisien. Untuk maklumat Yang Berhormat Senator, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi sememangnya telah menggalakkan penubuhan konsortium bagi perkhidmatan bas ekspres dan bas berhenti-henti pada tahun 1998.

Cadangan penubuhan konsortium ini adalah untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan melalui penjimatan kos operasi di mana setakat ini satu konsortium sahaja yang menyahut cadangan ini iaitu Konsortium Bas Ekspres Semenanjung, manakala bagi perkhidmatan bas berhenti-henti di Lembah Klang, dua konsortium telah ditubuhkan yang diketuai oleh Intrakota Consolidated Berhad dan Park May Berhad pada 1998.

Untuk maklumat Yang Berhormat, pada masa ini kedua-dua syarikat itu telah diambil alih oleh Syarikat Prasarana Negara hasil keputusan Jawatankuasa Pemandu Integrasi dan Penyusunan Semula Sistem Pengangkutan Awam Lembah Klang. SPNB atau Syarikat Prasarana Negara Berhad melantik Syarikat Rangkaian Pengangkutan Integrasi Deras iaitu RAPID KL yang dijangka akan meningkatkan kualiti perkhidmatan bas berhenti-henti di Lembah Klang.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih di atas semua saranan dan teguran yang telah dibuat oleh Yang Berhormat, pihak kementerian amat menghargai semua pandangan yang dibuat dan akan menjadikannya sebagai panduan dalam usaha-usaha membangunkan usahawan-usahawan koperasi. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

**3.05 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tuan Sazmi bin Miah]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu kami bagi pihak Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah berbahas dan menyentuh isu-isu dalam memberi pandangan kepada kementerian kami. Pihak kami akan cuba sedaya-upaya untuk memberi penjelasan dan meneliti cadangan-cadangan tersebut sebaik mungkin.

Yang Berhormat Chiam Yong Tee ada menyentuh berkenaan dengan urusan pembayaran premium yang lambat di pejabat-pejabat tanah dan di pejabat-pejabat KPTG. Untuk makluman Yang Berhormat, ini sebenarnya amat jarang sekali berlaku kerana ia adalah tanggapan dan disalah tafsir oleh pihak-pihak tertentu sahaja.

Sebenarnya apabila pihak berkuasa negeri meluluskan pembermilikan baru kepada individu ataupun sesebuah badan, ianya merangkumi cukai-cukai tanah tahun pertama premium bayaran ukur dan penyediaan dan pendaftaran hak milik sementara dan tetap. Jadi banyak terjadi kes di mana rayuan dikemukakan oleh penerima tersebut dan di atas rayuan tersebut akan ada pertimbangan daripada pihak berkuasa negeri yang memakan masa dan ini disalah anggapkan sebagai kelewatan.

Jadi kadang-kadang juga pihak kerajaan sendiri yang memohon tanah berkenaan. Kadang-kadang bila sampai akhir tahun, bajet sudah tidak ada, terpaksa memohon bajet yang baru, tahun hadapan, jadi ini juga menimbulkan kelewatan. Jadi tidak ada sebenarnya kes-kes di mana pihak berkuasa negeri yang melengah-lengahkan dari segi pembayaran premium tersebut.

Yang Berhormat Senator Chiam juga menimbulkan isu kehilangan fail-fail di pejabat-pejabat tanah. Untuk makluman Yang Berhormat juga, kes kehilangan fail di pejabat-pejabat tanah negeri atau pejabat tanah daerah adalah amat kecil dan terpercil. Sebenarnya apa yang berlaku ialah apabila mereka menghadapi kesukaran untuk mendapatkan fail semasa proses permohonan tanah di pejabat tanah, mereka mengatakan bahawasanya fail tersebut hilang tetapi sebenarnya ada.

Dan perpindahan lokasi pejabat-pejabat tanah juga menjadi punca masalah sebenar. Fail itu tidak hilang. Ada di antara kes-kes bencana alam seperti banjir dan

kebakaran di mana memang fail-fail tersebut ada sedikit sebanyak yang hilang. Tetapi kebanyakan pentadbir tanah di negeri-negeri telah pun menggunakan sistem pengkomputeran dalam proses pentadbiran tanah seperti E-Consent di Terengganu, Sistem Inventori Pendaftaran Tanah Berkomputer (SIPTB) di Johor yang dapat berfungsi untuk merekodkan data permohonan dan pergerakan fail permohonan tanah dari mula diterima sehinggalah hak milik didaftarkan. Dengan ini, pemantauan dapat dilakukan dan seterusnya mengelakkan berlakunya kehilangan fail-fail tersebut.

Yang Berhormat Tuan Poh Mok Hua ada mencadangkan untuk penubuhan tabung ataupun dana bagi ganti rugi kepada mangsa kes penipuan. Merujuk kepada cadangan dan pertanyaan tersebut, sehingga kini kementerian kami masih belum menerima sebarang cadangan daripada pejabat-pejabat tanah secara bertulis ataupun lisan mengenai penubuhan tabung atau dana ganti rugi kepada mangsa-mangsa penipuan hak milik tanah tersebut. Walau bagaimanapun cadangan Yang Berhormat tersebut akan kami kaji dan sekiranya ia baik dan ianya dapat memberi manfaat kepada rakyat, insya-Allah kita akan mencadangkan di dalam kementerian kita.

Yang Berhormat juga ada menyentuh berkenaan dengan cadangan pindaan perundangan mengenai penipuan harta tanah. Ini bersangkutan paut juga dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Rhina Bhar yang saya jawab pada hari Khamis yang lepas, cuma saya ingin menambah sedikit. Di dalam Kanun Tanah Negara terdapat peruntukan yang melibatkan isu ini dan bertujuan melindungi hak-hak berkepentingan, antaranya ialah seksyen 340 Kanun Tanah Negara yang menekankan prinsip-prinsip ketidakbolehan disangkal.

Atas suatu tafsiran Seksyen 340 yang betul, pendaftaran yang diperolehi melalui pemalsuan tidak berkesan dan tidak boleh didaftarkan. Apabila Seksyen 340 dibaca secara keseluruhan dan di dalam konteks Seksyen 292 dan Seksyen 340 Kanun tersebut adalah jelas bahawa pendaftaran tidak boleh berlaku tanpa sesuatu *instrument*. Jika *instrument* itu adalah palsu atau atas apa-apa alasan yang tidak mencukupi atau tidak sah hak milik tuan punya pendaftar boleh diketepikan. Walau bagaimanapun di dalam kes Adona Properties Sdn Bhd vs. Boon Sum Bonyanit 2001, mahkamah telah memutuskan kerana terdapatnya proviso kepada subseksyen 3, Kanun 340 Kanun Tanah Negara. Semua pembeli suci hati dan dengan balasan berharga dikecualikan daripada pemakaian peruntukkan *substantive*, subseksyen 3 tersebut. Bagi kategori pemilik berdaftar ini mereka memperoleh hak milik yang tidak



boleh disangkal serta-merta atas tanah tersebut. Oleh itu berdasarkan fakta-fakta kes ini, walaupun surat cara pindah milik tersebut telah dipalsukan penentang masih memperoleh hak milik yang tidak boleh disangkal atas tanah tersebut. Ini adalah untuk menjaga kepentingan pembeli yang suci hati ketika membuat pembelian tersebut.

Dan yang terakhir sekali ialah daripada Yang Berhormat Puan Siti Zailah Mohd Yusoff berkenaan dengan peruntukkan bagi benteng hakisan pantai di negeri Kelantan.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Rancangan Malaysia Kelapan, Jabatan Pengairan dan Saliran telah pun diberikan peruntukkan sebanyak RM108,814,764 juta ringgit bagi Program Kawalan Hakisan. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM12.5 juta telah diperuntukkan untuk Program Kawalan Hakisan pantai di negeri Kelantan dan beberapa minggu yang lepas, saya sendiri dan saya rasa hari Jumaat yang lepas, Menteri Besar Kelantan sendiri pun telah turun bersama dengan pengarah JPS kita untuk melihat hakisan pantai yang berada di Sabak. Alhamdulillah Kerajaan Barisan Nasional sebab kita prihatin terhadap rakyat dan kita telah memberi peruntukkan tambahan dan peruntukkan segera untuk membantu menyelesaikan masalah di pantai Sabak tersebut. Pada Rancangan Malaysia Kesembilan pelan menyeluruh untuk hakisan pantai di Sabak dan di kawasan-kawasan berkenaan di Kelantan berserta dengan Sungai Golok pun kita akan masukkan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Jadi saya rasa itulah sahaja ucapan penanguhan bagi kementerian kami dan kami mengucapkan sekali lagi ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah membuat cadangan dan saranan kepada kementerian ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, sekarang saya menjemput Kementerian Kesihatan.

### **3.14 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan Lee Kah Choon]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan anggaran Bajet 2005 yang menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff yang meminta kementerian melihat kembali keberkesanan kempen anti-merokok 'Tak Nak!'. Untuk makluman Yang Berhormat pihak kementerian dengan kerjasama Universiti Sains Malaysia sedang menjalankan kajian tentang keberkesanan kempen 'Tak Nak!' di 6 buah negeri iaitu di Johor, Terengganu, Selangor, Kedah, Sabah dan Sarawak. Objektif kajian ini adalah untuk menilai impak kempen ini dalam mengubah sikap, pengetahuan dan tingkah laku masyarakat Malaysia tentang kesan buruk merokok. Laporan awal dijangka siap pada bulan Februari 2005, manakala laporan penuh dijangka akan dibentangkan pada bulan April 2005.

Yang Berhormat Puan Siti Zailah juga meminta penjelasan berhubung cadangan kementerian untuk menarik balik subsidi ubat murah yang dibekalkan kepada pesakit yang mendapat rawatan di Jabatan Pesakit Luar, kerana ini akan terus membebankan rakyat berpendapatan rendah. Ingin saya laporkan di Dewan yang mulia ini, bahawa Kementerian Kesihatan tidak bercadang untuk menghentikan pemberian ubat secara percuma atau menarik balik subsidi ubat murah kepada pesakit terutamanya kepada golongan berpendapatan rendah yang mendapat rawatan di hospital kerajaan. Kementerian hanya bercadang untuk mewujudkan farmasi swasta di hospital kerajaan tertentu supaya memudahkan pesakit yang berkemampuan mendapatkan bekalan ubat yang mereka perlukan. Cadangan untuk mewujudkan farmasi swasta di hospital Selayang dan hospital Putrajaya sebagai hospital percubaan masih lagi dalam peringkat perbincangan, dan pada masa ini kajian lanjut sedang dilanjutkan oleh pihak kementerian sebelum cadangan tersebut dilaksanakan.

Berhubung dengan pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Puan Siti Zailah tentang pegawai perubatan kontrak warga negara asing yang tidak mencapai *standard* kerja dan disiplin yang memuaskan, pihak kementerian sememangnya mengambil berat terhadap perkara ini dan sebagai bukti bahawa kementerian prihatin terhadap aduan-aduan orang ramai. Sehingga 21hb September 2004, seramai 46 orang pegawai perubatan kontrak warga negara asing daripada jumlah keseluruhan 728 orang telah ditamatkan kontrak mereka dengan Kementerian Kesihatan kerana tidak dapat mencapai kualiti kerja yang ditetapkan dan mempunyai masalah tingkah laku yang serius.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh isu kekurangan klinik-klinik kesihatan dan pegawai-pegawai perubatan terutamanya di kawasan pedalaman negeri Sarawak sebagaimana yang disentuh oleh Yang Berhormat Dato' Sri Empiang Jabu. Pihak kementerian sememangnya menyedari masalah ini dan sedang berusaha untuk menambahkan bilangan klinik-klinik kesihatan yang ada di kawasan pedalaman negeri Sarawak dalam Rancangan Malaysia Kelapan dan juga Rancangan Malaysia Kesembilan yang akan datang.

Kementerian Kesihatan telah, sedang dan akan terus memberi perhatian dalam usaha menempatkan lebih ramai pegawai perubatan dan pegawai perubatan pakar tetap dan kontrak ke negeri-negeri terutama negeri yang mengalami kekurangan pegawai perubatan yang tinggi seperti Sabah dan Sarawak melalui pelbagai cara. Antaranya adalah menetapkan perkhidmatan wajib selama tiga tahun bagi pegawai perubatan yang baru dilantik, memberi insentif elaun Wilayah kepada pegawai perubatan yang berasal dari Semenanjung Malaysia bagi ditempatkan di Sabah/Sarawak. Melantik pegawai perubatan pakar dan bukan pakar secara kontrak selepas bersara dan sebagainya.

Berhubung isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad yang menyentuh tentang masalah serangan kulat di Hospital Sultan Ismail di Johor Bahru, ingin saya jelaskan di sini bahawa masalah pertumbuhan kulat atau fungi di hospital-hospital kerajaan merupakan masalah yang jarang berlaku. Kejadian serangan kulat sebagaimana yang berlaku di Hospital di Sultan Ismail adalah perkara yang di luar daripada kebiasaan dan hospital tersebut masih lagi dalam tempoh tanggungan kecacatan. Hasil kajian yang dilakukan mendapati masalah ini adalah disebabkan oleh pelbagai faktor, iaitu antaranya disebabkan oleh pencemaran udara iaitu habuk, debu, kotoran dan mikrob yang terdapat di persekitaran luaran hospital akibat kerja-kerja tanah dan pembangunan.

Masalah ini diburukkan lagi akibat daripada kelembapan yang tinggi di dalam bangunan hospital yang dikatakan sesuai untuk pertumbuhan dan pembiakan kulat. Kelembapan yang tinggi yang berlaku adalah disebabkan oleh faktor-faktor seperti *condensation* di kawasan yang berhawa dingin, sistem pengendalian pendinginan hawa yang kurang sempurna, reka bentuk *courtyard* yang menghalang pengedaran udara serta kebocoran yang berlaku di dalam bangunan. Langkah-langkah yang telah diambil bagi memastikan hospital tersebut selamat digunakan ialah membasmi kulat

secara menyeluruh, mengubahsuai reka bentuk *courtyard* dan memperbaiki kecacatan-kecacatan lain yang berkaitan.

Pemantauan secara berterusan akan dijalankan bagi membolehkan tindakan segera diambil untuk mengelakkan kejadian-kejadian seperti ini berulang. Bagi hospital-hospital yang sedia ada syarikat konsesi yang menjalankan perkhidmatan sokongan di hospital telah melaksanakan aktiviti pembersihan secara berjadual dan pemantauan secara berterusan. Hospital-hospital juga mempunyai jawatankuasa kawalan jangkitan yang akan memantau kejadian *infection* di hospital, mengenal pasti sumbernya dan seterusnya mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pengiran Haji Ahmad Raffae ada membangkitkan tentang perkhidmatan kesihatan dan penyediaan prasarana kesihatan yang lebih sempurna di kawasan luar bandar terutamanya di kawasan pedalaman di negeri Sabah.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebagai mana yang pernah dijelaskan di Dewan yang mulia sebelum ini kerajaan melalui Kementerian Kesihatan sentiasa memberikan perkhidmatan kesihatan yang terbaik untuk segenap lapisan masyarakat walau di mana sekalipun. Penyediaan prasarana dan kemudahan-kemudahan kesihatan adalah dirancang sebagaimana yang telah diperuntukkan di dalam setiap penggal Rancangan Malaysia. Perkhidmatan doktor udara sebagaimana yang disentuh oleh Yang Berhormat adalah bergantung kepada keadaan cuaca di mana sekiranya cuaca baik penerbangan boleh dilakukan pada masa itu juga. Manakala sekiranya cuaca buruk penerbangan mungkin tergendala sehingga keadaan mengizinkan untuk perkhidmatan melalui udara.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pelbagai cadangan, teguran dan saranan kepada Kementerian Kesihatan sepanjang sesi perbahasan Bajet 2005 yang berlangsung ini. Sesungguhnya segala cadangan, teguran dan saranan akan diambil perhatian serta tindakan oleh pihak kementerian bagi memastikan kementerian ini dapat menjalankan fungsinya dengan cekap dan berkesan. Sekian, terima kasih

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Kementerian Penerangan.

**Datuk Dr. Haji Mohd Fuad bin Haji Ahmad:** Yang Berhormat, boleh beri laluan sekejap. Minta pertanyaan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kepada Kementerian Kesihatan?

**Datuk Dr. Haji Mohd Fuad bin Haji Ahmad:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Dr. Haji Mohd Fuad bin Haji Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, mengenai pesakit-pesakit luar menunggu di hospital banyak yang lama kena menunggu, adakah pihak kementerian patut buat kajian supaya mempercepatkan proses menunggu pesakit-pesakit luar di hospital?

Yang kedua, saya ingin bertanya juga mungkin pihak kementerian buat satu kajian sama ada perlu ia buat hospital di skim FELDA yang agak besar seperti Jengka untuk mengelak pesakit-pesakit jauh datang ke bandar. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat, maaf kerana baru di Dewan Negara.

**Tuan Lee Kah Choon:** Ok Yang Berhormat. Bagi pesakit-pesakit luar yang lama menunggu, kementerian telah mengambil tindakan seperti mengemas kini prosedur-prosedur di mana pesakit-pesakit luar ini dirawat dan kementerian ini telah mengadakan satu jawatankuasa di mana masa menunggu ini dapat dikurangkan untuk awal tahun ini. Bagi pesakit-pesakit di luar bandar yang terpaksa datang ke hospital yang berdekatan, kementerian telah mengadakan dan membina banyak klinik desa juga di seluruh negara. Kita mempunyai tidak kurang daripada 4000 klinik-klinik desa atau klinik-klinik kesihatan di seluruh negara di mana kita dapat memberi perkhidmatan perubatan kepada semua penduduk-penduduk di bandar mahu pun di luar bandar.

Kita harap di kebanyakan kawasan di Malaysia ini, pesakit-pesakit ini dapat pergi ke klinik desa atau klinik kesihatan dalam *radius* 5km. Walaupun ini tidak dapat dilaksanakan di negeri-negeri yang lebih besar seperti Sabah dan Sarawak kerana tanahnya lebih besar tetapi kita akan mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan lain seperti perkhidmatan udara supaya doktor-doktor itu kita boleh hantar ke kawasan pedalaman dengan seberapa banyak yang boleh dan seberapa kerap yang boleh. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, silakan Kementerian Penerangan.

**3.26ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Puan Noriah binti Kasnon]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Penerangan semasa membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan 2005 di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, hanya satu soalan dari Yang Berhormat Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain yang ada mencadangkan seperti berikut bahawa waktu tayangan atau siaran rancangan hiburan seperti Akademi Fantasia tidak disiarkan ketika peperiksaan besar seperti Sijil Pelajaran Malaysia sedang berlangsung.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, rancangan hiburan Akademi Fantasia adalah sebuah rancangan televisyen swasta yang tidak di bawah bidang tugas Kementerian Penerangan. Apabila Akta Penyiaran 1988 yang memberi kuasa kepada Kementerian Penerangan ke atas media penyiaran negara telah dimansuhkan pada tahun 1998, telah digantikan dengan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Selepas itu Kementerian Penerangan hanya bertanggungjawab ke atas saluran TV1, TV2 dan stesen-stesen radionya. Tugas utama RTM adalah untuk memberi penerangan serta memajukan dasar-dasar kerajaan dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Untuk makluman Yang Berhormat, semua rancangan RTM sama ada melalui saluran TV1 atau TV2 telah dirancang dan disusun dengan mengambil kira pelbagai faktor termasuk waktu siaran untuk sepanjang tahun. Susunan atau jadual rancangan tersebut termasuklah rancangan berbentuk hiburan.

Berdasarkan susunan jadual rancangan RTM yang disediakan, semua rancangan hiburan disiarkan di hujung minggu pada sebelah malam iaitu pada pukul 9 malam seperti Hiburan Minggu Ini dan sebagainya. Sasaran rancangan hiburan itu adalah untuk tontonan umum dan bukan pula khusus untuk sesuatu golongan seperti golongan pelajar semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya satu isu sahaja yang telah disentuh semasa perbahasan Bajet 2005 di Dewan yang mulia ini. Oleh yang demikian, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan cadangan dan perhatian ke atas kementerian ini. Semua pandangan dan perhatian amat dihargai dan akan dijadikan panduan dalam melaksanakan tanggungjawab

sebagai sebuah kementerian yang memberi maklumat kepada rakyat. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Dan akhir sekali saya minta juru mudi iaitu Kementerian Kewangan bagi menggulung dan menjawab.

**3.29 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2005, khususnya yang telah membangkitkan perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan. Banyak perkara yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat dan Kementerian Kewangan akan memberi perhatian terhadap semua teguran dan berusaha melaksanakan segala saranan dan cadangan membina yang telah dikemukakan.

Ini semata-mata untuk memastikan bahawa pelaksanaan Bajet 2005 mencapai matlamatnya sebagaimana yang telah digariskan dan hasil faedahnya dapat dikecapi oleh segenap lapisan rakyat. Tuan Yang di-Pertua, ahli Yang Berhormat Senator Dr Chin Fook Weng membangkitkan mengenai cara kerajaan mengurangkan deposit berikutan daripada peristiwa-peristiwa yang mungkin menjejaskan pencapaian matlamat konsultasi fizikal.

Suka saya maklumkan di sini iaitu kerajaan telah mengambil kira perkembangan dunia terkini termasuk *downside risk*, dengan izin, seperti peningkatan harga petroleum dan pertumbuhan ekonomi dunia yang lebih perlahan semasa membuat unjuran defisit kerajaan untuk tahun 2004 dan tahun 2005. Kerajaan yakin dan komited dapat mengurangkan defisit secara beransur-ansur seperti yang dimatlamatkan dalam Bajet 2005.

Antara langkah yang telah dan sedang diambil untuk menjamin pencapaian matlamat ini adalah seperti berikut:

- (i) meningkatkan kutipan hasil kerajaan melalui pertumbuhan ekonomi yang kukuh dan berterusan serta meningkatkan peningkatan kecekapan jentera kutipan hasil;
- (ii) mengkaji semula sistem percukaian supaya pertumbuhan ekonomi dapat menjana hasil yang mencukupi untuk membiayai perbelanjaan negara;

- (iii) dengan meningkatkan keberkesanan perbelanjaan; dan
- (iv) meneliti semula keperluan dan program perbelanjaan kerajaan secara keseluruhannya.

Di samping itu kerajaan sentiasa memantau perkembangan dari masa ke semasa. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, paras harga petroleum yang pada satu ketika dahulu pernah mencapai USD55 se tong pada 27 Oktober 2004 telah menurun pada 17 Disember 2004 berada di paras USD39.42 se tong. Oleh yang demikian perkara harga minyak mentah setakat ini tidak akan menjejaskan pencapaian matlamat konsolidasi fiskal.

Ahli Yang Berhormat bagi menangani kenaikan harga minyak mentah, kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Kabinet untuk mengurangkan impak kenaikan harga produk petroleum ke atas ekonomi negara. Antara langkah yang ada berkaitan dengan mempelbagaikan sumber tenaga seperti:

- (i) meningkatkan penggunaan *natural gas for vehicles* (NGV) oleh pengangkutan awam;
- (ii) menggalakkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui seperti tenaga suria dan bio-mas;
- (iii) menggunakan minyak kelapa sawit sebagai bio-fuel ; dan
- (iv) menggalakkan konsep *low-energy offices*

Tuan Yang di-Pertua, beberapa perkara mengenai galakan cukai telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Chin Fook Weng meminta kerajaan memberi penjelasan mengenai perbezaan antara *Goods and Services Tax* (GST) dan *Value-added Tax* (VAT), dengan izin. Pada dasarnya GST dan VAT adalah sama iaitu bentuk cukai penggunaan berkonsepkan nilai ditambah.

Ahli Yang Berhormat Senator Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff bertanyakan tentang kajian yang dijalankan mengenai GST seperti kadar yang akan dikenakan dan jenis barang-barang yang akan dikecualikan cukai ini. Untuk makluman Yang Berhormat, seperti yang telah diumumkan dalam Bajet 2005, satu panel kajian semula sistem percukaian telah ditubuhkan bagi mengkaji di antaranya kadar GST serta barangan dan perkhidmatan yang akan tertakluk kepada GST.

Pengendalian GST juga akan melibatkan kajian semula ke atas cukai lain termasuk cukai korporat sebagai langkah untuk meningkatkan kecekapan sistem percukaian dan mengekalkan daya saing negara serta kajian semula cukai individu



sebagai langkah meringankan beban pengguna. Dengan ini, saranan oleh Yang Berhormat supaya pelaksanaan GST tidak membebankan rakyat akan diberi perhatian oleh Kementerian Kewangan.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Senator Dato Sri Empiang Jabu supaya kefahaman diberikan kepada rakyat mengenai aspek GST melalui pendidikan dan kenaikan harga diawasi, memandangkan pelaksanaan GST melibatkan semua pihak di sektor awam dan sektor swasta, kerajaan akan memberikan penerangan dari masa ke semasa supaya rakyat jelata memahami cukai GST ini. Kerajaan akan sentiasa memantau harga barangan supaya harga tidak dinaikkan sewenang-wenangnya.

Ahli Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng juga bertanyakan rasionalnya kerajaan memberikan pengecualian duti hiburan kepada persembahan hiburan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya sahaja. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat duti hiburan adalah hasil di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Memandangkan Kuala Lumpur dan Putrajaya adalah Wilayah Persekutuan, bidang kuasa mengenakan duti hiburan tertakluk kepada Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, pengecualian duti hiburan diberikan sebagai satu langkah untuk mempromosikan pertunjukan oleh artis tempatan serta mempromosikan Wilayah Persekutuan terutamanya Kuala Lumpur sebagai pusat antarabangsa bagi seni dan kebudayaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Chin Fook Weng juga membangkitkan kesan negatif dasar kerajaan dalam pemberian galakan cukai kali kedua untuk syarikat sedia ada berpindah ke kawasan koridor Pantai Timur Sabah dan Sarawak. Dasar ini menjejaskan peluang pekerjaan sedia ada bagi penduduk setempat di negeri-negeri tertentu. Kerajaan seharusnya mencari dan menggalakkan syarikat baru yang berkaitan dengan aktiviti ini untuk berada di kawasan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasrat kerajaan dalam memperkenalkan galakan ini adalah untuk menyeimbangkan pelaburan di antara negeri, umpamanya bagi negeri Sabah dan Sarawak yang kaya dengan hasil kayu-kayan, syarikat yang berasaskan sumber seperti perabot, papan lapis dan sebagainya digalakkan untuk berpindah ke sana. Ini adalah untuk memudahkan dan menjimatkan kos menjalankan perniagaan di Malaysia kerana *access* kepada sumber bahan mentah yang mudah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Roslan bin Awang Chik berpandangan pegawai Lembaga Hasil dalam Negeri telah menyiasat dengan begitu kasar ke atas premis-premis perniagaan bagi sesuatu kes penyiasatan. Pegawai penyiasatan LHDN menjalankan tugas siasatan dengan cara tegas, secara profesional dan teratur mengikut lunas undang-undang bagi memastikan penyiasatan dijalankan dengan sempurna. Namun begitu, saya telah mengarahkan Lembaga Hasil Dalam Negeri mengambil perhatian tentang perkara ini. Lazimnya penyiasatan dapat dijalankan dengan baik jika pembayar cukai dapat memberi kerjasama penuh terutamanya di dalam membekalkan Lembaga Hasil Dalam Negeri bahan-bahan bukti seperti salinan rekod perniagaan serta dokumen berkaitan. Justeru itu saya menyeru kepada semua pembayar cukai yang disiasat agar memberi kerjasama sepenuhnya supaya siasatan berjalan dengan lancar.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Omar bin Faudzar mencadangkan supaya tempoh pinjaman tidak berbayar dilanjutkan bagi membantu pihak swasta yang menghadapi masalah berpunca daripada krisis kewangan. Untuk makluman Yang Berhormat, sejak tahun 1998 tempoh pinjaman tidak berbayar (NPL) telah dilanjutkan daripada tiga bulan kepada enam bulan. Secara keseluruhannya syarat ini memang telah pun diamalkan oleh kebanyakan institusi perbankan. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa institusi perbankan yang lebih *stringent*, dengan izin, dan telah klasifikasikan tempoh NPL sebagai tiga bulan seperti aras tanda *benchmark* antarabangsa.

Ahli-ahli Yang Berhormat Senator Dato' Dr. S. Vijayarajam, Datuk Roslan Awang Chik dan Senator Hajah Sharifah Azizah Dato' Syed Zain membangkitkan caj-caj perkhidmatan yang dikenakan oleh sistem perbankan. Adalah menjadi dasar kerajaan untuk memastikan bahawa pelanggan bank menikmati perkhidmatan asas seperti akaun simpanan, akaun semasa dan simpanan tetap bagi kos yang minimum atau tanpa sebarang kos.

Namun begitu, bagi perkhidmatan yang ditawarkan oleh institusi perbankan yang melebihi tahap perkhidmatan asas, institusi perbankan boleh mengenakan caj yang berpatutan kepada pelanggannya tertakluk kepada batasan yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk makluman, caj-caj yang dikenakan institusi perbankan bagi perkhidmatan tersebut adalah menanggung kos pelaburan yang dibuat. Ianya berbeza antara

institusi-institusi perbankan dan ada juga di antaranya yang tidak mengenaikannya, oleh itu pelanggan bolehlah membuat perbandingan berhubung dengan kualiti perkhidmatan dan caj-caj yang dikenakan oleh bank-bank untuk mendapatkan perkhidmatan sesebuah institusi perbankan...

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Sila.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tidakkah kementerian dapat mencari jalan untuk menyelaraskan kesemua pentadbiran di bank-bank berkenaan? Terima kasih.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak sampai lagi ke situ. Pada 10 Disember 2004 baru-baru ini Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan satu surat pekeliling mengenai perkara ini. Saya mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat. Antara perkara yang ditekankan ialah sebarang berkenaan *fee* yang baru perlu mendapat kelulusan Bank Negara Malaysia terlebih dahulu. Manakala *fee* yang telah diperkenalkan dalam tahun 2004 pihak bank yang berkaitan dikehendaki memberi justifikasinya kepada Bank Negara Malaysia sebelum 15 Januari 2005 untuk kita selaraskan.

Kita berharap insya-Allah selepas ini Yang Berhormat bolehlah membuat laporan terus kepada Bank Negara Malaysia dan penyelarasan bagi pihak kesemua pelanggan-pelanggan yang terlibat sekiranya berlaku caj-caj yang tidak berpatutan ataupun yang ketara dikenakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Puan Wan Ubaidah binti Omar.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Adakah ini bermakna caj yang bakal dikenakan oleh sebuah bank iaitu Maybank RM12 untuk menggunakan Maybank2U RM12 setahun akan diluluskan oleh pihak kerajaan? Terima kasih.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Yang Berhormat, caj yang telah dikenakan ini saya pasti sudah mendapat *complaint*, dengan izin, daripada pelanggan, maka pihak bank ini perlu memberi justifikasi apakah sebab dan apakah alasannya RM12 itu dikenakan dan sekiranya masih tidak berpuas hati, saya percaya penyelarasan akan dibuat oleh Bank Negara Malaysia, kita beri tempoh sampai 15 Januari 2005.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri telah mencadangkan supaya institusi perbankan membawa bersama penasihat syariah dalam lawatan ke negara-negara Timur Tengah bagi meyakinkan pelabur. Sistem Kewangan Islam yang dilaksanakan di Malaysia pada masa kini telah mendapat pengiktirafan antarabangsa dan institusi multilateral seperti Tabung *Monetary* Antarabangsa (IMF) dan Bank Pembangunan Islam (IDB) malahan diiktiraf sebagai yang terbaik di dunia.

Berdasarkan pengiktirafan ini Malaysia telah mengambil langkah mempercepatkan liberalisasi sektor perbankan Islam daripada 2007 kepada 2004. Dengan penawaran tiga lesen perbankan Islam kepada peserta asing daripada Timur Tengah bagi menubuhkan bank-bank Islam baru di Malaysia. Kemasukan pelabur-pelabur Timur Tengah dalam sektor perbankan Islam ini membuktikan keyakinan mereka untuk melabur di Malaysia.

Malaysia juga negara pertama di dunia mempelopori penerbitan bon berdaulat Global Sukuk Ijarah berjumlah USD600 juta pada tahun 2002, 51% daripada terbitan ini dilangani oleh pelabur-pelabur dari Timur Tengah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain ingin mengetahui peranan Perbadanan Jaminan Kredit (CGC) dalam memberikan kemudahan pinjaman. CGC ditubuhkan sebagai pemangkin kredit dalam membantu Industri Kecil dan Sederhana yang tiada cagaran atau kekurangan cagaran dan tidak mempunyai rekod prestasi untuk mendapatkan kemudahan kredit dari institusi kewangan. Dalam hal ini CGC berperanan merangka dan mengurus pelbagai skim jaminan kredit untuk membantu kumpulan sasar tertentu dengan penglibatan kesemua institusi kewangan.

Terdapat beberapa skim pembiayaan yang ditawarkan oleh CGC seperti Skim Jaminan Usahawan Kecil, Skim Pembiayaan Francais, Skim Jaminan Laluan Terus dan lain-lain. Perlindungan jaminan adalah berbeza bergantung kepada skim-skim tersebut. Umpamanya Skim Jaminan Usahawan Kecil memberi perlindungan sehingga 100% kepada bumiputera dan sehingga 80% kepada bukan bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Kasim membangkitkan peranan dan tanggungjawab Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) melaksanakan projek perumahan serta masalah kurang koordinasi dengan kerajaan negeri, menyebabkan masa yang diambil panjang bagi melaksanakan projek-

projek di negeri-negeri. SPNB sentiasa bekerjasama, insya-Allah, dengan kerajaan-kerajaan negeri bagi melaksanakan projek-projek perumahan mampu milik di seluruh negara.

SPNB perlu menjalankan kajian kemungkinan dan kajian daya maju serta perlu melalui pelbagai prosedur dalaman sebelum sesebuah projek dapat dibangunkan. Manakala pihak kerajaan negeri juga mempunyai prosedur-prosedur dalaman tertentu sebelum permohonan tanah oleh SPNB dapat diluluskan. Walau bagaimanapun, pihak SPNB dan kerajaan negeri sedang bekerjasama dengan rapat dan berusaha bagi mengurangkan atau meningkatkan prosedur dalaman masing-masing agar pelaksanaan pembangunan projek perumahan mampu milik dapat dijalankan dengan segera. Projek-projek tersebut sedang giat dibina atau di peringkat kajian kemungkinan dan kajian daya maju di pelbagai negeri di antaranya Pahang, Melaka, Kedah, Terengganu, Johor, Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad meminta supaya dana-nana IKS diperluaskan dikhaskan kepada pengusaha-pengusaha wanita. Pada masa ini semua dana usahawan termasuk dana utama di bawah Bank Negara Malaysia adalah terbuka kepada semua usahawan termasuk usahawan wanita. Memandangkan usahawan wanita boleh mendapatkan pinjaman di bawah dana-dana sedia ada, kerajaan belum bercadang untuk menubuhkan satu dana khas ataupun khusus kepada mereka.

Untuk makluman Yang Berhormat, salah satu dana yang boleh kita sebutkan ialah Dana Amanah Ikhtiar Malaysia. Kita mempunyai rekod 99.9% sahabat kepada Dana Amanah Ikhtiar Malaysia ini adalah terdiri daripada wanita dengan jumlah pinjamannya hampir RM1.2 bilion, berbanding dengan 1% ataupun hanyalah RM806 juta oleh golongan lelaki. Jadi, ini saya percaya berkat ataupun dorongan dan juga sokongan daripada pemimpin-pemimpin wanita kita dalam menggerakkan ekonomi terutamanya keluarga di peringkat rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir meminta supaya Kementerian Kewangan mengawasi dana yang diberikan oleh bank kepada peminjam-peminjam IKS. Kementerian Kewangan menerusi Bank Negara Malaysia dan pelbagai kementerian sentiasa memantau dan mengawasi dana IKS yang diberikan oleh bank kepada peminjam. Kerajaan telah menetapkan unit khas

Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) ditubuhkan di setiap institusi perbankan bagi menyediakan khidmat nasihat kewangan kepada peminjam.

Unit khas PKS juga ditubuhkan di Bank Negara Malaysia untuk membantu mendapatkan maklumat tentang skim-skim yang disediakan oleh kerajaan, meningkatkan tahap kesedaran peminjam IKS, membantu memproses permohonan pinjaman serta memantau prestasi dana-dana tersebut.

**Datuk Mohamed Jin bin Samsudin:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila Datuk Mohamed Jin bin Samsudin.

**Datuk Mohamed Jin bin Samsudin:** Adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan satu dana perfileman bagi tujuan untuk peminjam-peminjam, penerbit-penerbit filem? Terima kasih.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Terima kasih Yang Berhormat, barangkali ini cadangan?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan?

**Datuk Mohamed Jin bin Samsudin:** Soalan.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Saya percaya kita bincang ini soal peruntukan 2005 dan kalau boleh Tuan Yang di-Pertua, ini disebut sebagai cadangan, boleh juga kalau saya hendak jawab soalnya memang setakat ini belum lagi, tetapi boleh dicadangkan oleh pihak perfileman ini supaya ia juga dijadikan dana, tetapi saya percaya pihak pengusaha perfileman boleh memohon di antara dana-dana Industri Kecil dan Sederhana yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat Senator Dr. Chin Fook Weng dan Yang Berhormat Senator Dato' Rhina Bhar, mempersoalkan kenapa penstrukturan semula pengangkutan awam hanya tertumpu di Kuala Lumpur atau di Lembah Klang sahaja dan tidak di bandar-bandar lain yang menghadapi masalah yang sama. Kerajaan sedar bandar-bandar lain juga seperti Ipoh, Pulau Pinang dan Johor Bahru, menghadapi masalah kesesakan semasa waktu puncak. Walau bagaimanapun, sebagai langkah permulaan Yang Berhormat, kerajaan menumpukan perhatian ke atas Kuala Lumpur sebagai ibu negara dan kawasan sekelilingnya, iaitu Lembah Klang.

Penstrukturan semula pengangkutan awam di Lembah Klang ini yang meliputi suatu sistem pengangkutan awam sedia ada yang menyeluruh, tetapi kurang bersepadu boleh menjadi contoh bagi bandar-bandar lain. Pengetahuan dan

pengalaman yang diperolehi daripada projek ini kelak akan digunakan untuk diperluaskan ke semua bandar-bandar utama di seluruh negara pada masa akan datang.

Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Omar bin Faudzar telah mencadangkan supaya kadar pinjaman perumahan untuk kakitangan kerajaan dinaikkan kerana kadar sedia ada tidak dapat menampung keperluan harga rumah semasa. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini kerajaan belum berhasrat untuk menaikkan kadar pinjaman perumahan kepada kakitangan kerajaan kerana amaun kelayakan terkini yang mula dikuatkuasakan hanya pada 2 Januari 2001. Kadar kelayakan pinjaman semasa adalah bergantung kepada gaji hakiki bulanan seseorang pegawai kerajaan dan kadar ini telah mengambil kira keperluan kakitangan kerajaan tidak akan menanggung hutang yang membebankan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad lagi ingin mencadangkan supaya para suami, tadi kepada wanita, ini pada suami, diwajibkan menamakan isteri sebagai pewaris kepada caruman KWSP. Terima kasih, Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, sistem penamaan pembahagian simpanan KWSP yang sedia ada, adalah memadai. Sistem penamaan di bawah peraturan-peraturan KWSP 1951 tersebut memperuntukkan ahli boleh menamakan lebih daripada seorang sebagai waris untuk menerima kredit simpanan yang perlu dibayar oleh KWSP apabila ahli meninggal dunia.

Adalah menjadi tanggungjawab ahli untuk menentukan waris-waris yang berhak menerima simpanan KWSPnya apabila ahli meninggal dunia. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja hanya boleh mengingatkan ahli supaya sentiasa mengemas kini penamaan dari masa ke semasa melalui borang penamaan yang disediakan oleh KWSP. KWSP tidak boleh memaksa ahli-ahli untuk mewajibkan mereka menamakan orang-orang tertentu kerana ia adalah hak ahli. Walau bagaimanapun, isu penamaan berbangkit berikutan adanya orang yang dinamakan adalah bukan pewaris atau orang tanggungan seperti isteri atau anak-anak.

Bagi ahli yang beragama Islam, penama hanya bertindak sebagai wasi. KWSP telah menerima fatwa daripada Majlis Fatwa Kebangsaan yang memutuskan bahawa simpanan KWSP ahli yang meninggal dunia adalah harta pusaka. Selaras dengan fatwa tersebut, simpanan KWSP wajib diagihkan mengikut hukum faraid. Bagi ahli

yang bukan Islam, mereka berhak menamakan sesiapa sahaja untuk menerima simpanan jika berlaku kematian.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dan seterusnya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2005 ini. Insya-Allah apa-apa pandangan serta saranan yang telah dikemukakan akan diberi perhatian sewajarnya oleh kementerian.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Tuan Yang di-Pertua, boleh atau tidak saya mohon laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada lagi?

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri?

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Okey, sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Okey, sila.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma ingin tahu berkenaan dengan kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri semasa sidang akhbar baru-baru ini mengenai kedudukan negeri-negeri yang dikategorikan mufliis. Adakah kementerian sedar bahawa kenyataan yang diberikan tidak sama dengan pembentangan belanjawan negeri yang mana belanjawan menunjukkan negeri tersebut *surplus*. Soalan saya, adakah kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menjejaskan minat pelabur untuk melabur di negeri berkenaan? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ini sudah keluar daripada perbahasan kita tadi, Yang Berhormat. Saya ingat itu sudah cukup bagi pihak Kementerian Kewangan. Terima kasih.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Saya ingat, Tuan Yang di-Pertua, sedikit .....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Hendak jelaskan juga!

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.



**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Saya ucap terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, juga terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sharifah Azizah. Sebenarnya memberi peluang kepada saya untuk menjelaskan sedikit kepada perkara yang berbangkit. Sebenarnya perkara ini berbangkit hasil daripada jawapan saya di Dewan Negara ini kepada soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Safinah binti Jusoh dan sekali gus dengan soalan Yang Berhormat Senator Dr Haji Mohd. Puad bin Zarkashi mengenai perkara itu.

Saya dengan jelas memperkatakan bahawa soalan-soalan yang dibangkitkan oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat itu bahawa Kerajaan Pusat mempunyai mekanisme yang tertentu – 8 perkara untuk memastikan tidak berlaku sebagaimana yang disebut, hampir muflis terhadap kerajaan-kerajaan negeri, kerana hutang-hutang yang berkenaan adalah daripada Kerajaan Pusat kepada kerajaan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini dibangkitkan di luar Dewan oleh pihak media yang berminat kepada isu sensasi, iaitu ‘muflis’ itu sendiri. Jadi, walaupun saya beberapa kali mempertahankan bahawa tidak akan berlaku dan mereka bertanyakan apakah asasnya ataupun justifikasi ‘hampir muflis’ itu. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ‘hampir muflis’ ini telah diistilahkan oleh Ketua Audit Negara, bukannya Timbalan Menteri Kewangan II, tetapi Ketua Audit Negara dalam temu duga ataupun kenyataan akhbar pada 18 Oktober 2004 telah menyatakan berdasarkan kepada akaun awam negeri masing-masing, yang telah diaudit dan diserahkan kepada Audit Negara bahawa terdapat negeri-negeri tertentu berlandaskan akaun semasa iaitu akaun mudah tunai berbanding dengan akaun kena bayar. Maknanya, dia kena bayar hutang pada 2003, yakni akaun yang ditutup hujung 2003 dan perlu dibayar pada awal 2004 di istilahkan sebagai hampir muflis.

Saya sedar kenyataan ini akan – dari segi akaunnya adalah betul dan pihak Ketua Audit Negara ini adalah untuk menasihati dan juga menegur sistem kewangan di negeri-negeri supaya menyusun dan juga mengawal serta memastikan aliran akaun tunai mereka dapat membayar akaun kena bayar pada hujung tahun.

Walau bagaimanapun, istilah itu agak keras, kerana istilah muflis ini adalah tertentu apabila sesuatu entiti telah disabitkan di mahkamah dan diambil tindakan terhadap perkara itu. Jadi inilah satu kesilapan yang ditafsirkan apabila....

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan mesyuarat**]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan, Yang Berhormat.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

... apabila pihak akhbar mengaitkan jawapan saya itu kepada kenyataan terdahulu oleh Ketua Audit Negara di mana soalnya negeri manakah yang mempunyai akaun defisit semasa mereka.. Saya menjelaskan pada ketika itu walaupun akaun semasa ini defisit, tetapi akaun-akaun lain akaun memorandum, aset dan sebagainya, memastikan dengan kaedah-kaedah, Kerajaan Persekutuan memastikan bahawa tidak akan berlaku sama sekali. Tetapi dicungkil juga apakah yang menyebabkan istilah ditimbulkan. Jadi saya terpaksa, kerana perkara ini telah menjadi pengetahuan umum kerana setiap akaun negeri itu telah pun dibuat laporan. Maka, 7 negeri itu timbul.

Jadi saya meminta maaf kerana sama sekali kita tidak berniat untuk, kerana kita sedar bahawa kenyataan ataupun perkara-perkara seumpama ini akan menjejaskan sedikit sebanyak anggapan oleh kerana perkataan itu amat berat. Tetapi, walau bagaimanapun, pada saya kita tidak boleh menyalahkan mana-mana pihak, tetapi kita mengambil keadaan ini sebagai ingatan, nasihat pihak Ketua Audit Negara - satu badan bebas - supaya kita dapat menguruskan kewangan kita dengan baik.

Jadi itulah, saya sama sekali mengatakan bahawa kenyataan itu tidak timbul daripada saya dan saya tidak pernah mengistilahkan bahawa negeri-negeri itu hampir muflis. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat .

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

### **Bacaan Kali Yang Ketiga**

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang bernama “Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2005 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu” telah dipersetujukan tanpa pindaan.

Mengikut Peraturan Mesyuarat 53(2) Peraturan Mesyuarat Majlis Dewan Negara, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Yahaya):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

### **RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN 2004**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**16.05 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu “Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 dan Akta Setem 1949” dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan “Suatu Rang Undang-undang yang bernama Rang Undang-undang Kewangan 2004 untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53], Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 [Akta 543], Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 [Akta 169] dan Akta Setem 1949 [Akta 378]”.

Rang Undang-undang ini adalah bagi membolehkan pelaksanaan langkah percukaian yang diumumkan dalam Bajet 2005 di samping untuk melaksanakan keputusan kerajaan yang memerlukan Pindaan kepada Akta-akta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menghuraikan setiap fasal dalam Rang Undang-undang ini yang terdiri daripada lima bab dan mengandungi 43 fasal seperti berikut.

Bab I, Permulaan. Dalam Bab Permulaan terdapat 2 fasal seperti berikut:

Fasal 1 menyatakan tajuk ringkas Akta, iaitu Akta yang dinamakan Akta Kewangan 2004

Fasal 2 menyatakan bahawa Rang Undang-undang ini adalah untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 iaitu Akta 53 Akta Petroleum Cukai Pendapatan 1967, iaitu Akta 543, Akta Cukai Keuntungan Harta tanah 1976 iaitu Akta 169 dan Akta Setem 1949 iaitu Akta 378.

Bab II, Pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967 iaitu Akta 53. Bab II terdiri daripada 30 Fasal iaitu fasal 3-33 mengenai Pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967. Pindaannya adalah seperti berikut:

Fasal 3, mengenai kuat kuasa pindaan seperti berikut:

- (1) Seksyen 4 hingga 6, subperenggan 7 (b)(ii); Seksyen 8 hingga 19, seksyen 23 dan seksyen 27 hingga 32 berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2005 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.
- (2) Perenggan 7(a) berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2001 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.
- (3) Sebperenggan 7(b)(i) dan seksyen 20 hingga 22 berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2004 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.
- (4) Seksyen 24 hingga 26 mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2005;
- (5) Perenggan 33(a) berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2003 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.
- (6) Perenggan 33(b) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 11 September 2004.

Fasal 4 adalah pindaan kepada seksyen 2 Akta Cukai Pendapatan 1967 untuk memberikan layanan cukai yang saksama antara produk perbankan dan pasaran modal Islam dengan produk konvensional. Pindaan ini mengetepikan Akta Cukai Pendapatan 1967 ke atas pelupusan dan pajakan yang dilakukan sebagai menepati prinsip-prinsip Syariah oleh Bank Negara Malaysia atau Suruhanjaya Sekuriti.

Fasal 5 adalah Pindaan kepada seksyen 6 Akta Cukai Pendapatan 1967 untuk menetapkan kadar cukai 28% ke atas pendapatan yang diagihkan oleh Amanah

Saham Hartanah atau Amanah Pelaburan Hartanah yang juga lebih dikenali sebagai *Real Estate Investment Trust* (REIT)) kepada pemegang-pemegang unit bukan pemastautin.

Fasal 6 adalah pindaan kepada subseksyen 6A(3A) Akta Cukai Pendapatan 1967 untuk menaikkan rebat cukai bagi pembelian komputer peribadi daripada RM400 kepada RM500;

Fasal 7(a) adalah pindaan kepada seksyen 34 Akta Cukai Pendapatan 1967 dengan memasukkan subseksyen 34(3A) dan 34(3B) untuk memberi potongan ke atas bunga yang terakru daripada pinjaman yang telah diklasifikasikan sebagai pinjaman yang tidak berbayar (*non-performing loans*) oleh Bank Negara Malaysia.

Fasal 7(b)(l) adalah pindaan kepada subseksyen 34(6)(m) Akta Cukai Pendapatan 1967 untuk mengadakan peruntukan bagi membenarkan potongan sekali ke atas perbelanjaan yang dilakukan bagi mendapatkan akreditasi ke atas makmal atau sebagai badan persijilan yang diiktiraf oleh Jabatan Standard Malaysia;

Fasal 7(b)(2) adalah untuk memasukkan perenggan yang baru iaitu subseksyen 34(6)(ma) bagi membenarkan potongan dua kali ke atas perbelanjaan yang dilakukan bagi mendapatkan persijilan Sistem Kualiti dan Standard dan persijilan halal yang dibuktikan dengan sijil yang dikeluarkan oleh badan persijilan yang ditetapkan oleh Menteri;

Fasal 8 adalah bertujuan untuk meminda seksyen 44 Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi membenarkan potongan ke atas bayaran zakat perniagaan oleh sesebuah syarikat kepada pihak berkuasa agama Islam. Walau bagaimanapun, potongan yang dibenarkan dihadkan kepada 2.5 peratus daripada pendapatan agregat syarikat berkenaan;

Fasal 9 adalah bertujuan untuk meminda seksyen 45A bagi meningkatkan potongan bagi suami atau isteri yang kurang upaya daripada RM2,500 kepada RM3,500 dalam penentuan cukai pendapatan bagi taksiran bersama;

Fasal 10 adalah bertujuan untuk meminda seksyen 46(1)(e) bagi meningkatkan tambahan potongan diri bagi individu kurang upaya dari RM5,000 kepada RM6,000 dan meminda seksyen 46(1)(i) bagi meningkatkan potongan pembelian buku dari RM500 kepada RM700;

Fasal 11 adalah pindaan yang berbangkit daripada pindaan di bawah Fasal 9;

Fasal 12 adalah bertujuan untuk meminda seksyen 49(1) untuk meningkatkan potongan ke atas caruman KWSP dan/atau premium insurans hayat daripada RM5,000 kepada RM6,000;

Fasal 13 adalah bertujuan untuk meminda seksyen 61 Akta Cukai Pendapatan 1967 yang berbangkit daripada pindaan dalam proviso kepada subseksyen 1A dan kemasukan subseksyen baru iaitu subseksyen (1B). Dengan pindaan ini, pendapatan yang dikecualikan cukai bagi amanah unit adalah tidak termasuk pendapatan yang dikecualikan cukai di bawah seksyen 61A bagi Amanah Saham Hartanah atau Amanah Pelaburan Hartanah (REIT);

Fasal 14 adalah bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 61A. Kemasukan seksyen baru 61A adalah bertujuan untuk menyediakan peruntukan mengenai penentuan jumlah pendapatan yang dikecualikan daripada cukai pendapatan bagi Amanah Saham Hartanah (REIT) yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti;

Fasal 15 dan 16 bertujuan untuk meminda seksyen 63A dan 63B, masing-masing yang berbangkit daripada kemasukan seksyen baru iaitu seksyen 63C;

Fasal 17 adalah pindaan yang memasukkan seksyen baru 63C bagi memperuntukkan bahawa pendapatan Amanah Saham Hartanah (REIT) daripada penyewaan hartanah hendaklah dikira sebagai pendapatan kasar daripada punca perniagaan dan layanan khusus ke atas lebih perbelanjaan dan baki elaun modal yang tidak akan diambil kira dalam penentuan cukai pendapatan;

Fasal 19, memasukkan seksyen baru 63D yang memperuntukkan bahawa pendapatan daripada penyewaan hartanah oleh Unit Amanah selain daripada Unit Amanah di bawah seksyen 63C tidak dikira sebagai pendapatan dari punca perniagaan;

Fasal 20 bertujuan meminda seksyen 77 Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi memperuntukkan 30 Jun sebagai tarikh akhir untuk memfailkan borang cukai pendapatan bagi orang yang menjalankan perniagaan selain syarikat, badan amanah dan pertubuhan koperasi.

Fasal 21 dan 22 adalah untuk meminda seksyen 86 dan seksyen 103 yang berbangkit dari pindaan di bawah seksyen 77;

Fasal 23 bertujuan memasukkan seksyen baru 109D mengenai keperluan Amanah Saham Hartanah (REIT) yang dikecualikan cukai di bawah peruntukan

seksyen baru 61A supaya mengenakan cukai pegangan ke atas jumlah yang diagihkan kepada pegang unit bukan pemastautin;

Fasal 24, memasukkan seksyen baru, iaitu seksyen 111B bertujuan untuk menubuhkan Tabung Bayaran Balik Cukai sebagai langkah untuk mempercepatkan pembayaran balik cukai yang terlebih bayar.

Fasal 25 boleh memasukkan seksyen baru 111C yang memperuntukkan bahawa pembayaran balik tidak akan dipertanggungjawabkan kepada Kumpulan Wang Yang Disatukan;

Fasal 26 adalah pindaan kepada seksyen 151 berhubung dengan prosedur membuat pembayaran balik di mana jumlah pembayaran balik perlu disahkan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri;

Fasal 27 menetapkan kadar cukai 28 peratus ke atas pendapatan yang diagihkan oleh Amanah Saham Hartanah (REIT) kepada pemegang unitnya yang bukan pemastautin di bawah bahagian X;

Fasal 28 meminda perenggan 3 Jadual 3 Akta Cukai Pendapatan 1967 untuk menetapkan bahawa perbelanjaan bangunan yang layak berhubung dengan pembelian sesuatu bangunan industri adalah harga pembelian bangunan tersebut. Pindaan ini bertujuan untuk memudahkan pengiraan elaun bangunan industri kepada pembeli sesebuah bangunan tanpa perlu merujuk jumlah elaun bangunan industri yang telah dituntut oleh penjualnya;

Fasal 29 menetapkan bahawa elaun bangunan industri yang telah ditentukan sebelum berkuat kuasanya pindaan ini mulai tahun taksiran 2005 kekal mengikut peruntukan yang sedia ada;

Fasal 30 adalah untuk memastikan pindaan ke atas pengiraan elaun bangunan industri tidak melibatkan kenaikan imbalan bagi bangunan industri yang dijual selepas 50 tahun dari tarikh bangunan itu dibina;

Fasal 31 adalah meminda Jadual 4A Akta Cukai Pendapatan 1967 dengan memasukkan perenggan baru 8A. Perenggan ini bertujuan memberi kuasa kepada menteri untuk menetapkan perbelanjaan modal sebagai perbelanjaan pertanian yang layak dan jumlah potongan yang boleh diberi.

Fasal 32 bertujuan meminda perenggan 26 Jadual 4C bagi melanjutkan tempoh untuk memohon Skim Galakan Pengeluaran Bahan Makanan dari 1 Disember 2005 kepada 31 Disember 2010.

Fasal 33 bertujuan untuk meminda Jadual 6 Akta Cukai Pendapatan 1967 seperti berikut:

- (i) di bawah perenggan 25 supaya jumlah gratuiti yang diterima oleh pekerja yang bersara wajib pada umur 50 tahun tetapi sebelum mencapai usia 55 tahun diberi pengecualian cukai sebanyak RM6,000 bagi setiap tahun genap perkhidmatan dengan syarat tempoh perkhidmatan dengan majikan berkenaan adalah selama sekurang-kurangnya 10 tahun, dan
- (ii) memasukkan perenggan 33A supaya bunga yang dibayar kepada syarikat bukan pemastautin di Malaysia diberi pengecualian cukai pendapatan bagi sekuriti Islam dan debentur yang dikeluarkan dalam ringgit selain daripada stok pinjaman boleh tukar atau *convertible loan stock*, dengan izin, yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti sebagai langkah untuk mempergiatkan permohonan pasaran modal tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, Bab III pindaan kepada Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967. Bab III terdiri daripada 6 fasal dari Fasal 34 hingga Fasal 39 seperti berikut:

Fasal 34 menyatakan tarikh berkuat kuasa iaitu mulai tahun taksiran 2003 bagi Fasal 35; mulai tahun taksiran 2005 bagi Fasal 36; dan mulai tahun taksiran 2006 bagi Fasal 37 hingga Fasal 39.

Fasal 35 adalah bertujuan untuk meminda definisi "*petroleum operation*" di bawah Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 bagi membolehkan perbelanjaan modal untuk membina paip baru untuk mengimport gas oleh kontraktor *Petroleum Sharing Contract* (PSC) bagi pihak Petroleum Nasional Bhd layak menuntut elaun modal.

Fasal 36 adalah bertujuan untuk menyediakan peruntukan yang lebih telus dan saksama seperti mana yang terdapat di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 mengenai pemberian potongan cukai di bawah Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 ke atas faedah royalti dan *fee technical* dibayar kepada bukan pemastautin sekiranya cukai pegangan telah dijelaskan oleh pihak yang membuat pembayaran pendapatan tersebut.



Fasal 37 meminda perenggan 3 Jadual Kedua Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 untuk menetapkan bahawa perbelanjaan bangunan yang layak berhubung pembelian sesuatu bangunan industri adalah harga pembelian bangunan tersebut. Pindaan ini bertujuan untuk memudahkan pengiraan elaun bangunan industri kepada pembeli sesebuah bangunan tanpa perlu merujuk jumlah elaun bangunan industri yang telah dituntut oleh penjualnya.

Fasal 38 menetapkan bahawa elaun bangunan industri yang telah ditetapkan sebelum berkuat kuasanya pindaan ini mulai tahun taksiran 2006 kekal mengikut peruntukan yang sedia ada; dan

Fasal 39 untuk memastikan pindaan ke atas pengiraan elaun bangunan industri tidak melibatkan kenaikan imbangan bagi bangunan industri yang dijual selepas 50 tahun dari tahun bangunan ini dibina.

Bab IV pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976. Bab IV terdiri dari dua fasal iaitu Fasal 40 dan Fasal 41.

Fasal 40 menetapkan tarikh berkuat kuasa pindaan ini iaitu mulai 11 September 2004. Manakala Fasal 41 pula, menyediakan peruntukan bahawa harga pelupusan di bawah transaksi skim pembiayaan menurut prinsip syariah adalah disifatkan bersamaan dengan harga pemerolehannya.

Peruntukan ini bertujuan untuk memberikan layanan cukai yang saksama antara produk perbankan dan pasaran modal Islam dengan produk konvensional bagi skim pembiayaan yang diluluskan sebagai menepati prinsip-prinsip syariah oleh Bank Negara Malaysia atau Suruhanjaya Sekuriti.

Bab V, pindaan kepada Akta Setem 1949. Bab V terdiri dari dua fasal iaitu Fasal 42 dan Fasal 43.

Fasal 42 menetapkan tarikh berkuat kuasa pindaan ini mulai 11 September 2004. Manakala Fasal 43 pula adalah pindaan ke atas Jadual Pertama Akta Setem 1949 untuk menyediakan peruntukan pengecualian duti, pengecualian duti setem secara *blanket* ke atas Surat Cara Tambahan yang perlu dibuat bagi transaksi pembiayaan menurut prinsip syariah.

Peruntukan ini bertujuan untuk memberikan layanan cukai yang saksama antara produk perbankan dan pasaran modal Islam dengan produk konvensional bagi skim pembiayaan yang diluluskan sebagai menepati prinsip-prinsip syariah oleh Bank Negara Malaysia atau Suruhanjaya Sekuriti.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Sumber Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976; dan Akta Setem 1949 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Dato' Dr. Chin Fook Weng.

**4.28 ptg.**

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam perbahasan Rang Undang-undang Kewangan 2004 ini, sungguhpun kita akan membahaskan pindaan kepada empat akta iaitu Akta 53, 54, 169 dan 378, saya dapati kebanyakan itu adalah diperlukan oleh kerana kita baru meluluskan bajet dan semuanya ada kaitan kecuali beberapa aspek yang mungkin saya akan beri sedikit komen, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebab ia membabitkan sekali lagi *the rule of law*.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Maka cadangan-cadangan di bawah belanjawan terpaksa dilaksanakan di bawah undang-undang maka dibentangkan undang-undang ini sebagai pengesahan bahawa segala kutipan dan perbelanjaan itu dibuat di bawah *the rule of law*.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana itu, maka nampaknya kita tidak perlulah banyak perbahasan tentang aspek-aspek ini. Sebagai contoh, dalam pembelian komputer, kita sudah meluluskan tambahan RM400 ke-RM700 maka ini kita kena pinda 6A (3A). Dalam pembelian buku, jurnal, majalah dan penerbitan lain, kita sudah luluskan dari RM500 ke-RM700 maka ini perlu pindaan kepada seksyen 46(1)(i) dan juga bagi OKU (orang kurang upaya) kita sudah menambah lebih faedah kepada mereka bagi orang perseorangan sudah tambah RM2,500 ke-RM3,500 dan pindaan perlu juga dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara semacam ini kita sudah luluskan, jadi tidak payah lagilah kita .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebutkan *consequential*....

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Ya, *consequential* daripada .....

**Tuan Yang di-Pertua:** ..... ataupun ekoran.....

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** .... ya, ekoran .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat tahu apakah perkataan selain daripada 'ekoran' sebagai terjemahan kepada '*consequential*'? Adakah Yang Berhormat maklum ....

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** ..... akibat-akibat ataupun hasil-hasil daripada pindaan-pindaan itu. Tuan Yang di-Pertua, bagi faedah kepada orang kurang upaya (OKU), saya dapati pada masa ini masih ada banyak masalah bagi mereka mendapatkan faedah-faedah yang diperuntukkan kepada mereka ini. Tidakkah kerajaan bercadang untuk mengadakan satu daftar OKU? Dan sebaik sahaja kita luluskan sebarang faedah kepada kumpulan ini, maka kita bagilah kepada semua yang ada dalam daftar itu, dan bagi kita mungkin senang, tidak perlu mereka membuat permohonan dan sebagainya. Jadi, ini adalah satu cadangan untuk dikaji oleh kementerian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi, kerajaan kena bentang satu lagi rang undang-undang mewujudkan daftar OKU?

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** [*Ketawa*] Kaji dan kalau boleh bagi secara menukar jadual dan sebagainya, mungkin ini pun boleh dibuat atau sebagai perintah Menteri dan sebagainya, mungkin itu lebih sesuai dan tidak payah datang balik ke sini untuk memberi faedah kepada mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Seksyen 61 Akta 53 itu, dengan tambahan Seksyen 61A, di mana pengagihan daripada Unit Amanah ataupun Unit Trust dari pendapatan yang dikecualikan, tiada cukai dikenakan buat sementara sekarang. Tetapi dengan pindaan ini, maka pengagihan itu akan dikenakan cukai. Saya berharap bahawa kementerian akan mengkaji semula perkara ini memandangkan faedah atau bunga bank daripada simpanan itu begitu rendah dan banyak daripada pelaburan telah diagihkan kepada Unit Amanah dan kalau cukai dikenakan kepada pengagihan daripada itu, adakah kita akan menyusahkan mereka lagi khasnya pesara warga tua dan yang mengharapkan pendapatan daripada faedah ini untuk membantu kehidupan mereka. Kenapa kita mengenakan cukai memandangkan pada masa ini kita tidak ada cukai? Ini adalah satu perkara yang saya harap kementerian akan memberikan sedikit perhatian.

Tentang seksyen baru 111B dan 111C dan juga Seksyen 151 yang membolehkan penubuhan tabung yang dipanggil Tabung Bayaran Balik Cukai (*Fund for Tax Refund*), dengan izin, ianya bertujuan mempercepatkan bayaran balik cukai yang terlebih dibayar. Ada diperuntukkan bahawa pembayaran balik tidak dimasukkan ke Kumpulan Wang Disatukan dan ada juga diperuntukkan bahawa tabung ini dikendalikan oleh Ketua Akauntan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, yang meluluskan bayaran balik ialah Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri mengikut Seksyen 151. Adakah mereka yang menguruskan wang ini dan mereka yang meluluskan bayaran balik itu kena mendapat persetujuan baru bayaran balik itu boleh dibuat ataupun secara automatik sahaja apabila Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri meluluskan bayaran balik, maka Ketua Akauntan Negara akan membayar dari tabung itu?

Saya ingin tahu prosedur untuk mendapat bayaran balik kerana pada masa ini selalunya tuduhan ialah kerajaan cepat mengutip, tetapi bagi bayaran balik (*refund*) sangat sukar dan hutang mereka yang terlebih bayar itu banyak tahun dan enggan dikembalikan. Dengan tabung ini mungkin kita ada harapan bahawa apa yang dibayar lebih itu boleh dibayar balik dengan cepat tetapi mengenai prosedur, apabila saya nampak dua pihak yang mengendalikan tabung ini, satu yang menjaga tabung dan satu lagi yang meluluskan bayaran balik. Kalau kedua-dua pihak itu tidak bekerjasama apakah prosedur untuk mempercepatkan bayaran balik? Kita tidak ada satu tabung yang mengumumkan kebaikannya kepada para pembayar cukai dan kemudian ada masalah yang dihadapi oleh mereka dalam tuntutan-tuntutan itu.

Saya berharap satu prosedur yang jelas itu diputuskan dan diumumkan supaya kita tidak menghadapi sebarang masalah dalam tuntutan bayaran balik itu, kerana itu adalah duit pembayar cukai yang telah terlebih bayar kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pindaan kepada Bahagian X, dalam Jadual 1 itu, saya dapati peruntukan kadar cukai 28% untuk pendapatan yang diagihkan kepada pemegang unit yang bukan pemastautin itu akan dikenakan cukai seperti yang saya sebutkan iaitu 28%, adakah ini akan membawa satu situasi di mana orang-orang ini yang mungkin akan melabur dalam Unit Amanah atau Unit Trust ini supaya tidak digalakkan berbuat demikian kerana adanya cukai ini. Bukankah lebih baik kalau kita tidak ada satu peruntukan semacam ini untuk mengenakan cukai kepada pihak ini

supaya kita akan menggalakkan lebih ramai orang menyertai skim ini, dan kita juga perlukan pelaburan dan sebagainya untuk semua firma dan syarikat kita di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyoal tentang pindaan kepada perenggan 25 Jadual 6 Akta 53 ini. Ini berkenaan dengan persaraan wajib pada umur 50 tahun, tetapi sebelum 55 tahun mengikut kontrak pengajian ataupun perjanjian. Ada dicadangkan bahawa *gratuity* lepas RM5,000 darab bilangan tahun genap berkhidmat dikenakan cukai. Tuan Yang di-Pertua, bagi saya ini adalah hasil daripada usaha seseorang. Seseorang itu bekerja kepada sesuatu syarikat dan kemudian dia diberi ganjaran ini sebagai *gratuity*, kenapa dia harus dikenakan cukai? Kenapa bukan semua amaun yang didapati itu dikecualikan daripada cukai? Kenapa hanya mengecualikan RM6,000 darab bilangan tahun genap berkhidmat sahaja? Bukankah lebih adil kepada seseorang itu supaya selepas dia bekerja lebih daripada satu tahun, kemudian dia mungkin ingin ke sektor lain, dan dia telah memohon persaraan, bukankah dia berhak menerima keseluruhan *gratuity* yang diberikan kepadanya dan kenapa ia dikenakan cukai selepas sesuatu amaun yang ditetapkan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, itulah pertanyaan-pertanyaan saya berkenaan dengan akta lain iaitu Akta 543, Akta 169 dan Akta 378 saya dapati banyak aspek itu pun adalah hasilan daripada pindaan-pindaan yang telah kita luluskan dalam Bajet itu dan oleh kerana itu Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi.

**4.41 ptg.**

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di sini saya ingin membahaskan Rang Undang-undang Kewangan 2004. Di dalam pindaan Akta 53 Seksyen 6A pindaan yang dibentangkan adalah seperti Seksyen Kod 6A(3A) Akta itu dipinda dengan menggantikan perkataan '*four hundred*' kepada perkataan '*five hundred*'. Ini adalah berkenaan dengan pembelian komputer tetapi di muka surat 24 di dokumen yang dibentangkan ini, nombor 4 terdapat ringgit yang tidak bersamaan dengan pindaan yang disebutkan. Nombor 4 di muka 24 berbunyi begini "Kod fasa 6 bertujuan untuk meminda seksyen 6A (3A) Akta 53 untuk mengadakan peruntukan tentang kenaikan amaun rebet bagi pembelian komputer peribadi dari RM400 kepada RM700" Nampaknya huraian di belakang ini tidak serupa dengan pindaan yang diminta, serupa juga dengan huraian bahasa Inggeris "*seven hundred dollars*". Tetapi

pindaan yang ada ialah *five hundred*. Saya harap kualiti dokumen yang dibentangkan di Dewan Rakyat atau Dewan Negara ini boleh disemak supaya kesilapan begitu tidak timbul.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua berkenaan dengan akta ini juga saya hendak bahaskan ialah berkenaan dengan Tabung Bayaran Balik Cukai. Pewujudan tabung ini saya sokong dan harap prosedur-prosedur dan borang dapat dijelaskan dengan jelas, *simple* dan lengkap borangnya. Juga saya berharap dengan prosedur-prosedur yang ditetapkan itu dapat menetapkan satu had tempoh bagi bayaran balik selepas borang lengkap itu diserahkan. Umpamanya, satu bulan selepas borang lengkap itu diserahkan maka bayaran balik itu diuruskan dan dihantar. Saya berharap kementerian dapat menentukan dan menetapkan had tempoh tersebut. Dengan ini saya mohon menyokong Rang Undang-undang Kewangan 2004. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Hassan bin Shukri.

**4.45 ptg.**

**Tuan Hassan bin Shukri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi sedikit ruang kepada saya untuk turut serta membahaskan pindaan kepada Rang Undang-undang Kewangan 2004. Sebagaimana yang telah disebutkan oleh sahabat saya Dato' Dr. Chin Fook Weng bahawa pindaan ini dikemukakan kepada Dewan yang mulia ini ialah untuk membolehkan Kementerian Kewangan dan kementerian-kementerian yang berkenaan untuk melaksanakan Bajet 2005 yang telah dikemukakan kepada Dewan ini telah kita luluskan bersama.

Saya hanya ingin menarik perhatian di sini dalam dua perkara sahaja, iaitu kepada huraian Fasal 4 di mana satu pindaan telah dibuat bagi membolehkan Bank Negara dan Suruhanjaya Sekuriti untuk melaksanakan tugas-tugas mereka, barangkali untuk menarik pelabur-pelabur asing supaya terutama sekali saya telah diberikan jawapan tentang pelabur-pelabur yang datang dari negara-negara Arab supaya sebarang langkah yang diambil bagi melaksanakan pelaburan Sekuriti Islam ini bersesuaian dengan kehendak-kehendak syariat kerana orang-orang Arab biasanya sangat memerhatikan kepada persoalan-persoalan ini. Maka dengan sebab itulah apabila ada pindaan ini kita mengharapkan supaya pelabur-pelabur dari negara-negara Arab akan datang melabur ke negara kita ini. Saya mengucapkan syabas ke atas pindaan yang telah dibuat, mudah-mudahan ini akan membuka ruang dan peluang kepada kita untuk menarik pelabur-pelabur dari negara-negara Arab khususnya.

Kedua, saya juga mengucapkan tahniah kerana telah diberikan ruang kepada syarikat-syarikat untuk membuat potongan terhadap zakat. Walau bagaimanapun, ia hanya tidak melebihi daripada yang telah ditentukan oleh syariat Islam bahawa zakat itu ialah 2.5%. Mudah-mudahan dengan ini juga akan menggalakkan supaya syarikat-syarikat itu akan membayar zakat mereka kepada pihak-pihak yang berkuasa yang telah ditentukan oleh Majlis Agama Negeri masing-masing.

Ketiga, saya juga ingin mengambil perhatian di sini tentang harta sepencarian yang telah disebutkan tadi bahawa sesungguhnya memang Majlis Fatwa, waktu itu saya menjadi Ahli Majlis Fatwa Wilayah Persekutuan telah memutuskan bahawa simpanan KWSP adalah menjadi harta yang telah ditinggalkan kepada waris-waris. Walau bagaimanapun, kalau waris itu dinamakan dua dan tiga, ianya adalah sebagai wasi sahaja dan waris-waris bertanggungjawab juga kita harapkan dalam akta pindaan ini akan dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya supaya mereka yang telah dijadikan penama atau dinamakan sebagai di dalam KWSP ini akan betul-betul dapat melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai wasi.

Saya rasa yang lain daripada itu kita mestilah meluluskan akta ini kerana dengan melalui kelulusan akta ini maknanya kementerian-kementerian akan dapat melaksanakan kehendak-kehendak yang telah kita persetujui di dalam Belanjawan 2005 baru-baru. Maka dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Datuk Hajah Dayang Mahani.

**4.47 ptg.**

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya kesempatan untuk sama-sama membahaskan berkenaan dengan Rang Undang-undang Kewangan 2004 yang merangkumi pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967, pindaan kepada Akta Petroleum Cukai Pendapatan 1967 dan juga pindaan kepada Cukai Keuntungan Tanah Harta 1976 dan pindaan kepada Akta Setem 1949.

Pada umumnya kerajaan memperolehi hasilnya daripada pelbagai sumber seperti cukai pendapatan dan hasil bukan cukai dan cukai-cukai lain seperti pinjaman dan penggunaan aset kerajaan, cukai tidak langsung, duti import dan duti eksport. Antara sumber-sumber hasil ini cukai pendapatan telah menjadi penyumbang terbesar di mana pada setiap tahun peratusan sumbangan sumber hasil ini melebihi daripada sumber-sumber yang lain dan dalam Bajet 2005 yang telah dibentangkan oleh Yang

Amat Berhormat Perdana Menteri pada bulan September lepas, cukai pendapatan telah menyumbang 36.1% daripada jumlah keseluruhan hasil yang diperolehi oleh kerajaan iaitu sebanyak RM445 juta. Oleh itu, kita tidak boleh nafikan kepentingan hasil ini kepada pertumbuhan ekonomi negara. Lebih-lebih lagi pada setiap tahun kerajaan perlu mengadakan pelbagai perbelanjaan untuk tujuan membangun dan mengurus.

Sebab itu di bawah Bajet 2004 apabila kerajaan tidak memperkenalkan cukai-cukai baru, pendekatan secara agresif telah digunakan oleh kerajaan melalui agensinya iaitu Lembaga Hasil Dalam Negeri atau ringkasnya LHDN untuk mengutip cukai pendapatan kerana kerajaan benar-benar berharap sumbangan secara berterusan daripada sumber ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menggalakkan rakyat jelata khususnya mereka yang telah bekerja supaya membayar cukai pendapatan dan tidak lari dari tanggungjawab yang penting ini, kerajaan perlu ada pendekatan-pendekatan baru yang lebih bersifat mesra pelanggan. Ini penting kerana sekiranya pendekatan-pendekatan yang dibuat tidak memperlihatkan keprihatinan kepada pelanggan ataupun pembayar cukai, maka tentulah ia akan menimbulkan pelbagai masalah seperti mana yang berlaku sekarang ini di mana pihak LHDN terpaksa melaksanakan operasi dari rumah ke rumah untuk mengejar para pembayar cukai yang telah lari daripada tanggungjawab mereka.

Paling menyedihkan ialah ada di kalangan pembayar cukai yang tidak melaksanakan tanggungjawab mereka ini adalah mereka yang berada di dalam kehidupan yang mewah dan telah pun memperoleh gelaran seperti Datuk dan sebagainya sedangkan secara realitinya sepatutnya golongan ini tidak bermasalah untuk membayar cukai pendapatan mereka. Oleh itu kerajaan perlu mengambil langkah segera terutamanya melakukan satu kajian ataupun siasatan ke atas golongan tersebut untuk mengkaji sebab mengapa mereka sukar untuk melaksanakan tanggungjawab membayar cukai ini sedangkan dalam masa yang sama golongan ini tidak mempunyai masalah dari segi kewangan.

Saya percaya sekiranya kita berjaya mencari sumber sebenar golongan ini tidak mahu membayar cukai, apa jua kaedah atau pendekatan yang dilaksanakan selepas ini pasti tidak akan mendatangkan masalah sama ada kepada pembayar cukai mahupun kepada pihak kerajaan.



Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh beberapa perkara yang terlibat dalam pindaan Akta Cukai Pendapatan ini pertamanya Fasal 6, yang bertujuan untuk meminda subseksyen 6A(3A) di bawah Akta 53 berkenaan dengan peruntukkan untuk mengadakan satu kenaikan ke atas amaun rebat bagi pembelian komputer peribadi iaitu daripada RM400 kepada RM700, sebenarnya sungguhpun seperti mana yang telah disentuh oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng, bahawa perkara ini telah kita luluskan dalam debat kita semasa kita membahaskan Bajet 2005.

Saya turut gembira terhadap pindaan peruntukan ini kerana secara tidak langsung ia akan dapat menggalakkan serta meningkatkan penggunaan ataupun kemudahan IT dalam negara ini di samping menyokong perkembangan ITT yang turut menjadi dasar kerajaan kita. Selain itu peruntukan ini juga akan membantu meningkatkan kadar celik komputer di kalangan rakyat Malaysia terutamanya kepada penduduk di kawasan yang masih lagi belum dapat liputan kemudahan IT sepenuhnya.

Walau bagaimanapun, di masa yang akan datang, mungkin tahun depan, saya ingin mencadangkan adalah lebih baik sekiranya kerajaan memberikan amaun rebat ini berdasarkan kepada harga komputer peribadi yang dibeli kerana kebanyakan komputer peribadi sekarang tidaklah begitu mahal sangat, ia hanya dianggarkan di antara RM1,200 hingga RM1,500. Akan tetapi untuk berlaku adil kepada kerajaan amaun rebat ini berdasarkan kepada harga komputer peribadi yang dibeli ini haruslah juga tertakluk kepada satu jumlah maksimum yang ditetapkan oleh kerajaan sendiri iaitu misalnya RM1,500 sehingga RM2,000.

Sekiranya ia dapat dilakukan, saya berkeyakinan akan lebih ramai lagi warga pekerja di negara ini yang akan membuat pembelian komputer peribadi pada masa yang akan datang dan sekali gus dalam masa yang sama kita sudah mampu membantu membangun ICT yang selama ini turut menjadi agenda pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan peruntukan untuk menaikkan potongan daripada pembelian buku, jurnal, majalah dan penerbitan yang lain yang seumpamanya daripada RM500 kepada RM700 juga pindaan ini telah kita luluskan dalam debat kita masa meluluskan Bajet 2005, cuma yang ingin saya perkatakan di sini, kalau boleh biarlah jumlah ini dapat ditingkatkan supaya ia akan memberi satu galakan kepada warganegara kita untuk lebih suka membaca dan mereka akan membelanjakan kepada perkara-perkara yang

berfaedah iaitu membeli bahan-bahan ilmiah dan pindaan ini juga secara tidak langsung dapat membantu usaha kerajaan untuk melahirkan rakyat Malaysia yang gemar kepada pembacaan kerana hari ini kita lihat kepada kadar pembacaan buku di Malaysia ialah hanya dua buku setahun kalau dibandingkan dengan negara-negara lain yang membaca antara lima hingga 10 buku setahun.

Justeru itu melalui pindaan ini kita semua berharap pada masa yang akan datang keseluruhan rakyat di negara ini akan dapat meningkatkan amalan membaca, sekali gus dapat memartabatkan Bahasa Malaysia di mata dunia. Walau bagaimanapun, sebagai langkah sokongan kepada pindaan ini saya turut berharap agar kerajaan membantu untuk meningkatkan jumlah ini supaya ianya dapat memberi ruang dan peluang kepada mereka yang berminat untuk meningkatkan jumlah buku yang dapat yang mereka baca setiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Fasal 9, yang bertujuan untuk meminda seksyen 45A Akta 53 dengan pindaan ini dalam hal taksiran bersama jika suami atau isteri ialah seorang kurang upaya potongan dinaikkan daripada RM2,500 kepada RM3,500. Berdasarkan kepada hak yang sama antara wanita dunia kaum bapa di negara ini yang dijamin di bawah Perlembagaan mungkin akta ini dapat diperluaskan sungguhpun tidak disentuh dalam pindaan ini, kalaulah boleh diperluaskan untuk memberi keistimewaan dan potongan yang sama kepada wanita-wanita yang menjadi penyara utama dalam sesuatu keluarga.

Biasanya kaum bapa diberi potongan untuk menanggung isteri ataupun isteri-isteri dan menanggung anak ataupun anak-anak dan ini bukan menanggung suami yang kurang upaya, Tuan Yang di-Pertua, ini kalaulah sekiranya suami tidak bekerja dan si isteri menjadi pesara keluarga yang utama. Jadi, dalam keadaan ini apabila *income tax deduction* dibuat tidak ada potongan untuk menjaga suami yang tidak bekerja dan anak yang ditanggung seterusnya. Kalaulah ini juga dapat diperluaskan bukan hanya kepada tanggungan suami isteri yang kurang upaya.

Dan satu perkara yang tidak disentuh tetapi saya rasa penting dan mungkin dapat juga diperluaskan ialah berkenaan dengan perlindungan *Health Insurance*. Memandangkan kos rawatan semakin hari semakin mahal maka perlu satu skim ala-KWSP ataupun satu tabung '*Health*' yang boleh diwujudkan oleh kerajaan yang memberi perlindungan kesihatan dan pencarum diberi rebat sehingga 10% jumlah pendapatan seseorang pekerja itu dan kalau ini dapat dibuat saya rasa ia boleh

menjamin kesihatan yang berterusan untuk pekerja kita dan juga mengurangkan perbelanjaan tanggungan kerajaan terhadap kesihatan.

Dengan kata-kata yang sedemikian, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sukacita saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab dan menggulung perbahasan.

**4.59 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang]:**

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang membahaskan rang undang-undang ini untuk diperjelaskan, pertamanya rang undang-undang ini adalah untuk kita melaksanakan Bajet 2005 ke atas percukaian yang disebut dalam Bajet berkenaan dan pastinya apa yang kita telah sebut di dalam pindaan ini ialah melibatkan peruntukan ataupun tambahan-tambahan kemudahan dalam bentuk cukai, dalam bentuk caj, *fee* dan sebagainya yang akan dinikmati oleh rakyat, syarikat dan sebagainya. Jadi, saya ucap terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Bagi menjelaskan beberapa perkara yang berbangkit, pertamanya kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng yang mencadangkan supaya diwujudkan daftar orang kurang upaya bagi memudahkan tuntutan manfaat OKU.

Tuan Yang di-Pertua, bagi melaksanakan program pemotongan cukai ini sebenarnya maklumat yang sedia ada sekarang ini daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat diguna pakai untuk keperluan ini. Saya percaya Jabatan Kebajikan Masyarakat mempunyai maklumat yang terperinci dan insya-Allah boleh kita gunakan.

Mengenai *rate* mengapa cukai dikenakan ke atas pemegang unit amanah ini. Mengikut peruntukan yang ada sekarang ini, bahagian pendapatan yang diagihkan kepada pemegang unit amanah ini telah pun dikenakan cukai. Ini bukan cukai yang baru kepada pemegang unit, tetapi insentif bagi mengecualikan badan amanah atas pendapatannya yang diagihkan adalah untuk membolehkan badan-badan amanah yang tersebut membuat agihan yang lebih banyak kepada pemegang unit amanah ini, bukan kepada pelabur tetapi kepada badan amanah itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, perkara mengenai prosedur bayaran balik tabung bayaran semula cukai yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin dan juga Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi, sebenarnya sekarang ini tabung bayaran

balik ini tidak ada dan disebut dalam bajet yang lalu, di mana untuk menyegerakan bayaran balik yang mana sekarang setiap kutipan cukai daripada pembayar cukai dimasukkan terus ke akaun Kumpulan Wang Disatukan dan seperti biasa, untuk menggunakan kumpulan wang ini, mestilah mendapat kelulusan di peringkat undang-undang Parlimen dan kita sekarang.

Bagi memakainya selama ini, kita membuat peruntukan setiap tahun. Tetapi tentu sekali peruntukan ini sebagai anggaran dan tentu sekali apabila ianya anggaran, ianya tidak mengenai sasaran. Jadi bagi memudahkan perkara ini, tabung ini mengikut kaedahnya, setiap cukai yang dikutip akan diperuntukkan sebahagiannya untuk dimasukkan ke dalam tabung ini dan apabila kita pinda begini tabung ini akan diurus dari segi kelulusannya dan setiap cukai itu disahkan oleh Ketua Pengarah dan pemakaian ataupun pembayarannya hanyalah kepada prosedur tabung ini sahaja.

Dijangka pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri akan mengemas kini dan juga memastikan dengan sasaran setiap tuntutan terlebih cukai yang telah disahkan dapat dibayar dalam tempoh tiga bulan. Jadi ini satu kesegeraan yang saya rasa sangat baik dan saya ucap terima kasih di atas sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Kepada perkara yang dibangkitkan mengapa hanya RM6,000 bagi setiap tahun diberi pengecualian cukai kepada pesara awal seumur 50 tahun untuk gratuiti yang diterima. Sebenarnya, Yang Berhormat, gratuiti yang diterima mengikut peraturan sekarang ini setiap pesara yang wajib 55 tahun telah pun layak ke atas gratuiti ini layak dikecualikan cukai sepenuhnya. Tetapi sebenarnya pindaan ini dikhususkan kepada pihak swasta. Sesetengah badan swasta yang memerlukan persaraan diberi lebih awal kepada kakitangannya yang tertentu dan apabila lebih awal ini maksudnya seawal 50 tahun.

Sekarang ini kalau 55 tahun memang layak diberi pengecualian. Tetapi kalau 50 tahun dan tidak menikmati soal ini, maka kita rasa kerugian kepada pesara berkenaan. Jadi, dengan kaedah ini kita akan memberi potongan sehingga RM6,000 ke atas pesara awal ini dengan syarat ia bekerja berturut-turut sepanjang 10 tahun di syarikat berkenaan. Ini tambahan kepada kemudahan yang sedia ada.

Begitu juga Yang Berhormat, saya ucap terima kasih kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi mengenai Fasal 6, kenaikan daripada RM400 kepada RM700 yang tercatat dalam edaran rang undang-undang,

tetapi sebenarnya telah dibuat pembetulan. Pembetulan telah ada di dalam ini di mana dibetulkan daripada RM700 kepada RM500. Okey Yang Berhormat?

Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri menjelaskan tadi dan sukacita saya ingin menambah, iaitu soal akta yang kita pinda ini supaya memberi layanan yang saksama dari segi cukai, setem dan sebagainya antara sistem kewangan prinsip syariah dengan konvensional. Sebenarnya suka saya menjelaskan sekarang ini sistem ataupun prinsip syariah ini kita beli dalam bentuk akad.

Contohnya kita beli rumah RM100 ribu, oleh kerana akadnya katakan dalam tempoh 20 tahun, dalam tempoh 20 tahun itu keuntungan bersama yang dipersetujui oleh peminjam dan juga pihak pemberi pinjam, contohnya RM100 ribu, maka kita akad RM200 ribu. Buat setakat ini setem sebagai cukainya dikenakan ke atas jumlah perjanjian itu RM200 ribu.

Tetapi kepada bank biasa ataupun konvensional, pinjamannya adalah RM100 ribu tetapi faedah ke atas RM100 ribu untuk 20 tahun kemudian itu tidak dianggap dalam perjanjian, tidak diwujudkan dalam perjanjian. Maka dengan kaedah pindaan ini kita tidak menganggap keuntungan yang belum diperolehi dalam tempoh 20 tahun itu sebagai pendapatan ataupun sebagai yang akan dikenakan setem cukai. Maka inilah kita pinda dan ia memberi kesaksamaan. Tidaklah nanti rakyat atau peminjam kata lebih mahal sistem Islam daripada sistem konvensional.

Saya ucap terima kasih juga kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani dan saya percaya saya juga bersama dengan Yang Berhormat. Sebenarnya telah banyak pelepasan ataupun pengecualian cukai diberikan kepada individu sama ada berkeluarga bersama ataupun tidak, soal pembelian komputer, komputer buku dan sebagainya. Kalaulah kita lihat di antara pengecualian-pengecualian yang diberi ini kalau kita gabungkan jumlahnya, ia memberi pelepasan terhadap pendapatan yang sangat tinggi.

Saya juga mengucapkan terima kasih di atas cadangan yang diberikan. Insya-Allah akan dibincangkan ataupun barangkali akan diperolehi oleh pakar-pakar cukai akan dinilai pada masa akan datang bagaimana soal ada isteri yang menanggung suami yang tidak bekerja. Tetapi saya percaya sukar untuk kita katakan ataupun kita hendak daftar suami yang tidak bekerja ini. Jadi, yang tidak mampu atau kurang upaya mudah kita daftarkan.

Tuan Yang di-Pertua, itulah penjelasan yang boleh saya berikan. Walau bagaimanapun secara kesimpulannya pembentangan rang undang-undang ini adalah untuk melaksanakan Bajet 2005 yang akan diluluskan oleh kedua-dua Dewan kita yang dibaca oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan pada September yang lepas. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang, hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

*Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.*

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

### **Fasal-fasal 1 hingga 33 –**

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae:** Tuan Pengerusi, di dalam peringkat Jawatankuasa ini, saya cuma ingin mohon penjelasan sedikit sebab dalam jawapan tadi mengatakan saya mencadangkan bahawasanya satu akta mungkin dapat diperluaskan untuk membolehkan supaya wanita-wanita yang menjadi pesara utama, tidak kira sama ada suaminya tidak bekerja kah, sama ada dia uzur kah yang mengakibatkan dia bekerja atau pun dia memang bekerjalah. Kalau mudah untuk kaum bapa diberi *rebate* untuk menanggung isteri dan anak-anak - bukan sahaja isteri sahaja tetapi isteri-isteri dan anak-anak - saya rasa lebih mudah untuk wanita diberi *rebate* yang sama. Sebabnya ialah sekarang dengan zaman ICT, dengan computerization, kita tahu bahawasanya senang dengan melalui mencatat nombor IC kita sudah tahu sama ada suaminya bekerja atau tidak bekerja dan sebagainya. Jadi saya bagi pihak wanita Malaysia yang mengharapkan kesaksamaan supaya perkara ini dapat dipertimbangkan.

**Tuan Pengerusi :** Walau pun hujah Yang Berhormat itu di peringkat dasar, suka saya menyatakan bahawa *rebate* adalah berkaitan dengan *income earner*. *Income earner* tidak semestinya lelaki. Setujukah atau tidak, Yang Berhormat? Yang Berhormat hendak jawab soalan itu?

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang]:**

Tuan Pengerusi, saya rasa Yang Berhormat menjelaskan lagi, kita faham.

**Fasal-fasal 1 hingga 33** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali ketiga dan diluluskan.

### **RANG UNDANG-UNDANG AGENSI ANTI DADAH KEBANGSAAN 2004**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguh atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” **[9 Disember 2004]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato’ Dr. Chin Fook Weng boleh menyambung ucapan.

**5.15 ptg**

**Dato’ Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya telah bangun untuk menyokong Rang Undang-Undang Agensi Anti Dadah Kebangsaan 2004 itu kepada 16 hb Disember dan saya menyambung perkara-perkara yang saya ingin menyentuh itu.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin memberitahu sedikit maklumat yang diperolehi oleh terbitan-terbitan Agensi Dadah Kebangsaan dan data itu telah diumumkan kepada persidangan tahunan PEMADAM yang berlangsung di Kuala Perlis, Kedah, baru-baru ini. Menurut apa yang telah dilaporkan maka jumlah yang terlibat dalam...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, bolehkah saya ganggu sebentar? Saya hendak memberi maklum kepada Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini bahawa kita masih ada 9 Rang Undang-Undang selain daripada Rang Undang-

Undang yang dibahaskan sekarang. Kita ada hanya 14 minit sahaja lagi untuk menghabiskan sebanyak mungkin pada hari ini saya ingin bertanya sama ada kerajaan bercadang untuk mengemukakan usul?

Sila teruskan Yang Berhormat Chin.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya juga cuba memendekkan perbahasan saya.

Apa yang menjadi masalah ialah jumlah mereka yang terlibat dalam dadah pada 8 bulan yang pertama tahun ini telah meningkat sebanyak 28.29%. Pada masa yang sama pada tahun 2003 hanya ada 22,512 orang, tetapi sehingga Ogos tahun ini sudah meningkat kepada 29,971. Kita dapati sama ada usaha kita untuk menghapuskan masalah ini supaya Malaysia boleh menjadi satu negara yang bebas daripada masalah dadah itu menjelang 2015 itu boleh dicapai. Dengan pindaan nama agensi kepada Agensi Anti Dadah Kebangsaan itu maka bolehkah kita mencapai apa yang telah menjadi sasaran kita? Dan apa yang telah dijadikan satu usaha kita untuk mengatasi masalah ini?

Tuan Yang di-Pertua, di dalam pindaan-pindaan yang telah dicadangkan, ada dikatakan bahawa 4 akta akan digabungkan dan Akta 234, Akta 283, Akta 316 dan Akta 340. Kalau kita adakan satu agensi khas untuk mengatasi masalah dadah ini, bolehkah kita dapat perjanjian atau fahaman daripada semua pihak bahawa masalah ini akan diatasi? Ataupun pada tahun depan mungkin kita akan baca angka atau perangkaan yang lebih tinggi lagi daripada apa yang berlaku sekarang.

Mungkin prosedur kita bukan hanya hendak menukar cara dan prosedur tetapi kita harus memikirkan perkara demi perkara kenapa, sungguhpun kita begitu berusaha masalah ini masih berterusan. Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh, saya ingin tahu sama ada kerajaan telah mengkaji usaha dalam pemulihan selepas sesuatu penagih dadah itu telah masuk ke pusat serenti.

Nampaknya tidak ada peruntukan dalam undang-undang ini ataupun tidak ada prosedur sekarang bagi kerajaan membantu mereka untuk mendapatkan pekerjaan sebagai contoh. Tidak ada peruntukan kerana banyak daripada mereka ini yang keluar daripada pusat serenti itu mungkin masih menghadapi masalah dadah kerana tidak diterima balik oleh masyarakat, tidak dapat pekerjaan tetap dan mungkin keluarga mereka juga ada masalah untuk menerima mereka ini. Tidakkah kerajaan menambah satu peruntukan dalam undang-undang untuk membolehkan bantuan yang berterusan



diberi kepada mereka. Saya ingin tahu mereka yang keluar daripada pusat serenti ini berapa banyak daripada mereka itu kembali ke masalah dadah ini akibat daripada satu masyarakat atau sistem yang mungkin tidak memberi begitu banyak bimbingan kepada mereka selepas mereka mendapat rawatan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengkaji Seksyen 6(h) yang menyatakan mereka boleh mendapatkan dan memelihara sokongan orang ramai dalam memerangi penyalahgunaan dadah berbahaya. Ini mungkin melibatkan aspek-aspek yang penting, yang boleh membenarkan kerajaan memainkan satu peranan yang lebih proaktif dalam membantu golongan ini. Saya juga dapati di bawah 6(i) ini ada satu peruntukan yang menyatakan nasihat Menteri mengenai polisi yang berhubungan dengan rawatan dan pemulihan penagih dadah.

Jadi saya minta, sungguhpun banyak usaha telah ditumpukan kepada peruntukan yang sedia ada bagi menggabungkan semua yang terlibat dalam masalah dadah ini dan juga ada banyak cadangan yang telah dikemukakan tetapi satu aspek yang mungkin tertinggal ialah aspek membantu mereka selepas mereka telah menerima rawatan iaitu termasuk mengikuti perkembangan semasa mereka balik ke masyarakat, semasa mereka dapat berusaha mencari pekerjaan dan sebagainya. Dalam peruntukan ini nampaknya tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin memberi sedikit pendapat saya ialah tentang pengumpulan risikan-risikan keselamatan. Ini ialah di antara tujuan-tujuan kenapa kita tubuhkan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK). Di antara fungsi-fungsi yang disebutkan ialah pengumpulan risikan keselamatan ataupun *collection of security intelligence*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua dan ini dibuat berhubungan dengan aktiviti dadah berbahaya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu dalam aspek ini apakah cara yang boleh digunakan oleh kerajaan. Adakah mereka akan memperkenalkan sebagai contoh *telephone taping* dan juga menggunakan cara-cara risikan yang lain dan adakah ini akan menyentuh hak kebebasan seseorang individu ataupun adakah ini akan menyentuh aspek-aspek yang tidak digunakan dalam negara ini setakat ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya ini adalah suatu perkembangan yang baru dan sungguhpun ini adalah diperlukan bagi maksud mengawasi aktiviti dadah berbahaya itu, tetapi dari segi yang lain, adakah prosedur atau sistem yang akan diguna pakai untuk pengumpulan maklumat ini menyentuh hak-hak rakyat kita ataupun hak-hak

agensi kita. Itu saya memerlukan sedikit penjelasan Tuan Yang di-Pertua, kerana perkara ini ada kaitan dengan perlucuthakkan dan harta yang berkaitan dengan apa-apa aktiviti dadah berbahaya itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin bangkitkan ialah berkenaan dengan Seksyen 8 (2) iaitu tentang status laporan iaitu tentang taraf laporan itu. Diperuntukkan bahawa agensi harus memberi maklumat atas usaha penyiasatan kesalahan itu kepada pemberi maklumat, tidak lewat daripada dua minggu selepas sesuatu permintaan itu dibuat dan juga ada peruntukan kegagalan memberikan laporan status ini.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun selepas pihak itu boleh membuat aduan atau laporan kepada pendakwa raya seperti yang diperuntukkan, maka nampaknya tidak ada jangka masa yang ditetapkan untuk pihak pendakwa raya itu mengambil tindakan. Tuan Yang di-Pertua, kenapa peruntukan undang-undang tidak juga memerlukan pendakwa raya itu supaya respons kepada permintaan ini dalam masa tertentu seperti dua minggu, tiga minggu, satu bulan atau dua bulan seperti yang ditetapkan bagi pegawai yang membuat siasatan itu iaitu sekarang dalam masa dua minggu. Saya bimbang kalau kita tidak mengadakan satu peruntukan yang tepat, maka pihak-pihak itu mungkin mengambil kesempatan tidak memberi apa-apa laporan status kepada seseorang pemberi maklumat itu dan mungkin.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat masa cukup. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan. Dewan bersidang semula pada pukul 10.00 pagi esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.***